

**28 MAC 2017 (SELASA)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2017**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 28 MAC 2017 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

**28 MAC 2017 (SELASA)**

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimatun Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbincangan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum waramatullahitaala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Selangor Yang Ke-13, pada hari yang kedua 28 Mac 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. BACAAN DOA.**

**TUAN SPEAKER:** Salam sejahtera dan selamat datang kepada YAB Dato' Menteri Besar, YB Ahli-ahli EXCO, YB Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam mesyuarat pertama Dewan ini bagi Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13.

Ahli-ahli yang Berhormat, menurut Peraturan 13/1 Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, ucapan takziah akan disampaikan selepas sesi pertanyaan-pertanyaan. Namun begitu pada hari ini ucapan takziah akan disampaikan terlebih dahulu. Perkara ini telah dimohon oleh YAB Dato' Menteri Besar dan saya mengizinkan. Dipersilakan YAB Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

YB Tuan Speaker, Pada pagi yang mulia ini, Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan takziah kepada isteri dan keluarga Allahyarham Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik yang meninggal dunia pada 17 Januari 2017 ketika masih berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Sungai Air Tawar. Kerajaan Negeri turut merakamkan ucapan takziah kepada isteri dan keluarga dua orang mantan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu Allahyarham Dato' Haji Saidin bin Tamby yang kembali ke rahmatullah pada 25 Februari 2017 dan Allahyarham Dato' Mohd Mokhtar bin Ahmad Dahlan pada 21 Februari 2017.

Allahyarham Tuan Kamarol Zaki dipilih sebagai Ahli Dewan Negeri Sungai Air Tawar pada tahun 2013. Beliau yang dikenali sebagai 'Cikgu Zaki' telah banyak memberikan pandangan yang bernas dalam Dewan Negeri ini. Dalam beberapa lawatan kerja saya ke Sungai Air Tawar, Allahyarham turut bersama-sama saya untuk menyantuni rakyat.

Justeru, pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar yang pasti dirindui oleh ahli keluarga dan Ahli-Ahli Dewan Negeri. Saya sendiri berkesempatan hadir ke Hospital Sabak Bernam mewakili Kerajaan Negeri untuk menziarahi jenazah pada hari tersebut.

Allahyarham Dato' Haji Saidin bin Tamby dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri selama 17 tahun dan pernah berkhidmat sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor selama 8 tahun dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor selama 5 tahun. Beliau merupakan seorang tokoh veteran yang telah banyak menabur jasa kepada Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah diwakili oleh YB Tuan Zaidy Bin Abu Talib, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan beliau turut mengimamkan solat jenazah.

Dewan yang mulia ini turut merasa sedih di atas pemergian Allahyarham Dato' Mohd Mokhtar bin Ahmad Dahlan yang merupakan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor selama 13 tahun dan pernah berkhidmat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selama 9 tahun. Saya secara peribadi mempunyai pengalaman kerja dengan Allahyarham ketika saya berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Hulu Kelang pada tahun 1999.

Saya masih ingat suatu insiden sekitar tahun 2000, saya telah menghubungi Allahyarham lewat malam untuk beliau turun ke Hulu Kelang bagi menyelesaikan masalah setinggian di Sungai Sering. Tanpa berlengah, Allahyarham telah turun ke lokasi bersama saya untuk melihat sendiri masalah pertumbuhan kampung setinggian di kalangan warga asing yang menimbulkan banyak masalah sosial. Susulan lawatan berkenaan, kawasan sekitar Sungai Sering telah dibersihkan dan dibangunkan dengan tersusun.

Pengalaman ini cukup memberikan kesan buat saya dan ini membuktikan Allahyarham Dato' Mohd Mokhtar bin Ahmad Dahlan adalah seorang tokoh politik yang sanggup merentasi politik kepartian demi pembangunan Negeri Selangor.

Justeru, pada pagi ini Kerajaan Negeri mengundang isteri dan ahli keluarga untuk menzahirkan penghormatan kepada ketiga-tiga pemimpin ini.

Dewan Negeri Selangor berbesar hati menerima kehadiran isteri Allahyarham Dato' Mohd Mokhtar bin Ahmad Dahlan, Datin Rahimah @ Rohimah Binti Naim bersama anak-anak. Kita juga turut berbesar hati menerima kehadiran Encik Mohd Nasir Bin Kamarol Zaki, anak lelaki kepada Allahyarham Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik bersama keluarga dan Puan Mahizun Binti Saidin, anak perempuan Allahyarham Dato' Haji Saidin bin Tamby bersama keluarga.

Marilah bersama-sama kita mendoakan semoga Allahyarham Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, Allahyarham Dato' Saidin bin Tamby dan Allahyarham Dato' Mohd Mokhtar bin Ahmad Dahlan mendapat husnul khatimah iaitu pengakhiran yang baik serta roh mereka ditempatkan di syurga bersama golongan yang soleh.



Saya mendoakan semoga isteri dan keluarga dianugerahkan oleh Allah SWT dengan kesabaran dan ketenangan serta redha terhadap takdir Ilahi.

Saya pohon keizinan untuk semua Ahli-Ahli Dewan Negeri serta para tetamu untuk berdiri bagi membacakan Surah Al-Fatihah dan bagi yang bukan beragama Islam diminta untuk bertafakur selama 1 minit. Al-Fatihah. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya.

## **II. MEMBENTANGKAN KERTAS MESYUARAT:**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 1 tahun 2017
  - Penyata Kewangan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 2 tahun 2017
  - Laporan Ketua Audit Negara mengenai aktiviti Jabatan Agensi dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2015 Siri 2 dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan prestasi kewangan Agensi Negeri Selangor tahun 2015.
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 3 tahun 2017
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor *Special Select Community on Water Resource Management Of The State Of Selangor* JPKSAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Kualiti *Postmortem* pencemaran air di Sungai Semenyih.
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2017
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan, JPPBT berhubung Polisi Bebas Plastik dan polistirena di Negeri Selangor. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya jemput Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan No.1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(NO.4 SEKINCHAN)**

**TAJUK: PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGERI SELANGOR**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila nyatakan apakah keberkesanan pengurusan sisa pepejal selepas dikendalikan oleh KDEBWM.
  - b) Sila nyatakan apakah kekangan utama yang dihadapi oleh KDEBWM?
  - c) Sila huraikan apakah perancangan secara holistik dan jangka panjang demi memastikan pengurusan sisa pepejal mencapai hasrat Kerajaan Negeri?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker saya mengucapkan terima kasih kepada YB Sekinchan. Sepanjang pengambilan operasi pengurusan sisa pepejal di MPK, KDEWM Sdn. Bhd. telah memperkenalkan beberapa inisiatif baru bagi mempertingkatkan keseluruhan operasi pengurusan sisa pepejal di PBT berkenaan iaitu:

1. Pemberian lori *compactor* baru yang dilengkapi sistem pemantauan *Auto Vehicle Locating System (AVLS)*, kamera undur dan CCTV kepada Sub-kontraktor menggunakan kaedah sewa-beli;
2. Penggunaan sebuah lori *compactor* baru di setiap zon itu bermaksud 1 lori 1 zon;
3. Pewujudan *Centralized Command Centre (CCC)* yang berperanan sebagai pusat kawalan operasi kutipan sisa pepejal KDEBWM dalam menerima aduan serta pemantauan penyelia kawasan dan kontraktor kutipan;
3. Penggunaan telefon pintar yang dilengkapi dengan alat pengesanan (*tracker*) bagi memantau pergerakan penyelia kawasan dan lori *compactor*;
4. Penggunaan Aplikasi *i-Clean* sebagai salah satu medium kepada pengguna untuk menyalurkan aduan; dan

5. Penggunaan aset-aset lain selain *compactor* seperti RORO dan *tricycle* sebagai aset sokongan.

Keberkesanan turut boleh dilihat daripada aspek statistik aduan yang menunjukkan *trend* penurunan yang signifikan seperti saya bagi contoh pada Julai 2016 aduan yang diterima adalah 817 tapi sampai ke Februari tahun ini 2017 telah jatuh ke 49 sebulan. Kita nampak penurunan yang signifikan. Usaha penambahbaikan dan pemodenan infrastruktur kutipan yang dilaksanakan oleh KDEBWM di MPK adalah bertepatan. Dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk membangunkan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*. Penggunaan aplikasi dan teknologi dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor bukan sahaja merealisasikan objektif Kerajaan Negeri untuk membangunkan persekitaran dan infrastruktur yang lebih mampan, bahkan akan turut menyumbang kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan bagi menjamin kualiti kehidupan yang lebih baik untuk rakyat. Pada peringkat permulaan dalam melaksanakan *mandate* Kerajaan Negeri berkaitan pengurusan sisa pepejal di MPK, KDEBWM terpaksa membersihkan timbunan sampah tinggalan kontraktor yang terdahulu. Saya difahamkan bahawa, sudah menjadi suatu kelaziman bagi kontraktor lama yang dilantik oleh PBT yang telah mengetahui bahawa mereka tidak berjaya di dalam tender kutipan sampah akan meninggalkan kawasan mereka dan tidak membuat kerja-kerja kutipan seperti biasa. Seperti yang berlaku di kawasan MPK tempoh hari, saya dimaklumkan bahawa kontraktor-kontraktor lama telah meninggalkan kawasan mereka dan tidak membuat kerja-kerja kutipan hampir dua minggu. Ini menyebabkan berlakunya *backlog* sampah dalam kuantiti yang luar biasa dan pihak KDEBWM telah mengambil masa lebih dua bulan untuk menstabilkan kembali keadaan.

Keadaan yang sama juga kini berlaku di kawasan Majlis Perbandaran Selayang apabila pihak KDEBWM kini bertungkus lumus untuk menyelesaikan *backlog* tinggalan kontraktor lama. Selain daripada itu, data dan maklumat inventori yang kurang tepat menyebabkan kesukaran di pihak KDEBWM untuk menyediakan anggaran harga yang tepat berdasarkan jumlah rumah sebenar yang ada di lapangan. Antara fokus utama Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat adalah melalui penstrukturan semula pengurusan sisa pejabat dan meningkatkan kecekapan operasi dengan memperkenalkan KDEBWM sebagai *Project Management Company* (PMC) yang bertanggungjawab sebagai Pengurus bagi pelaksanaan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam di Negeri Selangor. Segala kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini dapat dilihat di MPK. Kerajaan Negeri pada 21 Disember 2016 memutuskan dan bersetuju untuk meluluskan keluasan perkhidmatan PMC di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang menggunakan modus operandi yang sama selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri

untuk membangunkan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*. Kerajaan Negeri turut merancang untuk memperluaskan perkhidmatan PMC ke lain-lain PBT pada masa akan datang, sekian.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat EXCO dan Kerajaan Negeri kerana telah meningkatkan perkhidmatan dan menyelesaikan banyak masalah tentang sampah. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat berkenaan dengan timbunan sampah yang ditinggalkan yang ditinggalkan oleh kontraktor-kontraktor yang hampir tamat tempoh. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap mereka ini yang sengaja melakukan sabotaj ini apakah tindakan yang drastik diambil?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Sekinchan. Tindakan-tindakan yang akan diambil oleh PBT untuk kita mengatasi masalah ini adalah kita satu, kita akan mengkaji setiap kes. Kerana setiap kes dia memang ada perbezaan dia ada yang membuat tinggalan satu minggu sebelum kontrak tamat, ada dua minggu sebelum kontrak tamat. Dan kita akan *black list* kan syarikat yang berkaitan dan juga kita akan buat potongan atas bayaran kepada mereka. Sekian.

**YB TUAN IR. HAJI ISMAIL MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**YB TUAN IR. HAJI ISMAIL MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO. Sedarkah bahawa EXCO, apabila di kawasan-kawasan PBT masalah sampah ini semakin berkurangan tetapi ia menular di kawasan-kawasan luar bandar. Apakah tindakan kerajaan bagi membanteras gejala yang suka membuang-buang sampah di kawasan-kawasan kampung-kampung ataupun tanah-tanah persendirian?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Tanjung Sepat. Saya rasa ini lebih kepada kontraktor yang bebas yang biasa menjalankan operasi untuk membuat kutipan sisa pembinaan ataupun sisa industri. Pada masa kini memang tiada satu kawalan yang ketat ke atas mereka kerana mereka tidak memerlukan sebarang lesen untuk berjalan perniagaan mereka. Mereka hanya perlu membuat pendaftaran ke atas *commercial of company* mendapatkan satu syarikat dan terus mereka boleh melaksanakan operasi mereka. Jadi memang sukar untuk kita mengawal dan untuk masa ini memang PBT telah diarahkan untuk membuat rondaan ke kawasan yang

berkenaan, khususnya di tanah-tanah yang lapang khusus di kawasan kampung ataupun tanah persendirian yang terbiar dan sebagainya dan untuk membuat tangkapan ke atas mereka. Kerajaan Negeri memang pada *time* ini kita memang menggunakan cara proaktif bila kita dapati bahawa ada kontraktor yang bebas ini mereka membuang sampah merata tempat kita akan membuat sitaan ke atas lori mereka dan juga kita akan mengeluarkan kompaun kepada mereka. Dan untuk sisa binaan yang ataupun pemilik tanah yang membenarkan ia tanah mereka dijadikan satu tapak pelupusan sampah yang haram, Kerajaan Negeri juga mengambil tindakan yang tegas untuk merampas tanah mereka, sekian.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri juga bercadang untuk memperluaskan juga operasi seperti ini yang sekarang sebelum ini dijalankan di MPK ke PBT-PBT lain juga di Selangor.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Rawang. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memperluaskan perkhidmatan ini daripada MPK ke kawasan lain seperti di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang dan telah pun dimulakan pada tahun ini. Dan selepas ini kita akan melihat prestasi Kerajaan Negeri juga akan sentiasa menilai prestasi ataupun perkhidmatan yang dilakukan oleh *KDEB Waste Management Sdn. Bhd.* Kalau mereka masih boleh menjalankan perkhidmatan mereka dengan baik konsisten dan kita juga akan memperluaskan kepada PBT-PBT lain. Sekian.

**YB PUAN YEO BEE YIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**YB PUAN YEO BEE YIN:** Memandangkan penguatkuasaan adalah sangat penting, saya nak tanya apakah perkembangan Enakmen Sisa Pepejal?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Damansara Utama, saya akan menjawab isu ini dalam soalan yang lain kerana memang ada dua, kalau tak silap saya ada dua. Ahli Dewan negeri telah bertanya soalan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Seri Kembangan. Soalan seterusnya, Sabak.

**YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK: KEROSAKAN JALAN**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah strategi dan usaha Kerajaan Negeri bagi mengatasi kerosakan teruk yang sering berlaku di jalan antara Sungai Panjang melalui Bagan Terap sehingga Kampung Sepintas?

**YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sabak yang bertanya. Berkaitan dengan kerosakan teruk yang sering berlaku di jalan antara Sungai Panjang melalui Bagan Terap sehingga Kampung Sepintas. Hal ini berlaku disebabkan antaranya adalah adanya kenderaan khususnya lori-lori yang membawa muatan yang berlebihan yang merupakan salah satu punca kepada kerosakan jalan yang seruas. Antaranya adalah lori yang membawa tanah merah dari kuari dari Sungai Panjang yang dibekalkan untuk projek menaik taraf FG5 begitu juga dengan kepadatan lori kelapa sawit yang melalui jalan ini. Walau bagaimanapun antara tindakan jangka pendek dan segera telah pun diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor, antaranya telah melaksanakan kerja baik pulih jalan di sepanjang 800 meter di Sepintas menggunakan kaedah CIPR dengan kos RM500,000.00 pada tahun 2016. Dan dalam perancangan melaksanakan kerja-kerja membaik pulih sepanjang 5 kilometer di bawah kontrak berpusat pada tahun 2017. Begitu juga kerosakan kecil sepanjang jalan tersebut telah dikenal pasti dan dimasukkan di bawah senarai kerja pembaikan secara sebut harga bagi tahun 2017. Manakala bagi usaha ataupun strategi jangka panjang bagi menyelesaikan masalah struktur jalan yang rosak. Khususnya bagi lapisan *pavement*, *wirering* dan *binding* kos adalah merupakan satu kaedah yang diguna pakai iaitu CIPR yang saya sebutkan tadi *Cold In Place Recycling* dengan izin. Di mana dengan kaedah CIPR ini melibatkan kerja memecahkan lapisan *pavement* asal diikuti dengan menggaul bahan penstabil sebelum dihampar semula dan dimampatkan dalam satu proses. Antara kebaikannya adalah penggunaan sepenuhnya bahan asal pengurangan dari segi penggunaan bahan baru serta meningkatkan kekuatan struktur *pavement*. Antara lokasi pembaikan yang telah dibuat yang menggunakan teknologi CIPR dan juga bahan-bahan tambahan yang terbaru yang kita telah membuat cubaan di jalan Datuk Miskon, Bukit Kerayung baru-baru ini dengan menggunakan teknologi CIPR polimer.

Yang mana akan diadakan pada 24 Februari 2017. Dengan CIPR polimer ini ketahanan dari khususnya dari sudut ketahanan daripada ancaman air yang merosakkan *root base* jalan dapat diatasi begitu juga dapat meningkatkan ketahanan lebih muatan oleh kenderaan-kenderaan yang melalui jalan ini. Penilaian keberkesanan akan dibuat secara berterusan di lokasi-lokasi lain bagi pembaikan menggunakan kaedah CIPR polimer ini. Selain itu pihak JKR akan sentiasa melaksanakan pemantauan berkala dan penyelenggaraan kerja-kerja rutin. Manakala berkaitan dengan kenderaan lebih muatan melalui majlis mesyuarat, melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Sabak Bernam. Ahli mesyuarat telah bersetuju agar pihak JPJ dan SPAD memantau lori-lori yang membawa muatan berlebihan dan melalui Jalan Sungai Panjang ke Bagan Terap dan Sepintas. Lori-lori yang membawa muatan yang berlebihan ini akan dikenakan tindakan dan ialah merupakan punca kepada kerosakan jalan yang serius.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya kenapa tidak dimasukkan perbelanjaan baik pulih jalan ini dalam sekali dengan bajet untuk membina kos *highway-highway* yang sekarang sedang berjalan. Sebab apa, lori-lori yang membawa tanah merah apa semua yang lebih muatan ini ialah kegunaannya adalah untuk membina *West Coast Highway* yang sekarang ini sedang dilakukan yang diambil daripada sungai panjang yang terpaksa melalui jalan ini dan Kerajaan Negeri terpaksa menanggung sedangkan lori-lori yang kebanyakan yang lebih muatan ini ialah lori yang mengangkut tanah merah untuk pembinaan *West Coast Highway* ini.

**YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sabak. Saya bersetuju dengan pandangan Sabak. Walau bagaimanapun dua projek ini adalah ataupun dua jalan ini adalah dua jalan berbeza. **FT5** adalah merupakan jalan federal yang sedang ada projek naik taraf seperti yang dimaklumkan oleh Sabak manakala jalan yang disebutkan tadi Bagan Terap sehingga ke Sepintas adalah merupakan jalan negeri. Walau bagaimanapun oleh sebab di sana ada kaitan maka ia boleh dibawa ke atas untuk diperbincangkan supaya pihak JKR, Federal juga bertanggungjawab kerana melibatkan adanya lori-lori yang membawa tanah merah daripada Sungai Panjang ini khususnya untuk FT5, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang, tidak hadir.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, saya nak ambil.

**TUAN SPEAKER:** Saya tidak benarkan. Seterusnya Permatang.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, soalan nombor 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK: UNISEL**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi kewangan UNISEL serta penyata untung rugi bagi tahun 2014 – 2016?
- b) Nyatakan jumlah kemasukan pelajar yang menggunakan sijil UEC bagi tahun 2016 sehingga kini?

**YB TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang. Tentang soalan pertama saya akan memberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Permatang memandangkan ia merupakan penyata kewangan yang agak *detail*. Tentang soalan kedua, mengenai jumlah kemasukan pelajar yang menggunakan sijil UEC ke Unisel sejak tahun 2016 sehingga kini. Sehingga kini masih lagi belum ada kemasukan pelajar menggunakan sijil UEC ke UNISEL.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih EXCO, saya boleh terimalah jawapan bertulis. Cuma saya nak bertanya jika ada dalam makluman Yang Berhormat berapakah sebenarnya *total* jumlah keseluruhan liabiliti yang ditanggung oleh pihak UNISEL sehingga hari ini kalau adalah dalam tu. Termasuk sekiranya ada pinjaman daripada pihak bank, pinjaman kepada MBI atau mana-mana agensilah. Totalnya saya nak minta kalau ada.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Saya tidak ada maklumat itu bersama dengan saya pada waktu ini tetapi saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Permatang.



**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: KADAR FAEDAH PROGRAM HIJRAH**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah kelebihan program Hijrah yang mengenakan bayaran faedah sebanyak 8% berbanding dengan pinjaman-pinjaman untuk sektor IKS/SME yang ditawarkan oleh bank-bank komersial yang mengenakan faedah sekitar 4-5% dengan kemudahan *reducing rate*?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK: USAHAWAN**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Berapa ramaiakah peserta yang telah dibantu melalui program Hijrah tahun 2016 mengikut daerah?
  - b) Berapa peratuskah yang telah berjaya mengembangkan perniagaan masing-masing dan berapakah purata pendapatan bulanan mereka?
  - c) Berapa jumlah bayaran balik oleh peserta berbanding dengan jumlah kelulusan oleh kerajaan?

**YB TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI:** Terima kasih Kampung Tunku atas soalan yang dikemukakan dan saya ingin meminta kebenaran dewan untuk menjawab bersekali dengan soalan nombor 42 dari Tanjung Sepat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pihak pengurusan hijrah Selangor dan ini juga sebenarnya nak jawab soalan Sekinchan masa penggulungan pada sesi lepas. Pihak pengurusan Hijrah telah menetapkan caj perkhidmatan sebanyak lapan peratus kerana dana pinjaman yang diberikan oleh

Kerajaan Negeri Selangor tidak menggunakan perbelanjaan pengurusan. Sekiranya ia digunakan ia akan menguncup ataupun mengurangkan kos pinjaman ataupun dana pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri. Sebaliknya dengan mengenakan caj lapan peratus ini kita telah dapat memberikan seratus peratus dana iaitu sebanyak seratus juta lebih yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri sepenuhnya untuk pinjaman-pinjaman itu. Antara faktor-faktor dan kelebihan lapan peratus yang kita telah berikan kepada caj perkhidmatan, yang pertamanya adalah untuk menampung kos pengurusan meliputi gaji dan elaun kakitangan seramai 233 orang untuk membuat kutipan dan pemantauan perniagaan sewaan dan ubahsuai pejabat peralatan pejabat dan bil-bil utiliti yang termasuk dalam bentuk-bentuk pinjaman yang diluluskan. Yang kedua, pegawai Hijrah yang telah dilantik itu sebanyak 233 di mana 22 adanya di kalangan di antara mereka adalah Pengurus-pengurus Cawangan, 177 merupakan pengurus-pengurus hijrah di kawasan-kawasan yang telah dipilih akan membuat kutipan bayaran balik peminjam dan tidak perlu datang ke pejabat-pejabat. Maknanya kita mengambil langkah proaktif dengan memberikan dengan melantik pegawai-pegawai ini untuk turun dan mengutip pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan. Yang kedua, kelulusan pinjaman akan diberikan sepenuhnya kepada peminjam tanpa membuat sebarang pemotongan, contohnya jika ada sebarang pinjaman meminjam RM5,000, mereka akan mendapat jumlah RM5000 itu dan tidak perlu memotong dengan kos-kos yang lain. Yang keempat, latihan dan kursus-kursus keusahawanan akan diselenggarakan oleh hijrah dengan kerjasama oleh Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Negeri Selangor dan juga EXCO-EXCO yang berkaitan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, kebanyakan pinjaman Mikro Kredit ataupun pinjaman mikro yang dikeluarkan oleh agensi-agensi serta bank-bank komersial, caj yang dikenakan adalah caj yang melebihi daripada 8% sebagaimana yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Hijrah. Benar, TEKUN yang telah melaksanakan pada suatu ketika dahulu pinjaman dengan mengenakan caj sebanyak 4% namun TEKUN juga membuat potongan-potongan yang tidak dimaksudkan ataupun tidak dinyatakan yang pertamanya:

- (1) Caj Proses Pinjaman
- (2) Insurans
- (3) Kursus Keusahawanan
- (4) Bayaran Awam 2 bulan

Ini yang tidak ada pada Hijrah. Mereka akan dapat penuh, tetapi mereka perlu membayar dengan kos 8% untuk proses pengurusan pembiayaan pengurusan yang telah ditetapkan.

## 28 MAC 2017 (SELASA)

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk soalan daripada Tanjung Sepat. Seramai 28,873 penerima-penerima pinjaman Hijrah seluruh negeri Selangor dan jumlah pinjaman pula adalah berjumlah 30,599 bermakna daripada 28 ribu lebih yang menerima pinjaman-pinjaman ini ada membuat pinjaman kali kedua dan kali ketiga dan jumlah itu menjadi 30,599. Data ini sehingga Disember tahun 2016:

Gombak	:	3,504
Hulu Langat	:	2,621
Hulu Selangor	:	1,584
Klang	:	4,273
Kuala Langat	:	1,850
Kuala Selangor	:	2,826
Petaling	:	6,728 orang
Sabak Bernam	:	3,827
Sepang	:	1,660

Jadi orang perorangannya 28,873 orang.

Mengenai soalan yang kedua, pada ketika ini, pihak Hijrah dan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan sebenarnya sedang berurusan dengan UNISEL dan Institut Darul Ehsan untuk membuat kajian impak terhadap penerima-penerima Hijrah dan melihat secara langsung daripada pinjaman-pinjaman yang kita kemukakan ini.

Dan yang (c) pula. Ini yang sebenarnya nak jawab. 8% yang dikenakan itu, ternyata tidak begitu memberi kesan kepada peminjam-peminjam kerana setakat ini iaitu pada Disember kita telah menerima pulangan pinjaman sebanyak RM68,696,120.00 dengan peratus kutipan 85% daripada pinjaman-pinjaman yang kita keluarkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Tadi disebut bahawa TEKUN menawarkan kadar bunga ataupun caj pengurusan sebanyak 4%, tetapi saya difahamkan bahawa perbandingan juga harus dilakukan terhadap bank-bank komersial yang mempunyai yang menawarkan pinjaman SME, SME *Loan* daripada Bank Komersial. Apakah kelebihan Hijrah berbanding dengan tawaran yang dibuat oleh bank-bank komersial ini dan bukan sekadar berbanding dengan SME apa ni TEKUN. Dan seterusnya kalau kita ada 223 orang pekerja yang berkhidmat di bawah Skim Hijrah ini, bagaimana mungkin mereka boleh menawarkan ataupun mewar-warkan

program ini di kalangan peminjam bukan bumiputera sedangkan kebanyakan daripada mereka ini masih terdiri daripada kaum bumiputera dan ini menjadikan tawaran ataupun pinjaman daripada Hijrah ini kurang menarik dan kurang difahami di kalangan mereka sedangkan mereka memerlukan, membiayai keperluan terhadap pinjaman ini untuk memperluaskan perniagaan mereka. Saya kira kredibiliti mereka adalah sangat bagus. Itu adalah soalan saya.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih. Mengikut daripada ketetapan Bank Negara, ketetapan Bank Negara terhadap pinjaman Mikro. Pinjaman Mikro, Bank Negara membenarkan sesuatu agensi yang dibenarkan seperti bank mengutip kos pentadbiran ataupun kos pengurusan ataupun caj tidak lebih daripada 20% dan mengikut makluman yang telah kita lihat, kebanyakan bank-bank komersial untuk pinjaman Mikro, untuk pinjaman Mikro, kos komersial ataupun kos caj perkhidmatan bayaran yang dikenakan mereka itu lebih daripada apa yang kita kenakan iaitu sebanyak 8%, adanya 10% hinggalah 12% bagi sesetengah bank-bank tersebut kenapa. Kerana pinjaman Mikro ini adalah pinjaman yang mudah lulus tanpa *guaranty* tanpa *guarantor* dan juga penjamin, tanpa penjamin dan mereka dikenakan pembayaran ataupun pembayaran-pembayaran balik yang secara lebih tersusun dan pendek. Sebab itu kita mengenakan caj 8% itu dengan mengambil kira sebanyak mungkin apa yang telah dikemukakan untuk pinjaman-pinjaman mikro. Berbanding dengan pinjaman peribadi. Pinjaman peribadi mungkin sekitar 4 hingga 6%, tetapi 4 hingga 6% itu bukannya pinjaman-pinjaman Mikro dan kita telah melihat semua aspek-aspek tersebut. Namun begitu, selepas kajian daripada IDE dan UNISEL nanti, barulah kita mungkin boleh merangka balik mengikut kepada kesesuaian dan kesepakatan dan setakat ingin bergantung kepada bayaran balik kita berpandangan kita masih lagi, masih lagi *sustainable* atau berdaya saing konsep bayaran balik dan pinjaman yang telah kita kemukakan.

Mengenai soalan kedua yang berkaitan dengan sejauh mana kita boleh *out reaching*, Insya-Allah saya akan kemukakan nanti, jumlah penerima-penerima bantuan ataupun pinjaman Hijrah mengikut kaum dan ikut daerah, nanti kepada Kampung Tunku. Namun begitu, *Insya-Allah* kita akan perbanyakkan termasuk Jawatankuasa Pembangunan Usahawan untuk memastikan kita dapat menyebarkan maklumat dan *pamphlet* daripada pelbagai bahasa supaya mudah daripada semua kaum terlibat dan pinjaman-pinjaman ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya merasakan bahawa program Hijrah memang asalnya ialah untuk membantu peniaga-peniaga kecil dan juga peniaga-peniaga yang baru nak memulakan perniagaan. Berbanding dengan TEKUN. 4% dan 8% itu ialah 100% perbezaan. Tadi Yang Berhormat kata, TEKUN ada proses. Wang proses itu saya percaya secara *one-off*. Tetapi perbezaan 4% itu, maaf saya, 8% yang dikenakan ke atas program Hijrah itu ialah untuk keseluruhan pinjaman. Bermakna peminjam-peminjam kena membayar 8% ke atas total pinjaman. Jadi, itu memang satu perkara yang membebankan, berbanding dengan TEKUN yang 4% tadi dan TEKUN juga memberikan 2 bulan pinjaman bayaran. Itu sebahagian daripada sekuriti yang diberi.....

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Jadi, soalnya, saya nak pastikan sama ada, apakah 8% itu tidak membebankan kepada peminjam-peminjam yang itu konsep Hijrah itu membantu golongan-golongan miskin ataupun peniaga-peniaga kecil ini.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Permatang. Sekali lagi saya sebutkan, apa kelebihan Pinjaman Hijrah, apabila membuat pinjaman dengan kadar tertentu, RM8,000.00 dengan menahan caj itu mereka akan mendapat RM8,000.00 secara total tanpa ada pemotongan. Maknanya kalau mereka perlu membeli barangan itu bernilai RM8,000.00 mereka boleh membeli dan kemudian mereka boleh meningkatkan produksi dan perkhidmatan perniagaan mereka. Berbanding dengan sistem-sistem perniagaan lain dan TEKUN tadi. Kalau TEKUN maknanya dua bulan yang dipotong itu, mereka tidak mendapat *solid* jumlah yang dipohon. Itu kelebihanannya.

Dan untuk menjawab serta menganggap 8% itu sedikit membebankan, ia dijawab balik dengan 85% bayaran balik dan kalau kita rasakan bahawa jumlah 8% itu sangat berat dan sangat membebankan, kita tidak akan dapat balik bayaran 85% itu sebagaimana yang ditunjukkan rekod dalam apa yang kita dapat pada waktu ini. Justeru, namun begitu, sebagaimana saya sebut tadi, selepas kajian daripada IDE dan UNISEL nanti kita akan melihat balik secara menyeluruh dan melihat konsep yang lebih baik termasuk memastikan supaya kita dapat melihat sama ada bantuan-bantuan dan pinjaman ini dapat memenuhi patuh syariah selepas kita membuat kajian dan juga melihat beberapa konsep lain dan juga membuat beberapa kajian di universiti baru-baru ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLAN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLAN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK: KEMISKINAN**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa banyakkah permohonan bantuan *Blueprint* telah diluluskan untuk tahun 2014, 2015 dan 2016?
  - b) Apakah mekanisme kerajaan bagi menentukan penerima bantuan *blueprint* berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing?
  - c) Berapakah jumlah wang kerajaan yang telah dibelanjakan untuk tahun 2014, 2015 dan 2016 berbanding penerima?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Tanjung Sepat. Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaaan atau pendapatan bagi golongan masyarakat atau individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan dan mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Sebagai makluman, jumlah penerima manfaat dan jumlah perbelanjaan bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENERIMA MANFAAT (ORANG)</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>
1.	2014	523	RM 1,524,790.00
2.	2015	404	RM 1,339,740.00
3.	2016	504	RM 1,815,163.00
<b>JUMLAH KESELURUAHN</b>		<b>1,431</b>	<b>RM 4,679,693.00</b>

Ini menjadikan jumlah keseluruhan permohonan yang diluluskan bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 adalah sebanyak 1,431 permohonan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM4,679,693.00.

b) Dalam memantau serta mengenal pasti impak dan keberkesanan terhadap pelaksanaan program ini, satu Kaji Selidik/Kajian Impak yang melibatkan penerima manfaat bagi tahun 2010 hingga tahun 2014 telah dijalankan oleh Pejabat Daerah / Tanah. Hasil kajian impak tersebut mendapati bahawa sebanyak 92.8% penerima manfaat telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Manakala, sebanyak 0.30% penerima manfaat pula, didapati pendapatan mereka semakin menurun dan sebanyak 6.90% penerima manfaat pula tiada perubahan terhadap pendapatan mereka. Secara puratanya, peratus peningkatan pendapatan selepas menerima manfaat pula adalah sebanyak 31%. Dalam pada itu, Kajian Impak *Blueprint* secara keseluruhannya menyatakan seramai 55% penerima manfaat telah berjaya melepasi paras garis kemiskinan Selangor iaitu RM1,500 seisi rumah. Kajian kaji selidik lanjut terhadap penerima manfaat bagi tahun 2015 dan tahun 2016 kini sedang giat dijalankan oleh Pejabat Daerah dan Tanah.

Oleh yang demikian, berdasarkan hasil kajian impak ini, ianya dapat merumuskan bahawa pelaksanaan Program bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor telah mencapai matlamat utama program, iaitu taraf ekonomi penerima manfaat berjaya ditingkatkan.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLAN BIN HAJI HASSAN:** Tambahan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, dari berapa lamakah paling lama kelulusan dapat diberikan untuk satu-satu permohonan dan berapa kali kekerapan Jawatankuasa *Blueprint* ini bersidang pada setiap tahun.

**Y.B. TUAN GANABATITAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Paya Jaras. Walau pun kita telah, sebelum ini telah menyatakan selama daripada permohonan, dari permohonan sebenarnya dibuat di Pejabat Tanah. Dalam Pejabat Tanah pula mereka mengambil masa dalam membuat kajian dan juga untuk menyemak semula dan juga mereka menyediakan laporan khas tentang setiap individu permohonan tersebut kepada Pejabat UPEN dan UPEN akan mengadakan mesyuarat bergantung pada

permohonan Pejabat Tanah/Daerah tersebut dan setiap kali kita bersidang, kita bersidang tiga bulan sekali dalam untuk memutuskan permohonan tersebut. Namun begitu, disebabkan permohonan daripada Pejabat Tanah, mereka *collect* dulu dengan izin untuk semua permohonan yang mereka nak bawa kepada UPEN sebab peruntukan diturunkan, disalurkan hanya sekali ataupun setahu saya setakat ini hanya disalurkan sekali sahaja dalam peruntukan sebab peruntukan di bawah *STANDCO* memang terhad. Maka kita perlu menyelaraskan kepada 9 daerah yang membuat permohonan tersebut.

Saya telah juga menyatakan, memang aduan ada menyatakan, mereka mengambil masa begitu lama. Sebelum ini mengambil masa selama 6 bulan pada tahun 2014. Tetapi telah diringkaskan kepada 3 bulan. Itu yang dinyatakan.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLAN BIN HAJI HASSAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**YB TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Tadi YB EXCO ada nyatakan bahawa program ini adalah merupakan program yang berjaya sehingga dapat meningkatkan peratus (55%) mereka yang telah pun melepasi taraf kemiskinan. Cumanya saya adakah dapat EXCO ataupun kerajaan mengambil inisiatif bagi membantu supaya selain daripada mereka ini melepasi tahap kemiskinan, mereka ini juga satu hari nanti mereka akan jadi seorang peniaga ataupun usahawan yang berjaya. Maksud saya adakah kerajaan telah pun menyediakan program lanjutan bagi melihat mereka ini lebih cemerlang dalam usahawan mereka masing-masing.

**YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Tanjung Sepat. Memang apabila kita didapati yang berjaya cuba membuat permohonan balik ya. Mereka nak dapatkan bantuan sekali lagi. Tapi apa yang kita nyatakan, kita ada bukan saja hanya program di bawah Kerajaan Negeri hanya *Blue Print* Pembasmian Kemiskinan, kita juga ada Mikro Kredit, Hijrah dan juga dana usahawan di bawah *STANDCO* Usahawan. Maka kita daripada apabila mereka melepasi garis pembasmian kemiskinan dan juga apabila mereka mendapat pertolongan daripada *STANDCO* saya, kita menyarankan mereka mendapat bantuan seterusnya daripada *STANDCO* Usahawan. Itu yang juga telah dinyatakan yang telah dinasihatkan melalui pejabat tanah setakat ini. Pejabat tanah memang siapa-siapa yang telah berjaya, telah mereka mengumpulkan mereka dan mereka juga memberi penerangan supaya bagaimana mereka boleh mendapat bantuan melalui dana usahawan. Terima kasih.



**YB PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, soalan nombor 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK: RUMAH SELANGORKU**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri besar :-

- a) Berapakah jumlah Rumah Selangorku yang sedang dalam pembinaan?
- b) Berapakah jumlah Rumah Selangorku yang telah siap dibina?
- c) Berapakah jumlah Rumah Selangorku yang telah diserahkan kunci kepada pemilik?

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi rahmani rahim.* Untuk makluman Seri Andalas, jumlah Rumah Selangorku yang sedang dibina selepas kita melancarkan insentif galakan pembinaan Rumah Selangorku adalah sebanyak 20,675 unit kediaman yang sedang dibina dan ini merangkumi 24 projek. Rumah yang telah siap adalah sebanyak 665 unit yang merangkumi 2 projek (satu di MBSA dan satu lagi di Majlis Daerah Hulu Selangor). Projek tersebut adalah di U10 oleh Seap Lee dan yang di Majlis Daerah Hulu Selangor adalah oleh PKNS oleh Antara Gapi. Untuk saya memberikan pecahan Rumah Selangorku yang sedang dibina.

BIL	JENIS RUMAH	JUMLAH (unit)
1	Jenis A	1,333
2	Jenis B	4,300
3	Jenis C	8,875
4	Jenis D	6,167

Dan selain daripada itu, keseluruhannya terdapat 89,396 unit yang telah kita luluskan di bawah insentif di mana yang telah mendapat kebenaran merancang adalah sebanyak

**28 MAC 2017 (SELASA)**

24,700 unit yang merangkumi 45 projek yang telah mendapat kebenaran merancang dan kelulusan pelan pembangunan adalah sebanyak 3,803 unit merangkumi 13 projek. Terima kasih.

**YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih EXCO untuk jawapan. Saya nampak walaupun kita ada 24 projek dan anggaran kita ialah 2,675 rumah yang kita akan dapat tapi sampai sekarang kita dapat 665 unit dengan siap 2 projek. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mempercepat proses ini? Dan apakah kelemahan yang kita hadapi dengan pembinaan projek-projek ini selamanya? Sebab rumah ini saya nampak untuk dapatkan elakkan dari *public, there is huge back locked* dan *also* orang tunggu untuk rumah-rumah ini. Apakah yang saya boleh minta, apakah pendirian negeri untuk masa depan untuk kita mempercepat proses untuk dapatkan lebih rumah di *market*?

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Untuk makluman Yang Berhormat iaitu bahawa pembinaan rumah berstrata di bawah *Sales and Purchased Agreement* (dengan izin) S&P, masa untuk pihak pemaju menyerahkan rumah-rumah itu siap adalah sebanyak 3 tahun ataupun 36 bulan. Jadi bermakna daripada 2014 di mana kita lancarkan akan insentif tersebut, mereka ada 3 tahun untuk membina rumah tersebut. Yang ini menurut kepada *Sales & Purchased Agreement* la. Jadi yang kita bimbang bukan yang telah siap ataupun yang telah dalam pembinaan, tetapi yang sekarang ini. Yang kita tengah menekan ataupun memberi amaran adalah kepada pihak pemaju yang telah mendapat kebenaran merancang ataupun telah mendapat kelulusan pembangunan pelan bangunan tetapi tidak membina. Apa yang telah kita lakukan, kita telah panggil mereka dan kita memberi amaran bahawa sekiranya mereka tidak membina Rumah Selangorku (memulakan pembinaan), maka mereka tidak boleh membenakan rumah-rumah yang lain. Memang kita (polisi kita) adalah untuk menghalang mereka membina rumah yang lain sekiranya Rumah Selangorku tidak dibina. Ianya perlu dibina bersekali dengan Rumah Selangorku.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, soalan nombor 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PROJEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek pembangunan luar bandar yang lebih dinamik dan tersusun?
  - b) Senaraikan projek Kerajaan Negeri yang bernilai lebih RM10juta di kawasan luar bandar pada tahun 2016.

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Burong bertanyakan berkaitan dengan projek pembangunan luar bandar.

Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri peka dengan kepentingan pembangunan luar bandar supaya ia seiring dengan pembangunan di bandar. Selaras dengan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan luar bandar dengan tujuan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam asas di luar bandar seperti jalan, longkang, dewan serba guna, balai raya dan lain-lain. Bagi memastikan pembangunan luar bandar ini dilaksanakan secara dinamik dan mampan, Kerajaan Negeri komited supaya peruntukan bagi pembangunan luar bandar ini diteruskan setiap tahun. Dan kerja-kerja bagi menaik taraf dan baik pulih dilaksanakan secara berperingkat supaya kemudahan awam asas di luar bandar ini berada dalam keadaan yang baik.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil maklum akan aduan yang diterima daripada setiap Pejabat Daerah dan Tanah yang merupakan agensi penghubung antara Kerajaan Negeri dan juga penduduk. Ini adalah bagi memastikan permohonan dan pelaksanaan pembangunan luar bandar dilaksanakan dengan tersusun.

Bagi tahun 2016, terdapat projek-projek dalam perancangan dan juga pelaksanaan dengan kos melebihi RM10 juta. Jumlah projek di bawah pelaksanaan Jabatan Kerja Raya ataupun JKR ialah 7 projek dan anggaran kos projek RM420.5 juta. Jabatan Pengairan Saliran Selangor (JPS) ialah 2 projek dengan anggaran kos projek RM33

## 28 MAC 2017 (SELASA)

juta dan di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ialah 4 projek dengan anggaran kos projek RM48 juta.

Berikut adalah senarai projek-projek tersebut di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya :-

BIL.	PROJEK	JUMLAH (RM)
1	Menggantikan jambatan lama di Kampung Rantau Panjang, Bestari Jaya (Daerah Kuala Selangor)	26.5 juta
2	Membina jalan menghubungkan Kampung Seri Indah A ke Jalan Hospital Sungai Buloh FT15	40 juta
3	Membina laluan hijau Bandar Baru Selayang ke Jalan Sungai Tua, Bukit Boyan	80 juta
4	Membina jalan daripada Kajang ke Kampung Pasir Sungai Lalang melalui perkampungan Nakasabandiah	100 juta
5	Menaikataraf Kampung Lombong Fasa 1 dan Fasa 2 (Daerah Klang)	30 juta
6	Menaikataraf Jalan B23 (Jalan Sungai Tua dan Persimpangan Kampung Bendahara Sungai Tua) Gombak Selangor	30 juta
7	Menaikataraf laluan B42 daripada Simpang Laluan B74 ke Kampung Raja Muda Musa Fasa 1	10 7juta
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM420.5 juta</b>

Projek-projek di bawah seliaan Jabatan Pengairan Selangor :-

BIL	PROJEK	JUMLAH (RM)
1	Projek tebatan banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas	20 juta
2	Projek tebatan banjir di Sabak Bernam	13 juta
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM33 juta</b>

Projek-projek di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) :-

BIL	PROJEK	JUMLAH (RM)
1	SRA Yahul Falaq 2, Sungai Besar	10 juta
2	Maahad Tahfiz	16 juta
3	Masjid Nurul Iman, Kampung Telok Gadong	12 juta
4	Masjid Kampung Melayu Rasa	10 juta
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM48 juta</b>

Terima kasih.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa beberapa tempat di kawasan lokasi (luar bandar) ini masih terpinggir? Dan selain daripada pembangunan infrastruktur bagi membolehkan kawasan-kawasan luar bandar ini mendapat akses kepada kemudahan awam. Adakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan-kawasan luar bandar ini sebagai kawasan pusat penemuan baru? Sebagai contohnya, kawasan Sungai Lang, Bagan Terap, Sungai Panjang yang pada masa ini masih jauh terpinggir dibandingkan dengan kawasan-kawasan bandar di Negeri Selangor.

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sungai Burong. Buat masa ini tidak ada perancangan yang khusus untuk tempat yang dimaksudkan oleh Sungai Burong tadi termasuklah Sungai Lang, Sabak Bernam dan sebagainya. Pun begitu, kita melihat bagaimana perancangan pembangunan terutamanya kawasan luar bandar ini yang harus kita bangunkan sejajar dengan pembangunan ekonomi. Jadi, saya ingat cadangan daripada Sungai Burong itu juga adalah satu cadangan yang baik yang mana Kerajaan Negeri juga boleh mengambil ini sebagai satu inisiatif yang baru. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**YB PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, soalan 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PERSIAPAN SEA GAME**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan infrastruktur sukan di Selangor yang akan digunakan untuk *SEA Game*.
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan dalam penganjuran *SEA Game*?
- c) Berapakah atlet Selangor yang akan mewakili Malaysia dalam *SEA Game*?

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Damansara Utama. Speaker, ada 7 lokasi ataupun *venue* yang akan digunakan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan penganjuran Sukan SEA tahun 2017 yang akan berlangsung pada 19 Ogos hingga 31 Ogos ini. 7 lokasi itu :-

BIL.	SUKAN	LOKASI
1	Ragbi	Stadium MBPJ, Petaling Jaya
2	Golf	The Mines Resort City Golf Club, Sri Kembangan
3	Ice Skating	Empire City, Mutiara Damansara, Petaling Jaya
4	Tenpin Bowling	Megalanes, Sunway Pyramid, Bandar Sunway Petaling Jaya
5	Kriket	Kinrara Oval, Bandar Kinrara Puchong
6	Bola Sepak	Stadium Shah Alam / Stadium Majlis Perbandaran Selayang
	Futsal	Stadium Panasonic Shah Alam
7	Hoki Ais	Empire City, Mutiara Damansara, Petaling Jaya

Setakat ini, pihak Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan tidak mempunyai peranan secara langsung dengan pihak penganjur Sukan SEA Malaysia ataupun MASOC, namun kita menyediakan *venue-venue* dan kemudahan-kemudahan ini.

Saya ingin catatkan di sini, setakat ini sebagai contoh Majlis Bandar raya Petaling Jaya telah mengubahsuai Stadium MBPJ sebanyak RM4.5 juta untuk lampu limpah mulai tahun lepas. Dan untuk tahun ini sahaja, kita telah pun berbelanja (tahun 2017) RM888,160 untuk menaiktaraf seperti *sprinkler*, tandas dan beberapa kemudahan di Stadium Majlis Bandar Raya Petaling Jaya untuk digunakan bagi ragbi dalam SEA *Game* nanti dan sebahagian besar daripada kos itu ditanggung oleh MBPJ dan setakat ini dana yang diterima daripada pihak *federal* sebanyak RM200,000.00.

Yang ketiga, buat masa ini pihak Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan masih belum mengumumkan senarai atlet-atlet untuk kejohanan Sukan SEA ini. Namun begitu atlet-atlet di Selangor yang telah terpilih untuk mengikuti latihan persediaan Sukan SEA adalah sebanyak 53 orang :-

BIL	SUKAN	BILANGAN ATLET
1	Perahu Layar	2
2	Akuatik (renang, terjun, polo air, renang berirama)	15
3	Gimnastik	4
4	Petanque	3
5	Bola Keranjang	7
6	Taekwando	2
7	Boling Padang	1

8	Bola jaring	2
9	Tenis	2
10	Karate Do	3
11	Sepak Takraw	1
12	Hoki	2
13	Pencak Silat	2
14	Lawan Pedang	3
15	Bola Sepak	2
16	Badminton	2

Terima kasih.

**YB PUAN YEO BEE YIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**YB PUAN YEO BEE YIN:** Saya nak tanya, adakah peruntukan untuk mengubahsuai ataupun menaik taraf semua kemudahan sukan ini akan di subsidi oleh kerajaan persekutuan ataupun kerajaan tempatan dan juga Kerajaan Negeri perlu memastikan infrastruktur ini adalah sedia? Dan kedua, adalah sama ada kita akan *you know our image is stake*. Kemudahan-kemudahan sukan yang kita gunakan di SEA Game adalah kemudahan kita dan kalau tidak cukup peruntukan, maka imej kita akan terjejas. So, apakah pandangan EXCO?

**TUAN SPEAKER:** Jawab satu saja Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI:** Terima kasih. Tuan Speaker. Pertamanya seperti mana yang saya maklumkan 4,588,000.00 yang telah dikeluarkan itu setakat ini masih lagi dikeluarkan oleh Majlis Bandar Raya Petaling Jaya, namun saya percaya MPBJ akan memohon daripada pihak Federal dan setakat ini pihak Kerajaan Pusat baru memberikan peruntukan sebanyak RM200 ribu daripada lebih RM5 juta yang telah dibelanjakan oleh pihak MBPJ. Namun begitu secara jangka panjangnya, kemudahan-kemudahan ini boleh digunakan pembangunan sukan dan aktiviti sukan prestasi tinggi di masa depan. Sebagai contoh Majlis Bandar Raya Petaling Jaya, Stadium Petaling Jaya. Sekarang ini digunakan oleh Air Asia ataupun komersialnya PJ Rangers untuk Liga Bola Sepak Premier atau Liga Bola Perdana di Malaysia. Namun begitu kalau ada lagi kemudahan-kemudahan itu saya percaya ia boleh digunakan termasuk kemudahan asas Astaka. Sebenarnya Kerajaan Negeri juga ataupun MBPJ juga menaik taraf padang Astaka di Petaling jaya untuk latihan skuad ragbi dan juga boleh digunakan di



masa depan bangunan ragbi dan pembangunan bola sepak dan aktiviti masyarakat secara keseluruhan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker Soalan No. 10

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK: PENCAPAIAN PENYELESAIAN KILANG HARAM**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai inventori lengkap mengenai kilang haram sama ada di kawasan perbandaran mahupun kampung di seluruh negeri?
- b) Siapakah yang terlibat dalam memberi input data kepada Kerajaan Negeri.
- c) Adakah pasukan khas untuk memantau dan mengambil tindakan?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kepada Selat Klang. Saya juga ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 105, 119 dengan 131. Tuan Speaker Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006. Berdasarkan rekod daripada bancian yang telah dibuat sebelum ini terdapat lebih kurang 2,998 kilang yang telah dibina di atas 2,523 lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh program sebanyak 1,346 lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak 1,223 telah diluluskan. Manakala terdapat sebanyak 1,154 lot yang masih belum mengemukakan permohonan.

Pihak Berkuasa Negeri telah memperoleh hasil kutipan bayaran premium sebanyak RM185,683,976.54 sen daripada permohonan yang telah diluluskan. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram untuk memantau dan memberi nasihat berkaitan proses pemutihan kilang-kilang haram. Berdasarkan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 2015. Program ini telah tamat pada 31 Disember 2015. Tindakan penguatkuasaan akan

dilaksanakan tertakluk kepada undang-undang sedia ada iaitu di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974.

Pejabat Tanah dan Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan sedang dan juga akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan mengikut prosedur yang ditetapkan ke atas kilang-kilang tanpa kebenaran di Selangor. Dalam masa terdekat, tumpuan tindakan perobohan akan ditumpukan kepada kilang haram ataupun bangunan haram yang dibina di atas tanah rizab kerajaan seperti tanah rizab sungai, tanah rizab parit dan sebagainya. Sekian.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Apakah? SOP dengan izin dengan, pihak PBT dan Pejabat Tanah kalau didapati ada kilang-kilang haram seperti sebab ada kalanya kita dapat jawapan yang katakan mereka haram kita tidak ada dalam rekod kita tidak boleh ambil tindakan. Ini adalah saya rasa ada Yang Berhormat ada terima jawapan macam ini juga. Jadi saya nak tanya, apakah SOP yang sebenarnya diambil kalau ada kilang haram didapati oleh PBT dan Pejabat Tanah?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Rawang, saya rasa tidak ada isu bahawa kilang tersebut kilang haram tersebut tidak ada dalam rekod tidak boleh ambil tindakan penguatkuasaan ini memang bukan alasan yang kukuh yang boleh kita ambil dan kita jawab kepada siapa ataupun pengadu sebagainya. Memang dalam Akta kita seperti apa yang saya terangkan tadi bahawa dalam Akta Perancang Bandar dan Desa atau Jalan dan Bangunan ataupun Kanun Tanah Negara memang telah diperuntukkan untuk PBT dan Agensi Kerajaan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas mereka. Dan biasa kita akan melihat kepada kes yang mengkaji kes dengan setiap kes memang ada kes yang tertentu. Kita akan menimbang dan dengan mengambil tindakan yang sesuai seperti apa yang saya terangkan tadi bahawa untuk kilang haram yang di atas tanah rizab tanah kerajaan memang tindakan kita adalah untuk merobohkan mereka untuk membersihkan tapak tersebut dan untuk kilang yang di atas tanah persendirian atau di luar zon perindustrian biasanya kita kana mengeluarkan notis untuk mereka mengeluarkan menghentikan operasi dan memindah daripada kawasan berkenaan dan kalau mereka masih tidak mengikut arahan dan kita akan bagi kompaun dan selepas itu kita akan juga akan bawa kes ini ke mahkamah untuk mendapatkan perintah mahkamah untuk kita merobohkan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: KEMPEN BEBAS PLASTIK**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah seterusnya selepas tidak menggunakan plastik oleh peruncit?
- b) Bagaimana Kerajaan memastikan 20 sen yang dikutip bagi setiap beg plastik oleh peniaga, disalurkan kepada badan kebajikan atau program kepenggunaan dan usaha menjaga alam sekitar?

**YB PUAN ELEZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ini akan dijawab bersekali dengan beberapa soalan daripada Yang Berhormat seri Muda Soalan 79, soalan 128 daripada Yang Berhormat Hulu Kelang, soalan 146 daripada Yang Berhormat Seri Serdang, soalan 151 daripada Yang terhormat Batu Tiga, soalan 164 daripada Yang Berhormat Hulu Kelang dan 201 daripada Yang Berhormat Sekinchan. Ini berkenaan tentang kempen bebas plastik dan polistirena yang telah dilaksanakan selama 2 bulan setengah sejak tarikh penguatkuasaan pada 1 Januari 2017. Kempen ini telah menarik perhatian bukan sahaja daripada ahli-ahli politik tetapi juga selebriti–selebriti dan ahli-ahli akademik dan juga Yang Amat Mulia Tengku Puteri Negeri Selangor yang mana telah memuat naik pelaksanaan kempen di media sosial masing-masing yang telah mendapat ribuan perkongsian serta sokongan di laman media sosial. Kempen Bebas Plastik dan Polistirena ini bukanlah kempen yang baru dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Ia telah bermula sejak tahun 2010 di mana kempen ini dijalankan pada setiap hari Sabtu dan semasa tahun tersebut dianggarkan penglibatan hampir 100 lebih daripada 100 buah peruncit, pasar raya dan juga peniagaan yang telah menyertai dan juga menyokong kempen tersebut. Seterusnya ada juga selepas 2010 Kerajaan Negeri Selangor telah juga jalankan pada tahun 2011 maaf, di premis-premis kerajaan pada tahun 2012 setiap Jumaat Sabtu dan juga Isnin di premis kerajaan pada tahun 2012 sejak tahun 2012 Kerajaan Negeri telah menjalankan Kempen Ramadhan Yang Mampan untuk mengelakkan penggunaan beg plastik dan juga polistirena di pasar-pasar Ramadhan bersama dengan PBT-PBT di

Selangor dan sejak 2016 kempen bebas plastik dijalankan setiap hari sejak bulan September di semua acara premis-premis kerajaan. Untuk makluman untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kerajaan MMKN Ke 21 2016 telah diadakan pada yang telah diadakan pada 23 Jun 2016 meluluskan cadangan pelaksanaan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena dan melalui keputusan MMKN tersebut telah mengarahkan dan memaklumkan kepada semua PBT untuk meletakkan syarat di dalam permohonan Lesen Perniagaan terhadap penggunaan beg plastik dan larangan penggunaan polistirena. Oleh itu tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah berdasarkan undang-undang kecil yang mengeluarkan lesen perniagaan di mana setiap PBT mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan perlu sebagai syarat lesen. Justeru itu setiap pelanggaran atau pun pengingkaran tersebut tindakan kompaun boleh dikenakan sebanyak maksimumnya RM1000.00.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, kempen ini juga dilaksanakan bersekali dengan larangan penggunaan polistirena dan matlamat utama kempen ini adalah untuk mengurangkan penggunaan polistirena untuk menjaga alam sekitar berdasarkan keadaan semula jadi polistirena dan juga beg plastik yang mengambil begitu lama untuk *release*. Bagi penggunaan polistirena ia mudah untuk dilaksanakan di mana para niaga tidak lagi dibenarkan untuk menggunakan polistirena sebagai bahan bungkusan makanan setelah pihak PBT meletakkan larangan penggunaan polistirena permohonan lesen perniagaan. Larangan ini dilaksanakan berdasarkan kajian yang telah ada di mana bahan kimia di dalam polistirena akan bertindak balas dengan makanan yang panas seterusnya akan meresap dalam makanan yang kita serta. Kerajaan Negeri turun menggalakkan peniaga untuk menukar bekas makanan yang boleh dikitar semula atau boleh diguna semula dan pengguna-pengguna juga digalakkan untuk membawa sendiri bekas makanan. Untuk menjayakan disarankan untuk membawa beg sendiri semasa membeli belah, namun pihak peniaga boleh membekalkan beg plastik kepada pelanggan kepada pelanggan memerlukan dengan syarat mengenakan syarat sekurang-kurangnya 20 sen. Seperti mana penjualan barangan yang lain caj yang dikenakan ini dipercayai dapat membantu keberkesanan kempen melalui penggunaan beg sendiri apabila membeli belah. Selain itu Kerajaan Negeri juga turut menyarankan peniaga untuk menyediakan kotak kepada pengguna bagi memudahkan urusan pembungkusan barangan yang dibeli serta peniaga juga digalakkan memberi insentif khas kepada pengguna-pengguna yang bawa sendiri semasa membeli belah. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri juga telah mengecualikan beberapa produk dan juga barangan daripada dikenakan caj seperti berikut:-

1. Makanan dan Tumbuhan iaitu makanan yang mentah, makanan untuk haiwan ataupun kegunaan manusia seperti gula-gula, *pellet* makan haiwan ataupun makanan dalam bekas yang tidak cukup selamat untuk mengelakkan kebocoran

## 28 MAC 2017 (SELASA)

semasa pengendalian. Biji benih tumbuhan yang tidak dibungkus. Bunga-bunga tanaman yang selaputi tanah seperti kentang, halia, ubi dan lain-lain.

2. Produk-produk seperti ubatan, preskripsi atau dan bahan racun yang bahaya
3. Hidupan akuatik seperti ikan hidup ataupun spesies akuatik yang lain.

Pada peringkat permulaan ini dilaksanakan terdapat beberapa sebab dan juga punca yang dikenal pasti melalui media massa dan juga media sosial seperti:-

1. Para pengguna menyatakan kempen ini dilaksanakan pada tempoh yang sangat drastik dan peniaga tidak mempunyai tempoh masa yang cukup untuk melaksanakannya.
2. Kebergantungan kepada penggunaan beg plastik dan tiada bahan alternatif disediakan.
3. Kurang pemahaman dan pengetahuan berhubung dengan matlamat kempen ini.
4. Pengguna turut menyatakan terasa beban dengan caj kutipan tersebut.

Walau bagaimanapun kita teruskan aktiviti promosi dan juga pendidikan yang akan diperluaskan melalui program-program anjuran Kerajaan Negeri dan PBT. Kempen ini yang telah dijalankan sejak 2010 akan diperluaskan melalui beberapa aktiviti yang kita akan jalankan bukan sahaja dengan PBT bukan sahaja dengan Ahli-ahli Dewan Negeri tetapi juga dengan peniaga-peniaga ataupun perniagaan. Pada yang sama Kerajaan Negeri telah membangunkan satu laman web berbentuk pendidikan pelbagai informasi. Berhubung pelaksanaan kempen dan juga lama web tersebut, boleh dilayari portal **[www.bebasplastik.my](http://www.bebasplastik.my)**. Satu kajian awam terhadap penerimaan kempen bebas plastik dan polistirena akan dijalankan pada bulan April 2017 yang bertujuan untuk mendapat maklum balas dan juga cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Pada masa yang sama kita akan kumpulkan data secara saintifik kerana setakat ini kita hanya dapat data yang boleh dikatakan secara *anecdotal*. Kita telah jalankan beberapa *survey* secara tidak langsung melalui beberapa *outlet*. Sebagai contohnya melalui *wifi* Selangor yang dijalankan pada bulan Januari di mana 50 ribu pengguna *wifi* Selangor telah memberi maklum balas bahawa mereka secara majoritinya 87% menyokong kempen, kempen untuk memberhentikan penggunaan bekas polistirena sebagai contohnya. Tetapi pada masa yang sama kita rasa apa yang penting adalah kita memerlukan data yang lebih saintifik. Pada peringkat seterusnya, Kerajaan Negeri turut akan melaksanakan Program Bazar Ramadhan mampan pada bulan Mei sehingga Jun

## 28 MAC 2017 (SELASA)

2017 di semua PBT Negeri Selangor yang mana program ini akan lebih menekankan pelaksanaan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena kepada pengguna-pengguna dan juga peniaga-peniaga di samping menjalankan aktiviti-aktiviti kepenggunaan yang lain.

Tuan Speaker,

Bagi menjawab isu penyaluran, kutipan *charge* 20 sen yang ditimbulkan oleh pelbagai pihak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kutipan tersebut dikutip oleh pihak peniaga seperti mana penjualan barangan ataupun produk yang lain. Maksudnya ianya perlu diberi resit ataupun diinvoiskan. Kerajaan Negeri menggalakkan pihak peniaga untuk melaksanakan program-program pemuliharaan alam sekitar, pembersihan sungai atau pantai dan juga mana-mana program CSR yang berpatutan. Sebagai contohnya, program pemuliharaan alam sekitar yang telah dilaksanakan dengan Pasaraya *Speed Mart 99*, *Speed Mart 99*, (batuk), maaf. Yang telah bekerjasama dengan Majlis Bandar Raya Shah Alam dan juga Majlis Perbandaran Klang dan menyumbang lebih kurang RM1 juta kepada dua-dua PBT ini untuk membersihkan dan juga mengindahkan Sungai Klang dan juga kawasan persekitarannya. Telah mula dilaksanakan pada penghujung bulan Disember 2016. Selain daripada itu, beberapa pasara besar seperti *Giant* turut menjalankan program alam sekitar sendiri yang dinamakan Program Sentuhan Hijau yang melibatkan aktiviti kepenggunaan dan juga alam sekitar. Bagi tujuan pemantauan dan juga penambahbaikan ke atas pelaksanaan kempen ini, Kerajaan Negeri mengadakan sesi perjumpaan dan juga mesyuarat secara berkala bersama dengan pihak peniaga bagi memantau laporan penyaluran kutipan serta aktiviti yang akan dilaksanakan oleh pihak-pihak perniagaan. Bagi menjawab pertanyaan daripada Seri Serdang yang bertanyakan penyediaan alternatif seperti beg kertas. Pada dasarnya objektif yang telah dinyatakan sebelum ini, penyediaan beg kertas kepada pengguna bukanlah satu penyelesaian yang tepat untuk mencapai matlamat pengurangan penggunaan beg. Sebaliknya, di sebaliknya ianya akan menimbulkan masalah kekurangan sumber dan juga pembuangan sampah di tapak pelupusan kerana beg kertas sendiri memerlukan sumber tenaga yang banyak untuk dihasilkan serta tidak mudah terurai di tapak pelupusan. Kerajaan Negeri namun tidak melarang sekiranya peniaga membekalkan beg kertas sebagai alternatif kepada pengguna.

Tuan Speaker,

Kesimpulannya, kempen bebas plastik dan polistirena ini adalah satu inisiatif bagi pemuliharaan alam sekitar demi generasi masa hadapan. Jadi, perubahan dan pergantungan kita terhadap beg plastik dan polistirena perlu dikurangkan ataupun dihentikan terus walaupun akan mengambil masa yang lama. Sokongan dan juga kerjasama dari kalangan pimpinan negeri khasnya daripada Dewan yang mulia ini akan

menjadi sumber inspirasi kepada rakyat yang turut menyokong kempen ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Ok. Tadi Y.B. EXCO ada kata bahawa kutipan 20 sen itu seharusnya diberi resit atau diinvoiskan. Jadi soalan saya adalah, adakah *tax jalin* GST itu akan dikenakan? Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Merupakan transaksi yang biasa. Jadi untuk, sebagai contohnya untuk peniagaan yang besar, maka mereka perlu bayar GST. Tetapi untuk yang kecil-kecil di mana saya pernah lihat dengan mata sendiri, mereka ada 1 tabung di depan *cash register* di mana 20 sen itu dimasukkan dan mereka menyatakan di mana duit tersebut akan diserahkan kepada NGO atau CSR yang mana.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Jadi apa yang dimaksudkan oleh Y.B. EXCO tadi bukan setiap transaksi 20 sen itu harus diberi invois atau resit?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Kalau untuk transaksi atau maksudnya. Ini adalah untuk transaksi-transaksi hasil untuk peniaga-peniaga yang besar. Namun, maka resit tersebut sebagai contohnya dari pasar raya kita dapat 1 resit, 20 sen itu mesti dicatatkan untuk 1) dokumentasi, 2) sebagai 1 transaksi perniagaan yang biasa.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin kepada pihak EXCO. Apakah ada 1 cadangan lain selain daripada menggalakkan ataupun memberikan keizinan kepada pihak-pihak pasar raya yang mengenakan *charge* 20 sen ini kepada jika kita ingin memiliki plastik kepada menukarkannya supaya 20 sen ataupun apa pun juga harga yang dikenakan kepada, kepada program, kepada apa ni bahan yang lebih mesra alam contohnya *woven* beg dan sebagainya. Jadi, kepada saya ia tidak menepati polisi yang kita nyatakan dengan kita ingin mengemukakan supaya bebas plastik tetapi masih lagi kita mengeluarkan plastik untuk diberikan sebagai pilihan kepada mereka jika mereka tidak bawa barangan ataupun *woven* beg masing-masing.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Batu Tiga. Saya rasa 1 saranan yang sangat bagus. Sejak 2010 daripada pejabat saya, kita telah edarkan hampir setengah juta *non woven* beg. Ini hanya daripada pejabat saya. Ini tidak termasuk aktiviti EXCO-EXCO lain, tidak termasuk Pejabat Dato' Menteri Besar, PBT-PBT, 30 lebih agensi-agensi dan juga jabatan-jabatan di Kerajaan Negeri Selangor. Jadi, boleh dikatakan dalam pasaran ataupun dalam milikan kita, kita hampir semua keluarga ataupun isi rumah tangga ada *non woven* beg. Mengapa kita tidak sarankan pemberian percuma tidak kira beg plastik, tidak kira beg kertas *non woven* dan sebagainya? Kerana kita matlamat objek, matlamat utama adalah untuk mengurangkan pemberian tersebut. Jadi kita tidak ada halangan kalau pasar raya memberi secara percuma. So, sebagai contohnya saya ingin rujuk kepada *Speed Mart* 99 di mana pada bulan Januari mereka memang mengedar secara percuma. Ada juga pasar, perniagaan yang mengurangkan kos ataupun harga beg *non woven* ataupun beg-beg yang dijual di perniagaan tersebut. Ada juga yang telah menukar kepada beg plastik dan juga ada perniagaan yang telah memulangkan beg plastik kepada francais utama mereka kerana dalam 1 bulan pelaksanaan tersebut, mereka mendapati mereka tidak memerlukan beg plastik tersebut. Jadi, apa yang penting adalah kita jangan ganti sahaja. Seperti saya telah sebut tadi. Kalau kita menyarankan gantian beg kertas secara percuma, maksudnya bilangan beg kertas yang bakal diedarkan secara percuma akan sama dengan beg plastik. Dan ini juga akan memberi masalah yang baru dari segi penggunaan sumber yang tidak efisien beg kertas yang tidak boleh, sebenarnya tidak boleh ataupun sangat susah diuraikan di tapak-tapak pelupusan tersebut dan juga ada yang sarankan supaya beg bio plastik ataupun *biodegradable* diedarkan secara percuma. Itu pun adalah memberi 1 masalah yang berlainan di mana *biodegradable* tidak maksudnya 1 beg yang dibuat 100% menggunakan bahan-bahan organik. Dalam beg *biodegradable* ada 20, 30% sekurang-kurangnya bahan-bahan plastik yang mudah diurai dan lebih senang untuk masuk dalam jaringan makanan ataupun *food chain* yang saya rasa pada bulan, kalau saya tak silap bulan Februari, Pertubuhan Bangsa-Bangsa

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Bukit Lanjan boleh ringkaskan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Oh, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengeluarkan 1 laporan yang sangat penting. Mereka telah mendapati bahawa dalam jaringan makanan *food chain*, dalam lauk sekarang kita ada serpihan plastik ataupun mikro plastik. Jadi ini adalah 1 perkara yang amat mendesak dan UNEP telah menyarankan supaya semua negara-negara dan juga perniagaan untuk mengurangkan ataupun menghentikan penggunaan beg plastik.



**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan No.12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK :** **PENJUENAMAAN Selangor INVESTMENT CENTRE (SSIC)**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah matlamat dan keberkesanan penjenamaan semula SSIC kepada Invest Selangor?
- b) Nyatakan kos perbelanjaan bagi proses penjenamaan semula ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker. Pelancaran penjenamaan SSIC Berhad pada Invest Selangor Berhad telah dimulakan pada 18hb. Mei, 2015. Matlamatnya ialah :

1. Menyediakan imej baharu dan hala tuju yang jelas tentang peranan organisasi.
2. Mempromosikan Negeri Selangor sebagai destinasi pelaburan yang utama di Malaysia dan di ASEAN.
3. Memberikan gambaran yang jelas tentang fungsi dan peranan organisasi.

Kesannya:

1. Mengukuhkan kesedaran tentang wujudnya agensi penggalakan pelaburan di Negeri Selangor.
2. Maklum balas yang diterima dari pada *stakeholders* amat menggalakkan yang mana mereka menyatakan ia adalah 1 langkah yang tepat untuk mempromosi Negeri Selangor.
3. Jenama ini lebih menonjol dan dikenali semenjak ia dilancarkan.

4. Jumlah projek perkilangan yang diterima terus meningkat di mana pada tahun 2015 sebanyak 222 projek diterima, manakala pada tahun 2016 sebanyak 242 projek diterima.

Jumlah kos perbelanjaan penjenamaan semula ini adalah sebanyak RM299,762.30 sen yang ianya adalah merangkumi pemilihan logo, *Corporate identity manual*, lama web baru, majlis pelancaran, bahan-bahan promosi, percetakan dan *stationary*.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya masih lagi ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO...

**TUAN SPEAKER:** Hanya soalan bukan bagi penjelasan...

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ya, soalan di sini. Sejak daripada pembentangan bajet MB 2015, mengikut pengukuran sebenar, apakah *valuation* sebenar yang telah dimanfaatkan oleh rakyat dari sebarang perkembangan? Saya lihat projek bertumbuh daripada 222 kepada 242 pada tahun 2016. Apakah sebarang perkembangan mengenai penjenamaan ini kepada terutamanya dalam usaha pengurangan kadar pengangguran di kalangan anak-anak muda di Negeri Selangor? *Valuation* yang dibuat ataupun yang dihasilkan daripada penjenamaan ini yang boleh dimanfaatkan oleh kita punya penganggur-penganggur ataupun orang yang tidak bekerja di kalangan anak-anak muda di Selangor. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Penjenamaan baru ini cuma salah 1 langkah untuk mempertingkatkan pelaburan di Negeri Selangor dan untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan dia tidak ada bukan, bukan kerana satu-satunya atau cara yang tunggal untuk mengatasi masalah pengangguran. Lagipun di Selangor ini, kadar pengangguran adalah kurang daripada 3% sepertinya tidak ada pengangguran di Negeri Selangor. Ini adalah tafsiran yang diberikan oleh jabatan Buruh kepada Negeri Selangor. Jadi, saya kira soalan itu mungkin tidak tepat, mungkin Yang Berhormat sendiri mungkin tidak memahami soalan itu sendiri.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta maaf Yang Berhormat Speaker, kalau nak ikutkan pengangguran, saya tengok kadar kemiskinan yang dibuat ataupun yang di tafsir oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu 1500

**28 MAC 2017 (SELASA)**

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali, ini soalan tambahan ke?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ya, soalan tambahan saya. Soalan daripada penjelasan yang diberi

**TUAN SPEAKER:** Kena cepat. Selepas 11.30 tak boleh keluarkan soalan lagi.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Apa soalannya?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mengikut daripada kemiskinan yang wujud selepas apa ni pentafsiran semula kadar kemiskinan Negeri Selangor seramai 30% peningkatan apakah ini tidak menampakkan sebagai 1 petanda ramai yang tidak bekerja ataupun mempunyai *hot jobs* yang, yang, yang, yang perlu dimanfaatkan daripada *valuation* yang saya maksud bila kilang-kilang ataupun pertumbuhan industri ini meningkat?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya kira Yang Berhormat Batang Kali tidak faham dan dia keliru. Dia tanya pengangguran. Jadi pengangguran, kadar pengangguran memang rendah. Kurang dari 3% dan pengangguran tidak semestinya berkaitan dengan kemiskinan. Dia tambah pula kemiskinan. Jadi saya kira dia dalam keadaan keliru. Mungkin dalam lebih baik dia balik belajar betul-betul

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta maaf, Tuan Speaker, saya bukan keliru Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali dah 11.30 tak boleh bagi. Sebenarnya soalan batang Kali tadi sudah memesong daripada soalan pokok mengenai *rebranding* Invest Selangor ya? Saya putuskan,

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta maaf Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Telah memesong Batang Kali tolong duduk Batang Kali. Baik lah Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah menunjukkan 11.31 pagi dengan ini saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

#### **IV. USUL**

**(Usul Menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul Menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya mohon izin untuk membawa satu USUL yang berbunyi seperti berikut, “Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di dalam Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ke Tiga Belas.”

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta pada pemerhati yang saya muliakan. Salam Sejahtera, salam ubah, salam reformasi untuk semua.

Negeri Selangor jadi rebutan  
Antara Barisan dan juga Pakatan  
Rakyat dah selesa kami jadi kerajaan  
Itu yang Noh dan Jamal jadi meroyan

Tuan Speaker, terlebih dahulu ingin saya ucapkan mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar kerana telah berjaya membawa Negeri Selangor dan terus memaju pertumbuhan ekonomi yang pesat seperti apa yang kita maklum Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar berdasarkan prinsip telus dan kebertanggungjawaban telah mendapat keyakinan daripada semua lapisan khususnya pada pelabur-pelabur dan pada masa yang sama pada Belanjawan 2017 sebanyak RM3.45 billion telah dibentangkan dan telah diluluskan di dalam Dewan Yang Mulia untuk tahun 2017.

Tuan Speaker, dalam RM3.45 billion ini sebanyak RM1.8 billion iaitu 52.2% peruntukan pembangunan telah diluluskan manakala sebanyak RM1.65 billion adalah peruntukan mengurus. Ini satu pencapaian yang sangat luar biasa dan angkat 3.45 bilion ini adalah angka yang terbesar setakat ini untuk belanjawan di Negeri Selangor sehingga sekarang dan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar begitu berani ya buat pertama kalinya telah memperuntukkan sejumlah 52.2% iaitu RM1.8 billion khusus untuk peruntukan pembangunan. Ini tidak pernah berlaku sebelum ini dan juga kalau kita bandingkan di negeri-negeri yang lain, negeri-negeri yang ditadbir oleh UMNO Barisan Nasional tidak mungkin angka sedemikian, peruntukan pembangunan dapat melebihi peruntukan mengurus. Ini satu pencapaian

**28 MAC 2017 (SELASA)**

yang sangat membanggakan dan luar biasa dan jika kalau, jika kita bandingkan dengan *budget* yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Najib pada 2017, peruntukan pembangunan hanya sekitar 18%.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Minta Mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Siapa? Oh, terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Sekinchan. Semangat. Baru-baru ini saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan. Baru-baru ini apabila kita bentangkan Belanjawan, kawan-kawan kita daripada Pembangkang nampak tak berapa nak bersetuju dengan 52% itu jadi apakah Sekinchan bersetuju bahawa UMNO dan Pembangkang yang berada itu tidak bersetuju untuk membangunkan hal ehwal rakyat?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih rakan seperjuangan yang bijaksana saya daripada Paya Jaras. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Paya Jaras. Pihak Pembangkang, UMNO Barisan Nasional mereka cemburu dengan pencapaian kita, ya mereka tidak dapat buat. Sebelum ini 50 tahun yang lalu di Negeri Selangor di bawah pimpinan UMNO Barisan Nasional mereka tidak pernah melakukan ya memberi peruntukan dan suntikan peruntukan pembangunan sebegitu besar dan sekarang di peringkat Putrajaya pun mereka lesu. 18% peruntukan pembangunan, bayangkan. Ini lah yang saya kata kan perbezaan rakyat memilih Kerajaan Pakatan dengan Kerajaan Barisan Nasional jauh beza. Kerajaan Pakatan yang ada sekarang ini kita memikirkan bagaimana untuk membantu meringankan bebanan rakyat. Manakala di Barisan Nasional nama pun dah teruk. Barang naik, jadi rakyat dah tahu barang naik ini maksudnya rakyat akan ditekan dengan bebanan kos saraan hidup yang tinggi. Mereka tidak hirau, peduli rakyat susah, mereka bermewah-mewah di atasan, di Putrajaya. Tapi rakyat susah. Mereka kenakan cukai GST 6%. Cukai GST 6%.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Speaker, mohon mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh Dengkil, oh Dengkil, sila-sila.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Terima kasih Speaker, terima kasih Sekinchan. Sekinchan ni dah mulakan apa nama main politik banyak ni tapi saya nak tanyakan soalan pasal fakta. Fakta. Berkenaan dengan bajet pembangunan 1.8 bilion yang dibangga-banggakan yang disebutkan oleh Sekinchan tadi. Saya nak bertanya kepada Sekinchan. Saya ada fakta, ini fakta ini bukan politik. Projek RP 2, RMK11 Selangor untuk tahun 2017 sahaja. Kerajaan Persekutuan membelanjakan sebanyak

RM21 billion bukan RM1.8 billion untuk Negeri Selangor projek baru, projek sambungan yang projeknya berjumlah 253 buah dan kosnya RM21,115,443.00 jadi soalan saya kepada Sekinchan jangan lah memperlekehkan, jangan lah memandang rendah Kerajaan Persekutuan yang tidak menganaktirikan Selangor. Apakah pandangan Sekinchan berkenaan dengan sumbangan besar Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor, Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Dengkil, saya ucapkan terima kasih tetapi saya nampak Yang Berhormat Dengkil dia tidak fokus kepada apa yang saya ucapkan. Saya fokus dia telah lari daripada apa yang saya fokuskan. Saya bicara soal peruntukan pembangunan besar dibandingkan dengan peringkat Putrajaya bukan soal dah berapa dia bagi, berapa peruntukan dia bagi, tidak. Saya bicara soal peratus pecahan peruntukan jadi saya minta Dengkil dengar dulu. Fokus betul-betul apa yang saya ngomong...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Saya bicara pasal amaun.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** *Ojo confuse.*

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Amaun.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** *Ojo confuse* sebab Barisan Nasional dia suka *confuse*.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Jangan *confuse*. RM1.8 billion dengan RM21 billion besar bezanya tu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi saya akan masuk berbagai-bagai tajuk. Nanti, sabar-sabar.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil nanti saya bagi masa untuk Dengkil bahas semua fakta yang Dengkil ada ya. Sekinchan teruskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya akan teruskan lah. Sungai Burong kalau dia dengar bahasa *confuse* dia seolah-olah terikat. Jadi dia terus bangun. Dia terikat, dia terus bangun. Kalau dia sebab rakan seperjuangan saya lama ni, ni Sungai Burong jadi saya kena bagi ini hormat Sungai Burong, veteran kita.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tak payah lah nak kata rakan seperjuangan, apa semua. Kita perjuangan badan lain-lain. Perjuangan Sekinchan memburukkan kerajaan aje. Telah meremehkan kerajaan Barisan Nasional. Saya nak

minta penjelasan aje, nampak Sekinchan menggunakan peratus sebenarnya dalam statistik dia ada peratus dan juga ada *figure* hah angka yang penting nak kita lihat ialah jumlah pembangunan yang diterima oleh rakyat ya dan selama ini kerajaan Barisan Nasional telah memberikan peruntukan yang begitu besar untuk membangunkan bukan sahaja negara tetapi Negeri Selangor ini. Yang limpahannya dinikmati oleh kerajaan Pakatan Rakyat pada hari ini. Setuju ataupun tidak? Jangan menggunakan angka peratus aje sebab itu statistik dia tidak memberikan makna sepenuhnya yang penting ialah sejauh mana pembangunan itu dapat diterima oleh rakyat dan pada masa ini kita telah melihat dengan jelas dengan mata kepala kita sendiri bahawa pembangunan yang diberikan oleh kerajaan Barisan Nasional begitu banyak dinikmati oleh Kerajaan Selangor dan juga negara ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih rakan seperjuangan walaupun dia tak setuju lah. Dalam Dewan ini kita semua rakan seperjuangan cuma kiblat politik kita berlainan tapi kita tetap boleh bersama untuk memperjuangkan hak rakyat. Saya nak jawab, Tuan Speaker, soal apa yang dibangkitkan oleh Sungai Burong memang lah sebelum ini, 50 tahun UMNO memerintah seluruh Malaysia, termasuk Selangor kalau kita *accumulate* kalau kita timbunkan semua peruntukan memanglah besar tapi saya nak bicara ini setakat ini, setakat ini. Soal peratus ya bajet antara Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Pakatan dengan Kerajaan Barisan, ini bezanya.

Jadi saya nak teruskan apa yang saya nak katakan sebab saya bagi angka tu fakta.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Fakta bukan auta. Fakta bukan auta. Eh Kota Anggerik yang berbunga-bunga saya bagi lah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker. Sekinchan. Adakah kita sedar, adakah pihak apa ni sebelah sana sedar bahawa satu per empat KDNK negara datang daripada Negeri Selangor. Sepatutnya Negeri Selangor dapat lebih banyak lagi pembangunan sebab kita adalah satu per empat penyumbang kepada KDNK negeri, negara seluruh Malaysia.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat, rakan yang bijaksana daripada Kota Anggerik memberi cerahan tentang KDNK. Hah! Ini satu fakta lagi. Fakta bukan auta. Selangor menyumbang hampir 25% KDNK di seluruh negara. Maknanya kerajaan sepatutnya bertanggungjawab, punya tanggungjawab untuk jaga

**28 MAC 2017 (SELASA)**

Negeri Selangor kerana satu per empat hasilnya daripada Selangor. Hah! Jadi Sungai Burong kita kena faham fakta bukan auta.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Kampung Tunku minta.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Hah, ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh Kampung Tunku, terima kasih. Saya bagi laluan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya akademik sikit Yang terhormat, kalau kita masih lagi ingat apa yang berlaku tahun 2008 di mana Kerajaan Barisan Nasional berjanji akan membina jambatan Klang ketiga sehingga sekarang satu paku pun tak ada tetapi itu dibina oleh Kerajaan Negeri sendiri. Bukan kah itu satu contoh yang paling bagus menunjukkan bagaimanakah Kerajaan Barisan Nasional di Putrajaya, menganaktirikan kerajaan Selangor yang merupakan sebahagian daripada Persekutuan ini yang berhak untuk menikmati pembangunan yang negeri ini perlu ada supaya ianya boleh melonjakkan Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi. Bukan kah itu benar Yang Berhormat?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat rakan seperjuangan daripada Kampung Tuanku ya saya ucapkan terima kasih lah memberi cerahan tadi cuma saya akan jawab sebentar lagi. Soal KDNK yang tadi saya cakap fakta bukan auta kita sumbang satu per empat, kita nak bagi, saya nak bagi Tuan Timbalan Speaker, berapa itu satu per empat angka yang sebenar kita anggarkan RM21 billion, RM21 billion, jadi RM21 billion itu gedi ya dengan izin gedi. Gedi itu besar, besar hah dahsyat cukup dahsyat ya jadi...

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Boleh bagi penjelasan sikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Hah boleh, Kita bagi lah

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya. Saya ingat matematik ini senang sahaja. Saya nak minta penjelasan. Kalau lah 21 bilion adalah sumbangan KDNK Selangor terbesar, kita tahu kerajaan tadi Dengkil telah jelaskan ya, kerajaan bagi 22 bilion pembangunan sahaja jadi itu dah *matching* nak cakap dari segi itu lah dari segi matematiknya kan jadi jangan cakap besar pasal matematik. Sumbangan kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan kita kena ingat kerajaan Persekutuan ini ialah bapa ya bapa dia kena jaga semua anak. Selangor ini bukan satu anak, dia ada anak lain hah ada 14 anak yang nak kena jaga jadi kita sebagai sebuah negara yang adil pemerintah yang adil kita kena bagi negara-negara yang lain, negeri-



negeri lain yang perlu dibantu hah jadi kena faham dari segi itu dan saya nak beritahu ya dari segi ekonomi dari segi pertumbuhan ekonomi Selangor adalah merupakan hub kepada ekonomi negara jadi apa pun projek dasar pembangunan yang diberikan oleh negara dari segi ekonominya dia yang pertama sekali akan melimpah nikmatnya yang akan menerima ialah Selangor. Hah, itu jangan kita lupa. Apa pun yang buat. Bersin pun Selangor. Batuk pun Selangor. Semua akan dapat ke negeri Selangor. Sila jelaskan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sekinchan.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih saya nak ucapkan terima kasih kepada Sungai Burong lah sebab dia alergi soal angka ini tetapi saya nak bagi tahu ia dalam konteks ia memang legit angka sebab saya nyatakan fakta sebab saya nyatakan fakta bukan auta. Selangor ini kita terus memajukan ekonomi seperti apa yang saya nyatakan tadi saya buat perbandingan tadi soal peruntukan pembangunan. Jadi mereka tarik saya sampai ke lain tetapi saya jawablah kalau saya tidak layan mereka rasa tersinggung dan kecil hati. Jadi saya bagi jawapan tadi dan jadi sekarang saya nak pusing balik kepada jawapan kepada Kampung Tunku.

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Minta penjelasan sedikit Sekinchan.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Nanti dulu Kampung Tunku saya belum kemudian ya, saya nak jawab Kampung Tunku tentang bagaimana janji Kerajaan Barisan Nasional dulu 2008 nak bina jambatan. Jambatan ketiga Klang tetapi selepas pilihan raya 2008, 8 Mac tsunami politik mereka kalah walaupun mereka dah buat pecah tanah, waktu itu Mantan Menteri Besar Khir Toyo bersama dengan Samy Vellu nya bersama dengan MCAny, seluruh konco-konconya buat pecah tanah dan sebagainya. Tetapi jambatan itu tetap tidak muncul yang tinggal mungkin hanya cangkul-cangkulnya. Papan tanda ada, terima kasih Sri Muda, papan tanda jadi ini persoalan tentang keikhlasan wibawa sebuah kerajaan yang di janji, janji harus dikotai, harus ditepati jangan jadi capati. Saya bukan tuduh ini memang fakta, akhirnya Kerajaan Negeri kita faham kesesakan jalan di bandar Klang dan sebagainya kawasan-kawasan yang di sekitarnya akhirnya kita peruntukan wang lebih RM200 juta untuk bina jambatan ketiga Klang di kawasan Yang Berhormat EXCO Sungai Pinang, betul Sungai Pinang dan saya difahamkan jambatan ini sekarang ini kita janji ditepati dan cangkul itu kita kutip, kita bayar duit dan sebagainya cangkul yang dicampak oleh Barisan Nasional kita kutip dan kita bina jambatan sekarang dikatakan bulan empat atau bulan lima ya akan dirasmikan jambatan ini kita besok saya mintalah Kerajaan Negeri jemputlah Sungai Burong dan juga konco-konconya datang supaya turut serta tengok cangkul yang dia buang macam

**28 MAC 2017 (SELASA)**

mana cangkulnya. Kita boleh simpan dalam Muzium cangkulnya, cangkul itu simpan muzium. Saya bagi kepada Sri Muda dahulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sekinchan, tak berani bagi ini. Kejap je, sikit sahaja berhubung dengan penjelasan jambatan tadi Yang Berhormat Sekinchan. Saya nak tanya dengan Yang Berhormat Sekinchan tentang janji di Tanjung Karang, Hospital ada maklumat terkini silakan.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Muda, soal janji Hospital Tanjung Karang, kita pantau berkali-kali hari itu pun saya tengok baru sekarang dah 16 tahun lebih, 16 tahun kawan saya lahirkan anak dia waktu dijanjikan oleh Noh Omar yang meroyan dengan Jamal itu. Noh Omar menteri udang malam tadi saya jumpa menteri di jeti kawan saya, jiran saya tetapi saya nak pergi jauh, dia janji 16 tahun yang lalu nak bina hospital Tanjung Karang waktu itu kawan anak saya berumur 10 tahun dan sekarang dah berumur 26 tahun dah kahwin anak tiga dah, anak 'wess telu' (cakap bahasa jawa) baru sekarang kita asak, kita asak barulah rumput-rumput dibersihkan baru nak 'start.' Saya ucapkan terima kasihlah.

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Minta penjelasanlah boleh.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Sekurang-kurangnya ada 'start' ada permulaannya dahulu kalau buat satu projek 16 tahun, jangan cakap 16 tahun dahulu sampai satu atau dua tahun barulah cakap. Jangan hasil gembak gempita, gembak gempita, riuh satu kampung telur tidak keluar, memalukan bangsa dan negara.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang minta penjelasan.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya bagilah Permatang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Permatang

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Sekinchan, tapi hati-hati jangan sampai suara tak keluarkan. Yang Berhormat tadi Yang Berhormat cakap fasal jambatan tak tunai janji tetapi saya fikir rakyat Negeri Selangor pun tahu yang Pakatan janji nak turunkan cukai pintu 20 peratus tiada turun pun. Komersial nak turunkan 10 peratus tidak turun pun jangan temberanglah jangan kata orang lainkan, Yang Berhormat pun sama. Yang kedua saya nak cakap tadi Dengkil ada beritahu kalau Kerajaan Negeri Selangor nak hasilkan KDNK RM21 billion, Dengkil bagi 22 bilion

Selangor bagi apa Kerajaan Selangor bagi apa Kerajaan Persekutuan bagi tetapi dia bukan bagi masuk Perbandaran Negeri tetapi melalui yang penting kesejahteraan itu sampai kepada rakyat Negeri Selangor melalui agensi Kerajaan Persekutuan sendiri yang pentingnya manfaatnya sampai kepada masuk ke dalam Negeri Selangor. Itu yang pentingnya jadi bukan masalahnya kita bagi duit sebab bila kita salur kepada Kerajaan Negeri, kita bagi MARRIS RM500 juta, RM600 juta pun tak belanja. Bila belanjakan jalan lopak sana, lopak sini tidak uruskan dengan betul itu nak bagi hingga RM21 billion saya ingat langsung tidak keluar. Yang ini masalahnya jalan rosak tidak buat, perbelanjaan tidak gunakan sebab itu kita tidak bagi terus kepada Kerajaan Negeri kita salurkan terus kepada rakyat Negeri Selangor. Manfaatnya dapat melalui agensi persekutuan, begitu juga mengenai Hospital, Yang Berhormat benda itu mengikut keperluan walaupun janji, kita boleh cakap soal janji boleh janji kepada rakyat. Ini soal lain, ini Yang Berhormat lalu dekat Tanjung Karang soal dah dibuat tidak ada masalah pun, saya minta penjelasan Yang Berhormat. Sebelum saya nak duduk ini, masalah hospital bukan pun kerana desakan Sekinchan pun tidak sebab itu kita bina, sebab negeri sudah bina bukan kerana desakan Sekinchan. Jangan mengaku nak ambil budi di tengah jalan dan tidak ada kena mengena pun.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sekinchan.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya nak beritahu Permatang walaupun kawasan Hospital Tanjung Karang itu berhampiran di kawasan Permatang. Saya nak beritahu saya tidak nak 'clean' kredit dan sebagainya saya cuba nak pantau sahaja, nak pantau supaya janji ini 16 tahun yang lalu dapat di laksanakan demi kebaikan semua orang Tanjung Karang, orang Sekinchan, orang Sabak seluruhnya dapat rawatan di situ. Sebab apa...

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak tanya janji 16 tahun kat mana itu, kalau boleh saya ambil buktinya di mana.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Ada, 16 tahun saya boleh bawa orang, berapa ceramah

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Berapa ceramah...

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Noh Omar ada beritahu, 16 tahun dah.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mana Manifesto.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Ada, Permatang waktu tidak ada lagi.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tiada bertulis pun ini cakap sahaja. Tuan Speaker.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi Permatang....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang boleh bagi hujah sebentar lagi. Silakan sambung Sekinchan.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Sabar Permatang, sabar jadi ini soal janji tadi dan apa yang saya nak tekankan isu Hospital Tanjung Karang saya banyak kali di mana-mana pergi ke sana ke sini majlis keraian, majlis orang meninggal dunia dan sebagainya. Mereka mengeluh kadang-kadang mereka pergi ke Tanjung Karang pun ramai yang mengeluh kepada saya janji 30 tahun tak buat, kita sudah buat ramai orang dah mati tengah jalan. Sebab tidak sempat pergi nak pergi ke Selayang, Sungai Buluh dah tunggu Hospital Tanjung Karang tidak sampai jadi Tuhan sudah dia pergi cepat kerana hospital tiada. Jadi saya minta soal Hospital Tanjung Karang ini tidak kiralah sama ada saya pantau atau pun Yang Berhormat Permatang tetapi pentingnya untuk rakyat jadi saya nak teruskan kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker berkenaan dengan peruntukan pembangunan yang kita peruntukan dan begitu besar dan ingin saya turut teruskan kenapa kita punya kekuatan sebegitu. Kenapa sebab pengurusan Kerajaan Negeri, pentadbiran Kerajaan Negeri telus, integriti dan bertanggungjawab dan kita belanja dengan berhemah dan tidak ada kebocoran ketirisan. Ini penting kalau tidak mana kita nak dapat hasil, jadi hasil kita kumpul kita buat perbelanjaan yang besar untuk kembalikan wang itu kepada rakyat dan melalui program-program IPR (inisiatif peduli rakyat) dan inilah yang Kerajaan Negeri lakukan dan saya juga ingin mengambil kesempatan dalam dewan yang mulia ini di mana kita nak fokus kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam dalam titah ucapannya di mana pembangunan khususnya pelaburan usaha Kerajaan Negeri menarik pelaburan begitu berjaya. Tahun lepas tahun 2016 angkanya yang ditunjukkan daripada butiran daripada Malaysia *'Invest Development eternity' Maida* di mana Selangor telah memperoleh RM7.88 billion pelaburan domestik dan pelaburan luar. Dan sasaran 2016 Tuan Timbalan Speaker berapa, 6 bilion ia tetapi angka sebenar yang kita dapat apabila tutup buku 2016, 7.88 bilion. Maknanya kita telah melebihi sasaran RM1.88 billion ini satu pencapaian yang luar biasa di Negeri Selangor dan sebanyak 242 projek telah diluluskan untuk 2016. Bagi mengisi, bagi memenuhi permintaan pekerjaan di rakyat seluruh Negeri Selangor dan Selangor ini umpama lubuk emas dan bukan sahaja untuk memenuhi permintaan rakyat Negeri Selangor untuk peluang pekerjaan di Selangor juga bertanggungjawab untuk meraikan seluruh negara dan daripada Kelantan, daripada Terengganu, Kedah, Johor dan sebagainya datang ke Selangor untuk mencari rezeki dan mengejar impian mereka. Ini Selangor adil, saksama dan sederhana, inilah Selangor gagasan *smart*

Selangor. Jadi dalam konteks ini juga saya ingin menyatakan sebanyak 16,427.00 peluang pekerjaan diwujudkan. Dan tahun 2016 kita telah berjaya memintas Negeri Sarawak, tahun 2015 kita berada di rangking yang ketiga, tahun 2016 kita memintas satu anak tangga kita berada di rangking yang kedua dari segi kedudukan menarik pelaburan berada di belakang Johor. Jadi kita berada di nombor dua ini Selangor pencapaian yang begitu luar biasa. Jadi saya nak ucapkan tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih, syabas kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan tidak lupa juga kepada EXCO pelaburan dan Yang Berhormat Sungai Pinang kerana telah bekerja kuat untuk menarik pelaburan ke Negeri Selangor. Ini cukup penting supaya rakyat di Selangor terus dapat nikmati daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Lagi saya ingin tegaskan peranan dalam konteks ini peranan apa peranan *Invest* Selangor sangat penting dalam usaha mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan yang diminati yang unik, disukai oleh semua pelabur dan Kerajaan Negeri beberapa tahun yang lalu telah menganjurkan Selangor International Expo tahun yang lalu dan mendapat sambutan menggalakkan dan lebih daripada belasan tiga belas negara yang datang menyertai *booth* membuat untuk mencari peluang perniagaan di Negeri Selangor. Jadi saya ingin syorkan kepada Kerajaan Negeri Selangor perhebatkan kerana di Negeri Selangor ini unik iklim pelaburan baik jadi kita boleh tekankan konsep halal *food* ya. Di Selangor halal *food center* supaya kita Selangor menjadi antara halal *food center* yang menarik lebih ramai pelabur-pelabur datang ke Negeri Selangor. Pada masa yang sama juga kita mintalah saya ingin mencadangkan supaya urusan oleh sebab sekarang menarik pelaburan dalam konteks ekonomi global yang tidak menentu khususnya sekarang ini Tuan Timbalan Speaker kita sedia maklum bahawa dunia luar, pelabur-pelabur luar secara keseluruhannya tidak begitu yakin dengan hilang keyakinan dengan negara Malaysia. Mereka hilang keyakinan dengan Putrajaya kerana apa kerana Putrajaya tidak dapat mempraktikkan ketulusan. Perdana Menteri yang ada sekarang ini terpalit dengan skandal satu Malaysia dalam bahaya 1MDB.

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong minta mencelah.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Di FELCRA dan sebagainya ini yang berlaku jadi orang tidak berapa yakin. Ya saya berilah kepada Sungai Borong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sungai Burong.

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya nak tanya ini boleh bagi fakta tak yang kata pelabur-pelabur tidak ada *confident*

kepada Putrajaya dan Kerajaan Barisan Nasional di negara ini. Sebab setahu saya satu kajian telah dibuat oleh firma perunding anak syarikat DAV Konsultan dan Voltent School daripada Insensvernia yang menyatakan daripada kajiannya ke atas 80 negara Malaysia adalah destinasi pelabur yang terbaik daripada 80 negara. Jadi kalau tidak ada fakta itu jangan tuduh bahawa pelabur-pelabur asing tidak nak datang ke Malaysia takut Malaysia. Ini semua sindrom untuk memburuk kerajaan yang dibuat oleh kerajaan DAP ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y. B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, sekurang-kurangnya Sungai Burong ini dia kata kerajaan DAP belum ada Kerajaan *insya-Allah* pilihan raya akan datang Putrajaya kita bersama Pakatan Harapan, bersama PKR, bersama Bersatu dan kawan-kawannya kita akan dapat di Putrajaya. Tak apa biarlah kita ucapkan terima kasih kepada Sungai Burong, saya dah nyatakan apa yang saya katakan itu fakta sebab apa kita tengok satu perkara sahaja tidak perlu orang luar, rakyat biasa dia tidak perlu bagi angka-angka yang rumit yang '*mumed endasa*' (cakap bahasa jawa) peningkan kepala tidak perlu tengok satu perkara sahaja dalam dewan yang mulia ini satu perkara apa itu bagaimana nilai mata wang ringgit kita itu sudah cukup memadai anak kecil main api pun tahu, anak kecil yang main api ini yang dikatakan oleh UMNO mereka pun tahu.

Sekarang duit kita dah semakin kecil. Kita banding dengan dolar Amerika berapa sekarang? Hampir 4.30 1 dolar, Sing dolar 3.20, Aussie berapa 3.40 untuk Malaysia. Ini kenapa begitu teruknya susun nilar kita adakah kerana pembangkang juga kan kerja-kerja pembangkang menyebabkan kerana DAP, kerana Sekinchan, hooo..... hebat Sekinchan kalau macam itu..ooohh... hebat. Tuan Timbalan Speaker di mana saya nak bagi tahu orang tak yakin kepada negara kita sebab pemimpin kita tertarik dalam Skandal 1MDB 1M dalam bahaya. Orang

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sungai Burong minta

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Orang pergi negara luar seperti Amerika, nanti dulu, nanti saya bagi, saya bagi dulu...

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dia nak buat maklumat, nak buat maklumat penjelasan maklumat yang dia kata ringgit Malaysia

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong, Sg Burong nanti dia bagi

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nanti saya bagi dah beberapa kali saya bagi betul tak? Saya cakap

**28 MAC 2017 (SELASA)**

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Apabila buat kenyataan yang tidak ada fakta

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nanti, nanti

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Belum, Sungai Burong duduk dulu.

**Y.B. TUAN NG SEE LIM:** Ah masa rehat, separuh masa yang pertama.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baru Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, Tuan Timbalan Speaker, jadi saya nak tekan, negara-negara yang di luar seperti Singapura, di Amerika dan sebagainya. Mereka dah kena pasti skandal 1MDB, 1 MDB ditubuhkan oleh siapa DAP, Sekinchan tubuh 1MDB kalau DAP, Sekinchan boleh tubuhkan 1MDB maknanya hebatlah dan rasak, tapi bukan hakikatnya, bukan. Yang menjadi yang tubuhkan Menteri Kewangan dan sebagainya. Siapa Menteri Kewangan DAP Sekinchan bukan, Perdana Menteri satu bumbung duduk kerusi ini amalan yang tidak sihat ini berlaku dan di Singapura tidak mengenal pasti ini satu penggubalan duit haram. Curi duit, curi duit akhirnya dua beg ..... dengan izin, dengan denda dua bank di tutup kerana siasatan 1MDB ini, Malaysia tutup apa, tutup kes, Malaysia tutup juga, tutup kes. Ini yang berlaku dan di Amerika apa yang dikatakan Malaysia sekarang diperintah oleh golongan kreaktokrasi, apa itu kreaktokrasi saya nak bagi tahu orang kampung bahasa mudah yang kreaktokrasi kita diperintah oleh golongan pencuri, penyangak, perompak, ah bahasa ini pun

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sekinchan, minta penjelasan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Itu pun belum saya tahu lagi, belum belajar apa itu kreaktokrasi ini Yang Berhormat Batu Caves apa kreaktokrasi dalam bahasa jawa. Saya kena kalau senang cerita maling, maling senangnya curi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang minta, sila Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Cakap gaya-gaya tapi tak ada fakta, 1MDB ini dah basi dalam PAC di Dewan Rakyat Yang Berhormat Tan Seng Giaw ada Yang Berhormat Tony Phua ada, dah keluar kenyataan tak terlibat apa pun tak ada duit Menteri Kewangan keluar 5 sen pun dan isu 1MDB, itu isu perniagaan. Saya nak bawa Pilihan Raya kecil di Sarawak Usul macam-macam juga kalah DAP, teruk kalah di pilihan raya kecil di Sarawak. Bawa di kawasan Yang Berhormat sendiri waktu pilihan raya kalah juga ....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Apa soalan Matang pun....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Isu air pelaburan Yang Berhormat boleh bercakap orang takut pelaburan dalam negara Yang Berhormat tidur, hidup

**28 MAC 2017 (SELASA)**

dalam dunia Sekinchan ialah hari ini saya nak beritahu bagi saya sedikit sahaja Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, sedikit saya minta pencelahan. Saya minta Yang Berhormat ulas sedikit pelabur dari China melabur sebanyak RM142 billion di negeri, di negara-negara kita, Aram Koh datang dari Saudi melabur RM31 billion yang mana Yang Berhormat boleh kata kita tak ....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, silakan Sekinchan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Cakap sahaja Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, ulas tadi ulas terima kasihlah Permatang, ia saya dah kata Permatang ini hari ini sampai hari ini saat ini dan ketika ini masih belum matang. Kalau dia matang lain caranya. Tapi tak apalah

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sekinchan hari ini penipu habis dalam Dewan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya dah bagi tahu Dewan Yang Mulia ini soal 1MDB ini hanyalah golongan kecil ya segelintir yang kecil sebelah sini ada yang tak ada dan yang sebelah sini condong sedikit itulah yang tak faham. Satu dunia dah faham bagaimana duit kita hampir RM60 billion lesap, lesap ke mana, manakah duit kita?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, bagi Sungai Burong ke ?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya dah banyak kali dah

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Belum lagi bagi, Sungai Burong duduk dulu, Sungai Burong duduk dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya sambung dulu, saya sambung dulu.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Janganlah banyak temberang

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong bagi penjelasan dulu. Sekinchan dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Rehat dulu Sungai Burong, rehat dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sambung Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nanti saya sambung dulu, sambung dulu.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nak menjelaskan janganlah banyak temberang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sambung dulu Sekinchan.



**28 MAC 2017 (SELASA)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Skandal ini, bertambah skandal Tuan Speaker, dia menjejaskan pelaburan kalau skandal ini dia boleh urus dengan yakin pelaburan itu akan bertambah, jadi

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Cakap dengan fakta jangan temberang, beza saya nak bagi tahu, dia boleh kata macam-macam.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak bagi tahu

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong boleh berbahas, ketika ini Sekinchan dah beri laluan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tak boleh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Cukup, cukup

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk dulu Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Janganlah temberang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sambung Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, jadi saya nak bagi tahu soal 1MDB, memang kalau cerita 1MDB mereka ini akan melenting tak boleh sentuh jadi cerita Permatang

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tapi janganlah temberang tak ada masalah tentang 1MDB. Dia nak temberang 1MDB menyebabkan pelaburan ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Cerita PAC.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tapi kenyataannya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya tak bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEKAER:** Ok, Sekinchan dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Gangguan oleh ada sedikit gangguan jadi saya teruskan. Soal apa yang Permatang kata, soal Laporan PAC, saya pemalu *bold* kan laporan PAC kalau saya Permatang saya tak sentuhlah, tak sentuh malu. Saya pengerusi PAC Selangor kita tahu PAC di Negeri Selangor kita telus, siasat apa yang dibentangkan apa isu yang dibangkitkan kita siasat, ia siasat kita bagi kerusi pengerusi PAC kepada UMNO Barisan Nasional dan diperingkat apabila siasat 1MDB dan SRC adalah laporan-laporan yang Ahli Yang Berhormat Pandan dedahkan dokumen yang *solid*, dokumen yang dibawa tak rahsia rasmi sekarang denda 18 bulan, ia itu dokumen sahil kalau dokumen itu tidak sah ia bohong, bukan fakta dia akan dibebaskan tapi itu dokumen betul, cabutan dari Laporan Ketua Audit tapi tak boleh dibuka PAC tak boleh

buka simpan fail inilah muka wajar sebenar Barisan Nasional tipu rakyat dan cara menyorok, nyorok, nyorok inilah cukup lah jangan sebut ulang PAC kita dengan izin saya malu tak apa biarkan, saya pun tak nak sentuh 1MDB banyak-banyak sangat sebab kalau saya sentuh banyak-banyak saya takut juga kerana ada lambang contoh-contoh kalau sentuh 1MDB akan datang kecelakaan, malap petaka kecelakaan ia bahaya sebab mantan peguam Negara Tan Sri Abdul Ghani Patail sebab isu 1MDB dia kandas, Tan Sri Muhiyiddin Yassin terkandas. Tanya sahaja pun tak boleh Shahril tak boleh tanya Mukhriz tak boleh, tanya tak boleh bekas Timbalan Pengarah Cawangan hak di Bukit Aman, ia Polis Bukit Aman tak boleh tanya semua Husni dan sebagainya. Semua tak boleh tanya Sekinchan pun tak mahu banyak tanyalah kalau tidak takut mendatangkan kecelakaan, itu sahaja soal 1MDB. Kita balik kepada

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** *Take 5* saya tanya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** 1MDB jangan tanya kerana kecelakaan, bahaya, bahaya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** *Take 5, take 5.*

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jangan, jangan kita ke lain boleh ? Sebab saya nak tutup 1MDB jadi dia tak perlulah tanya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Bukan 1MDB.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kecelakaan, okay

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil duduk dulu. Okay Sekinchan sambung.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Rehat, rehat.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Nak tanya bukan 1MDB. Singapore, Singapore yang dipuja-puja oleh Sekinchan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil duduk..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Rugi berbilion-bilion...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak bagi tahu...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dengkil terima kasih dulu, sekarang, saya tutup 1MDB sebab saya kluatir juga sebab kita seorang, orang bahaya boleh mati dalam tong, saya. Saya takut, saya takut, takut, jangan, jangan main. Saya Cuma cakap jadi di Selangor kita harapkan peranan Invest Selangor terus kita pokokkan. Saya yakin tahun-tahun akan datang pelaburan kita akan semakin meningkat. Ini isu soal pelaburan saya ingin menyentuhlah tentang apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Seri Kembangan

pagi tadi tentang pengurusan sisa pepejal. Ini satu isu sebelum ini pengurusan sistem pepejal pantau yang lalu mulanya dibawa Alam Flora. Kita menghadapi pelbagai masalah PBT ini, PBT itu dan sebagainya akhirnya lapan tahun yang lalu mula-mulanya di bawah Alam Flora oh kita menghadapi pelbagai masalah, PBT ini, PBT itu dan sebagainya akhirnya sampai. Saya masih ingat satu ketika menjelang nak Hari Raya, Hari Raya Puasa MBSA ada mereka sebab kroni-kroni UMNO berpakat, sabotaj tak kutip sampah akhirnya kita terganggu dan sebagainya. Jadi saya menyokong penuh hasrat Kerajaan Negeri melantik anak syarikat KDEB Waste Management untuk mengurus sisa pepejal. Ini akan menjamin hak rakyat negeri Selangor. Ini penting dan sekarang apabila Julai yang lalu MPK, MPK Majlis Perbandaran Klang, KEB Waste Management telah mengambil alih waktu itu menurut laporan jawapan komplainnya RM1,000 penjara, komplain tentang sampah bukan sampah haram sampah tak dikutip macam-macam tapi itu hanya bersifat sementara.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Sungai Burong minta.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Nak penjelasan sahaja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kalau 1MDB jangan cakap.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nak tanya sedikit penjelasan sebab kita lihat dulu Kerajaan Negeri daripada satu syarikat pesan seperti pepejal mereka telah menukarkan satu Syarikat ini kepada memberikan peluang lebih ramai menyertai dalam sistem pelupusan pepejal di negeri Selangor. Ini dengan alasan kerana ia lebih efisien tapi hari ini kita lihat Kerajaan Selangor telah kembali balik kepada konsep asal yang telah dilaksanakan oleh untuk lantik satu syarikat sistem pepejal. Adakah saya nak tanya Negeri Selangor dasar pembukaan untuk peluang pasaran untuk pembekal-pembekal Syarikat-syarikat melupuskan sampah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Burong ini memang pakar. Tak apa soal apa yang saya pada isu ini soal kita tidak hanya melantik satu KDEB bukan persoalan kerana di bawah KDEB ini modul operandinya ia semua kontraktor-kontraktor datang tender di KDEB Cuma KDEB sebagai penghantar berpusat satu badan untuk menyelaraskan semua mengawal semua dan kontraktor-kontraktor yang berkemampuan masih boleh masuk tender salah saya difahamkan tender dilakukan ah ini dia soal tuduh dan apa yang didakwa kononnya oleh satu syarikat tiada masalah lakukan terbaik ada sambungan

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dia memberi peluang tender terbuka kepada syarikat-syarikat yang ada di menjalankan pelupusan sistem pepejal untuk urusan pelupusan dan nampaknya saya nak dulu asa begitu tapi telah ditukar. Kemudian sekarang ini dapati ditukar balik ke asal. Adakah ini satu kegagalan Kerajaan Negeri? Ini yang kita nak tanya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sekinchan terima.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dulu, kini dan selamanya jadi saya nak bagi tahu Alam Flora caranya dia swasta kalau mereka berpakat, ya, mereka boleh kenakan, mereka boleh kenakan Kerajaan Negeri dengan sabotaj dan sebagainya, kita susah nak kawal. Tapi KDEB ini, ini anak syarikat kerajaan. Ha,... ini bezanya, anak dewek, kalau wong lain, maksud tak. Ha.. Tuan Timbalan Speaker, anak sendiri dengan orang lain, wong UMNO. Hoo. Lain.. UMNO, jangan percaya. Waspodo, waspodo ha.. ini bezanya. Jadi saya jawab tadi ya. Jadi pengurusan KDEB ini sekarang kita nampak, bagaimana prestasi itu penting. Bukan apa yang perkatakan oleh Sungai Burong. Jadi sekarang, aduan sampai hari ini, satu hari kadang-kadang kosong, kadang-kadang dua puluh aduan, di Majlis Perbandaran Klang yang begitu besar. Maknanya apa. Peningkatan yang drastik telah dicapai oleh Kerajaan Negeri. Ini yang kita hendak. Ha.. jadi saya harap, Kerajaan Negeri boleh perluaskan. Masuk MPAJ kemudian masuk MBPJ, masuk seluruh jajarannya, 12 PBT, akhirnya semua di bawah KDEB. Kebaikannya di mana, saya nampak sekarang. Dulu saya nampak kadang-kadang di kawasan rumah saya pun. *Compactor* yang bawa sampah waktu itu, waktu itu, kadang-kadang *compactor* itu, saya tak tau lori ke, *compactor*, saya pun tak tau. Dan bawa air itu, bertabur sampahnya ke sini ke sana. Itu saya nampak. Kadang-kadang saya ikut belakang ambil gambar. Saya ambil gambar, saya pantau. Ini yang masalahnya, waktu itu, sebab ramai kontraktor yang kecil, mereka ini tak mampu beli *compactor*. Dia sewa dengan berapa tauke besar. Ramai tauke besar ini UMNO. Jadi ini masalah yang berlaku. Jadi tak apa, bawah dasar KDEB, mereka bekalkan *compactor*, bagi pengusaha ataupun pembekal-pembekal kontraktor kecil, boleh dapat *compactor*, janji boleh bayar balik daripada bayaran daripada KDEB. Dan dia ada sediakan semua, satu zon satu *compactor*. Ha.. inilah cara Smart Selangor yang kita hendak, pengurusan yang lebih efisien, ini cara pengurusan sampah-sampah yang kita nampak.

Saya harap Kerajaan Negeri terus pantau, isu ini supaya ketelusan itu mesti ada seperti yang ditegaskan oleh Sungai Burong. Mesti ada ketelusan, dari soal tender dan sebagainya. Saya yakin, perkara ini Kerajaan Negeri sudah pasti akan melakukan dan juga saya ingin beritahu. Saya ada maklumat dan saya tengok, pantau, ada setengah PBT sebelum ini, kalau kita lantik kontraktor melalui PBT, ada masalah. Masalah apa. Kadang-kadang dia bagi markah prestasi kerja, prestasi kerja yang dia bagi. Kadang-kadang dia beri sampai 99.5 peratus, 99.8 peratus, prestasi kerja. Saya tak percaya. Ini mesti, pegawai kita kadang-kadang tersilap pandang, terlepas pandang. Mana boleh bersihkan sampah, boleh sampai 99.8 peratus, prestasinya. Mesti ada sikit masalah juga. Sampai 99.8 itu, itu akhirnya, orang yang bagi markah itu ada masalah. Jadi saya minta perkara ini kita pastikan di KDEB, kita pastikan perkara ini boleh kita elakkan. Yang Berhormat EXCO tolong pantau. Elakkan, tak mahu ada bagi prestasi sampai begini. Saya tengok pun terkejut. Ada sampai 99.93, maknanya kelemahannya hanya

0.7 peratus sahaja. Ada syarikatnya banyak. Saya bagi contoh sahaja. Secara rambang. Jadi saya minta pegawai-pegawai itu kena siasat betul, kenapa tiba-tiba kenapa boleh sampai 99. Jadi inilah contoh-contoh yang saya nak uruskan. Dan juga pihak kerajaan kena pantau. Sebab kadang-kadang ini pengurusan sisa pepejal, dia main silap mata. Di Shah Alam, kawasan pekan, bandar Shah Alam dijaga betul-betul, bersih, hoo bersih, bersih, memang bersih sini, semua bersih, tak kotor tapi di kawasan luar sikit daripada bandar, mereka sambil lewa. Sambil lewa dan tidak begitu konsisten, ada kelemahan. Jadi inilah yang kadang-kadang berlaku, saya pantau di mana-mana tempat dia berlaku macam itu. Saya minta Kerajaan Negeri kena pantau, di luar sikit, macam di Kota Kemuning, di luar kawasan daripada Bandar Shah Alam ini dia kurang sikit. Dia boleh, orang kata dengan bahasa pasar, cincai sikit, cincai sikit. Maksudnyalah. Jadi saya harap, pengurusan sisa pepejal tak kira di bandar, di desa, di pekan, di kawasan luar mesti dijaga dengan standard yang sama. Ha, ini saya minta dalam konteks pengurusan sisa pepejal. Jadi saya ucapkan tahniah lah ya, kepada Kerajaan Negeri dan kepada KDEB. Terus kan kerja baik ini, pastikan pengurusan terus berada di landasan yang lebih baik supaya rakyat akan memberi keyakinan kepada kita. Dan sekarang UMNO, barisan nasional, cemburu, cemburu dengan kita dah berjaya semakin hari semakin meningkat prestasi kita, sebab mereka tak isu dah. Tak ada isu. Dulu, boleh banyak kali sesi sidang dewan, isunya sampah tak kutip, isu inilah, mereka marah kita macam-macam. Saya tau, saya kena gasak juga macam-macam. Sebagai pengerusi BBC dan ahli-ahli BBC, mereka asak, sekarang mereka tak ada isu ini, jadi mereka marahlah. Kita faham apa, suara hati mereka, perasan mereka.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kota Damansara, bukan jaga cempaka perumahan ke... jaga sampah juga, okey sila, sila,

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Bukan jaga sampah, Sekinchan. Sebab tadi saya tengok Sekinchan kalau bercakap, memanglah, semuanya bagus. Tapi Sekinchan kata tadi dah buat tinjauan di merata-rata tempat. Sekinchan buat tak tinjauan di Kota Damansara sampah pepejal ini dilakukan. Bukan ADN tak kerja, bukan ADN tak kerja, tapi cara Sekinchan bercakap seolah-olah Sekinchan ini mengambil alih semua tugas ADN lain, tak tau la jadi EXCO, dia nak mengambil alih, tugas EXCO pun saya tak tahulah. Tetapi saya amat rasa terkilan dan saya amat rasa malu cara pengurusan pepejal ini, sampah pepejal yang dilakukan di Kota Damansara. Lori yang dibawa adalah lori yang kecil dan tau tak macam mana mereka menguruskan sistem sampah pepejal di Kota Damansara. *Driver* dan kita panggil *assistant* nya, pergi turun, ambil sampah dengan tangan. Bawa masuk ke lori. Ini kah dikatakan sistem yang efisien. Sistem yang *smart*. Saya lihat pun malulah. Dan katanya tadi tak isu masalah

**28 MAC 2017 (SELASA)**

sampah. Di Kota Damansara, isu sampah berlambak-lambak. Rumah sampah pun, kalau Sekinchan pergi tengok, rumah sampahnya pun seperti rumah kandang lembu. Pergi tengoklah dan pergi lihat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara yang hari ini juga prihatin soal isu sampah. Saya menghargai. Tapi saya nak kata perkara ini. Saya tadi dalam perbahasan saya, saya menekan juga, Sekinchan juga menekan kan soal di luar bandar, di kawasan luar daripada kawasan bandar, mungkin ada kelemahan. Ini saya kata, saya tidak mengatakan semuanya *perfect*. 100 peratus tidak. Jadi di Kota Damansara, ada nampak ada pekerja-pekerja gunakan tangan ambil sampah, biasalah. Kalau datang ke taman-taman, *compactor* masuk ke rumah kita, ambil pakai tangan, itu saya rasa biasalah. Takkanlah,

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sekinchan, Sekinchan,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Masuk rumah kita, *compactor* tak boleh masuk rumah.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sekinchan, Sekinchan,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Pemahaman saya, *compactor* tak boleh masuk rumah. Dia berada di luar rumah. Orang masuk sebelah tempat sampah ambil pakai tangan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sekinchan, Sekinchan, kena pakai *U-turn*, *U-turn* balik, tak berapa bagus.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya tak *U-turn*, tadi dalam perbahasan saya, rekod dewan boleh *check*. Saya kata di luar ada kelemahan... ada saya nyatakan.. ini pakar *confuse* Saya tak nak buang masa.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kota Damansara ini bandar, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya tak nak buang masa dengan pakar *confuse*. Bagi Kota Damansara, saya jawab lagi satu perkara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya nak merujuk tadi pada penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak rujuk dan jujur ini. Nak jawapan ke tidak. Nak jawapan saya bagi, kalau tidak jangan buang masa.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara, Sekinchan sedang jawab.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya jawab. Okey, soal sampah ini, Kota Damansara ada masalah. Kita minta kerajaan ambil tindakan. Itu biasa, kerajaan, saya bukan EXCO, saya panjangkan, EXCO yang ada di sini. Saya nak tegaskan Kota Damansara, KDEB belum masuk lagi. KDEB belum masuk. Dia masih di dalam MBSA lagi. Guna kaedah lama. Saya yakin dan percaya, sekiranya satu hari nanti KDEB masuk, Kota Damansara akan beransur-ansur ansur-ansur selesai masalah. Saya yakin, *Insyah-Allah*, dengan izin.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan, penjelasan, boleh, sikit penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Okey lah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tengok tadi, bila Sekinchan buat *conclusion*, seolah-olah seluruh negeri Selangor ini dah bagus sangatlah, sampai tak ada isu. Jadi berandaiannya bahawa seluruh negeri Selangor baguslah,. Tapi bila Kota Damansara kata ada masalah Kota Damansara, Yang Berhormat pula kata luar bandar. Kota Damansara dalam bandar, Yang Berhormat. Dia dalam bandar. Lepas itu Yang Berhormat *U-turn* balik betul-betul lah macam Setiausaha Agong DAP juga. Kaki *U-turn*. Itu je lah untuk Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak berbicara, nak berbahas dengan pakar *confuse* ini, kita penat kekuatan tu kena ada. Kalau tidak dia *confuse* saja. Sebab kalau dia guna TV3, memang dia *confuse* kan semua. Tak apa, saya nak jawab, kelemahan memang ada. Ha.. saya nak tanya barisan nasional, negeri-negeri barisan nasional tak ada kelemahan, ada.. kita mengaku, memang ada. Tapi masalahnya, di Kota Damansara tadi saya tegaskan KDEB Waste Management belum masuk. Sabar dulu. Sabar itu sebahagian daripada iman. Saya yakin masa akan datang kalau KDEB masuk akan beransur selesailah masalah di Kota Damansara. Akan beransur akan dapat dipulihkan.

Dan seterusnya, saya, Tuan Timbalan Speaker, saya nak bahas isu berkaitan bantuan pendidikan sekolah. Di negeri Selangor ini, berbagai-bagai aliran sekolah ada. Ya.. sekolah semua, sekolah agama rakyat pun ada, sekolah seperti sekolah menengah

## 28 MAC 2017 (SELASA)

persendirian pun ada, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama rakyat, sekolah SRA pun ada. Semua berbagai-bagai, *Mission School* pun ada. Sekolah menengah jenis kebangsaan pun ada. Itu di Negeri Selangor. Pendekatan Kerajaan Negeri Selangor saya ucapkan tahniah. Terbuka, sederhana. Meraikan semua, meraikan semua aliran. Ya.... janji perkara asas prinsipnya ialah membina melahirkan modal insan yang berilmu dan juga berteknologi tinggi yang lebih pintar. Itu yang kita hendak di Smart Selangor. Jadi Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008 sampai hari ini, setiap tahun boleh dikatakan kita bagi tahunan peruntukan. Tahunan RM16 juta untuk berbagai aliran. Seperti di sekolah SRJK yang sebelum ini di bawah kerajaan barisan nasional tidak dibantu dalam peruntukan untuk pembangunan infrastruktur. Mereka bantu hanya cikgu dan sebagainya. Dari segi dari infrastruktur mereka tak bagi. Pembangunan, jadi, kita sekarang tolong. Kerajaan Negeri tolong, RM4 juta. Sekolah agama rakyat RM6 juta sebelum ini. Sekolah jenis kebangsaan Tamil RM4 juta. Sekolah persendirian menengah persendirian ada empat di Selangor, semuanya ditumpukan, tertumpu di mana, di Klang. Kita bagi RM2 juta. Satu sekolah RM500,000.00 kita bagi. Dan pada tahun ini, 2017, peruntukan tambahan telah diberi. Kita oleh sebab ada sekolah menengah jenis kebangsaan yang dulunya pada tahun 1962, Barisan Nasional janji, suruh mereka buat transformasi, janji akan bantu seluruhnya pembangunan di sekolah tersebut tetapi sekolah-sekolah ini, yang ada 54 setakat ini dianaktirikan. Banyak benda tak bantu. Bil elektrik tidak dibantu, bil air tidak dibantu, Internetnya, semuanya banyak tidak dibantu. Bantu hanya cikgu dan sebagainya. Jadi sekolah-sekolah ini sering kali juga, walaupun mereka ini menghadapi masalah, dipanjangkan juga ke Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Negeri sebagai kerajaan prihatin, peduli rakyat, telah bajet tahun 2017, lulus RM1 juta untuk 5 SMJK dan juga 25 *mission school*. Jadi dalam dewan yang mulia ini, saya menghargai dan mengucapkan tahniah Kerajaan Negeri kerana dari hal pendidikan, Selangor tidak politikkan. Selangor meraikan dan Selangor sederhana. *Inclusive*. Seperti yang saya tekankan tadi adil, saksama dan sederhana. Inilah Selangor. Inilah Selangor. Ya.. jadi, saya minta dalam peruntukan sekolah menengah jenis kebangsaan yang tahun ini kita nak bagi SMJK. Yang berhormat EXCO, peruntukan untuk setiap lima sekolah ini, satu sekolah, bagi RM100,000.00. Kita minta syiling ditetapkan setiap tahun, tahunan RM100,000.00. jadi lima sekolah RM500,000.00. senang selesai masalah. Kerana SMJK mereka ada sejarah yang tersendiri, 1962 dulu, ketika itu ada sejarah yang tersendiri. Mereka diabaikan oleh Barisan Nasional. sekarang kita tolong. Jadi setiap tahun, peruntukan tahunan, kita minta mulai tahun 2017 ini, kita minta RM100,000.00, lima sekolah ini, RM500,000.00. Ini yang pertama.

Yang kedua, dalam konteks peruntukan ini, kalau kita banding Kerajaan Persekutuan, Barisan Nasional, ada masalah. Tahun ini, 2016 yang lalu, sudah berlalu, 2016, sudah berlalu, betul tak. Tuan Timbalan Speaker, kita dah berlalu dah. Sekarang kita berada



2017, tetapi saya difahamkan, bajet yang diluluskan oleh Najib, Perdana Menteri, Dato' Seri Najib, tahun 2016, memberi peruntukan, meluluskan RM50 juta untuk seribu lebih untuk SJKC, (bahasa cina) dengan izin, di seluruh Malaysia, untuk bagi RM50 juta ini untuk peruntukan pembangunan.

Apa yang berlaku, saya terkejut, baru-baru ini saya terkejut. Kenapa perkara ini boleh berlaku. Di Selangor tak ada berlaku macam ini, tapi di Pusat, Putrajaya berlaku. 2017 sampai sekarang, duit ini tidak dibayar. Selepas kita desak, selepas kita desak, barulah Timbalan Menteri Pendidikan MCA, Chong Sing Woon, barulah pergi kekor, kekor dengan Menteri Kewangan, mana kita punya duit, janji tak bagi. Mana duit. Tunggu punya tunggu, selepas hari raya, selepas hari raya, dengan hari rayanya, barulah bagi. Dan jawapan semak, beberapa hari yang lalu, oleh Menteri Kewangan Kedua, Johari, dijawab. Sekarang ini baru kita dapat kutip sini, kutip sana, dapat RM16 juta lebih untuk bayar sekolah SJKC. Janji yang diluluskan, lulus lambat, RM40 juta tahun 2016, mana Sungai Panjang. Sungai Panjang Ahli Parlimen. Dia merangkap Ahli Parlimen. Selalu dalam *facebook*, kecoh, kecoh dalam *facebook*. Tapi persoalan, persoalan mempertahankan hak rakyat, dari soal pendidikan SJKC ini, mana pendirian Sungai Panjang. Minta Sungai Panjang masuk Parlimen, minta bayar semua RM50 juta. Kalau tak boleh buat, Sungai Panjang letak jawatan. Ini perkara penting, bukan main-main. Mana boleh kita tipu rakyat. Tipu tau, ngapusi, dengan erti kata lain, ngapusi. Peruntukan dalam bajet, tak bagi RM50 juta. Itu satu. Ini tak boleh jawab sampai hari inilah. Membisu seribu bahasa.

Yang ketiganya, tadi dah kedua, ini ketiganya, Tuan Timbalan Speaker, saya juga difahamkan dua hari yang lalu, dalam surat khabar, melalui Persatuan Lembaga Pengelola Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang 54 ini, mereka bagi tau, kita malu nak minta duit, nak tuntutan janji daripada Kerajaan Persekutuan. Tahun 2016, SMJK punya peruntukan tak adapun sampai hari ini. SMJK tak ada peruntukan. Tahun 2015, butiran yang saya ada RM25 juta diperuntukkan untuk SMJK. Tahun 2016, mereka congak-congak tak ada duit, tak bagi. Sampai hari ini. Inilah cara, Kerajaan Barisan Nasional. Saya minta belajarlah dengan kerajaan pakatan yang ada. Kerajaan Negeri Selangor dan juga di Pulau Pinang. Soal pendidikan ini jangan politik. Dan jadikan asas tahunan peruntukan tahunan seperti Negeri Selangor. (bahasa cina) dengan izin. Peruntukan tahunan, supaya kita tak perlu tunggu, setiap mesti ada bajet. Jangan lulus dalam bajet, tapi tak bagi, hilang duit itu, entah ke mana. Ini yang saya nak dedahkan dalam Dewan yang mulia ini. Muka sebenarnya Barisan Nasional. Tipu rakyat. Dari soal pendidikan bagi, bayangkan pendidikan ini menjamin masa hadapan negara. Ya... kalau pendidikan ini kita perkuatkan akan perkuatkan bangsa kita. Kalau pendidikan kita abaikan, bangsa kita akan lemah. Di dunia, negara mana-mana, negara maju mereka pentingkan perihal pendidikan. Tapi Barisan Nasional yang kononnya

hebat memerintah, mereka politikkan isu pendidikan kemudiannya janji duit, janji di capati. Sedih lah, saya rasa cukup malang tidak berbau tentang apa yang berlaku kepada isu-isu yang berlaku kepada Barisan Nasional. Saya harap mereka ini dapat betul-betul jaga rakyat, bukan lulus di Parlimen kemudiannya, senyap, kemudiannya janji tak bagi. Kemudiannya rakyat tunggu. Akhirnya mereka ambil duit pergi bayar. Mereka tak malu lagi ambil gambar. Patut kalau saya, di Negeri Selangor janji tahun 2016 tak bayar, saya akan bangkit dalam Dewan. Saya akan bangkit, takkan membisu seribu bahasa. Sebab saya tak dapat dedah. Saya akan lawan, minta Kerajaan Negeri, janji kena bayar. Ini prinsip semua ahli-ahli BBC dalam Dewan yang mulia ini. Setuju ke tidak. Janji ditepati. Kita mungkin kadang-kadang lambat sikit, dalam tahun itu. Mungkin bayar bulan sembilan, bulan sepuluh, bulan sebelas. Tapi persoalan pokok asasnya, mesti bayar. Hutang dibawa mati, jangan. Kita kena selaraskan, minta Kota Anggerik. Betul ke tidak. Ini penting. Jadi isu ini, saya harap Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan kena ambil maklum. Dan saya minta Sungai Panjang, kena perjuangkanlah, perjuangkan.

Dan seterusnya, saya ingin membangkitkan isu berkaitan dengan masalah jalan raya yang tadi dibangkitkan semasa perbahasan oleh Sabak. Saya nak sampaikan soal infrastrukturnya. Tahun ini kita banyak peruntukan, soal MARRIS dan sebagainya. Sampai bulan tiga, sekarang kita perlu agensi pelaksana. Kena cepat, ini dah bulan empat. Ada yang belum bergerak lagi. Kalau kerajaan ada bajet yang besar, gedi tapi agensi pelaksana, JPS, JKR, PBT, PDT tidak begitu cepat mengikut, mengikut jadual dan sebagainya. Akhirnya sampai hujung tahun, saya khawatir, sampai hujung tahun, prestasi perbelanjaan tidak berada di tahap yang memuaskan. Ini tengok, kita BBC kita tegur. Barisan Nasional angguk saja. Di Parlimen berani mereka cakap. Nanti menimbulkan kecelakaan. Di sini saya tegur, Menteri Besar senyum sahaja, tak masalah. Senyum sahaja. Sungai Pinang, dia senyum sahaja. Lebih-lebih dia tengok sikit, tapi dia terima, dia dengar apa yang kita cakap. Jadi agensi pelaksana, saya minta kerjasama semua jabatan Kerajaan tolong beri kerjasama yang sepatutnya supaya tahun ini, peruntukkan pembangunan dapat disalurkan dengan cepat dan rakyat di bawah merasai tempias daripada pembangunan yang kita laksanakan. Dan pada masa yang sama, perkara yang ingin saya bangkitkan, dalam Dewan yang mulia ini, Jalan Persekutuan Lima, daripada Klang sampai ke Sabak Bernam. Ada beberapa tempat terutama Jalan Batu Empat, Jalan Kapar. Jalannya berlekuk-lekuk. Kereta kalau pergi, kereta yang biasa sampai dah bergoyang-goyang keretanya. *Absorber* sekejap dah boleh rosak. Kereta kita 4x4, tahan pun ada bunyi juga. Dan itu satu.

Yang kedua, Pekan Kapar, Pekan Kapar yang selalu saya lalu lalang, beberapa tempat di *traffic light*, di Kentucky dan sebagainya. Permukaan jalannya tidak memuaskan. Saya ingin perhatian Kerajaan. Walaupun ini diselenggarakan oleh Kerajaan

Persekutuan. Tapi kita minta yang berhormat EXCO Infrastruktur tolong *push* mereka bagaimana kita nak bantu. Kemudiannya, segmen yang ketiga, selepas Kapar, di mana lagi. Sungai Burong pun macam itu, Sekinchan pun macam tu. Saya tak kata Sungai Burong, Sekinchan pun macam tu. Jalan itu ada masalah. Jadi saya minta perhatian. Kota Damansara tu jauh sangat, nanti dulu, saya, kita dengan Sungai Burong, ada jiran tetangga. Walaupun dia pakar *confuse*. Tak apa, kita tolong juga untuk suarakan perkara-perkara yang sama. Dan sekarang, Lebuhraya Pantai Barat, Pantai Barat yang sedang dijalankan. Terutamanya di Sekinchan, saya minta pihak EXCO tolong pantau. Banyak menimbulkan masalah. Ya... dia untuk kebaikan, masa depan. Kita faham. Tapi kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja ini, kadang-kadang tidak berinteraksi sangat dengan ketua kampung. Dengan ketua komuniti, dengan ketua masyarakat. Dengan ADUN mereka tak interaksi, tak bagi info. Jadi akhirnya, banyak masalah gangguan harian dan sebagainya. Mereka tidak maklumkan. Kita dimarahi oleh penduduk-penduduk. Penduduk faham, sekarang, pembesaran jalan. Ya... dilakukan. Tetapi, maklumlah awal. Bila nak, air nak ganggu, sepuluh jam ke, satu hari, awal lah sikit bagi tahu. Elektrik nak putus ke. Berapa hari. Bagi tahu lah sikit. Yang boleh bagi tahulah. Yang *urgent*, yang *emergency*, kita tak marah. Ini sekarang menimbulkan. Di kampung-kampung orang telefon, kenapalah tiap-tiap tak air, kenapa tiap-tiap hari tak elektrik. Kenapa ini kenapa, itu. Ha.. ini masalah. Saya tidak ada masalah dengan pembangunan. Saya mengalu-alukan. Tapi. Tapi pelaksanaannya. Ya komunikasi nya dengan masyarakat setempat wajib ada. Jangan kerana dia kontraktor yang dilantik oleh JKR Pusat Persekutuan, dia, sombong, dan tidak, angkuh dan langsung tak nak berkomunikasi dengan kita, ini masalahnya. Jadi saya minta pihak Kerajaan Negeri, mainkan peranan. Ya... berinteraksi supaya prosesnya pembinaan jalan itu akan tepat pada masa dan akan memberikan manfaat kepada rakyat di Negeri Selangor dan seluruh pengguna-pengguna jalan raya yang ada. Itu yang kita nak tekankan dalam isu yang saya ingin tekankan di sini.

Ingin saya teruskan berkenaan isu yang saya rasa cukup penting. Ya.. isu pertanian. Isu pertanian. Selangor, kita tumpukan soal pembangunan. Tidak lupa juga dengan isu pertanian. Dan di daerah Sabak Bernam lah kawasan pertanian. Jelapang padi, ya.. Apa yang berlaku sekarang, musim yang kedua tahun 2016, saya telah bangkitkan majoriti sebahagian di Sungai Burong, di Sekinchan majoritinya lebih 3,000 lot, 3,000 lot, petani-petani yang menanam padi diserang oleh penyakit BLB iaitu hawar daun. Diserang, serang akhirnya pokoknya akan jadi kuning, kering dan sebagainya. Hasilnya, hasilnya apabila menuai, panen, dengan izin, menuai, hasilnya jatuh dengan mendadak. Biasanya di Sekinchan kita boleh dapat 8 hingga 12 tan, tapi musim yang lalu saya diberitahu oleh ramai petani Melayu, Cina, India, ramai, mereka dapat 2 tan, dapat 3 tan pun ada. Mereka sewa bendang, akhirnya sewa duit bendang, sewa tu mereka hutang. Tak boleh bayar. Tak boleh bayar. Lebih 3,000 lot. Bagaimana kita nak

bantu. Sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin, yang mengambil sikap kepedulian rakyat yang tinggi, yang melaksanakan inisiatif peduli rakyat, saya bangkitkan ketika itu bulan 12, bulan satu, sebelum bulan satu, saya dah bangkitkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Berhormat EXCO daripada pertanian, daripada Taman Templer. Saya nak ucapkan terima kasih, Yang Berhormat EXCO daripada Taman Templer, terus beritahu atur masa turun ke Sekinchan. Melawat kawasan. Tengok sendiri, apa masalah. Bersama petani. Turun, kami tak ada masalah, turun. Ya.. jadi kita tengok apa masalah yang berlaku dan beliau berjanji kita akan bangkitkan dalam mesyuarat EXCO pada MB dan sebagainya supaya ada bantuan daripada Kerajaan Negeri. Ha.. ini yang berlaku, akhirnya EXCO, Kerajaan Negeri, Menteri Besarnya, kita begitu prihatin meluluskan, meluluskan hampir sejuta, hampir sejuta, 900 ribu lebih, untuk bantuan input pertanian. Sedikit bantuanlah kepada petani-petani ini. Sebab dia melibatkan lot yang besar. Kita tak boleh setiap orang. Kita bagi setiap orang tapi tak bolehlah angka yang besar. Jadi kita bagi input pertanian. Ha.. Kerajaan Negeri akhirnya, Kerajaan Negeri adakan satu sebelum, selepas hari raya, sebelum menanam, sebelum musim menanam yang pertama tahun 2017, Kerajaan Negeri, UPEN dan sebagainya, EXCO turun ke Sekinchan kita adakan satu program serah input pertanian ini kepada semua petani-petani yang terlibat. Lebih 3,000 yang kita kenal pasti. Kita bantu. Ini kita ucapkan tahniah kepada EXCO dan juga Kerajaan Negeri Selangor, kepada Menteri Besar. Mana ada Kerajaan Negeri yang begitu prihatin. Walaupun kita tahu, siapakah bidang kuasa dalam pertanian ini, bidang kuasanya siapa. Bidang kuasa pertanian ini adalah Menteri Pertanian. Selangor hanya membantu sahaja. Tapi dalam konteks ini Selangor bukan sahaja membantu, Selangor terus bantu. Peruntukan hampir satu juta. Inilah Selangor. Tapi saya nak bangkitkan dalam dewan ini, bagaimana janji daripada barisan nasional lagi, Sungai Panjang, bagaimana janji dia. Mereka juga turun. Dengar, keluhan petani-petani, mereka juga kata sepatutnya tanggungjawab mereka. Mereka nak bantu juga input pertanian dan sebagainya untuk ringankan bebanan petani-petani. Mereka nak bantu. Tapi saya nak beritahu dewan yang mulia pada sidang ini, perbahasan ini, sampai hari ini, Kerajaan Negeri dah bagi dah semua input. Mereka dah guna pakai. Dah ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri. Hari ini, 20.3.2017, bantuan yang dijanjikan daripada persekutuan, kementerian pertanian, masih belum dapat lagi. Nak tunggu sampai bila... Orang nak bertanam dah. Duit hutang banyak. Kalau betul-betul nak tolong, sebab ini melibatkan musibah. Lebih 3,000 sebahagian besar, yang berlaku. Kenalah tolong awal. Sampai hari ini pun tak turun lagi. Saya mintalah, bukan soal kita nak politik. Minta segeralah. Petani selalu tanya, mana Pusat punya nak bagi. Tak ada. Nak bagi 2 input pertanian, 2,3, tak apalah, bagi lah. Sampai hari ini, Sungai Panjang, mana Sungai Panjang. Kat Parlimen. Dia perli Parlimen buat apa, Sungai Panjang. Hentam Kerajaan Negeri Selangor. Hentam kerajaan, boleh dia hentam, tak apa. Tapi soal petani, cakaplah. Soal petani kena bangkit, bukan membisu seribu bahasa. Soal pendidikan, hutang tak bayar,

bangkitlah Sungai Panjang. Tak bangkit juga. Saya hairan in, cara-cara mereka in. Tapi tak apalah, saya beritahu soal pertanian. Dan juga saya ingin cadangkan, di negeri Selangor masih ada tanah kosong. Di kawasan-kawasan seperti di Sungai Panjang, ada tanah-tanah yang terbiar kosong. Dia ada sedikit hutan kecil, dia bukan hutan. Saya minta Yang Berhormat EXCO saya sudah pantau boleh kita adakan satu pilot projeklah 500 hektar satu ribu hektar buatlah satu pilot projek 'agro farm' ke dan sebagainya khusus untuk petani-petani yang memang mereka mempunyai kebolehan menanam tanaman kontan satu-satu lot kita sewa kepada mereka. Saya yakin melalui cara sedemikian kita dapat menggunakan tanah yang terbiar yang belum menjana hasil ekonomi dan juga boleh membantu pekebun-pekebun kecil yang tiada tanah di Sekinchan, Sabak Bernam, Sungai Burong dan mana-mana tempat biar kita buat projek sedemikian. Saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri supaya perkara-perkara sedemikian tidak dapat dilakukan untuk kesejahteraan dan kepentingan rakyat Negeri Selangor. Menyentuh lagi Tuan Timbalan Speaker tentang Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam juga berkaitan dengan isu pengambilan air, struktur air di Negeri Selangor yang berkali-kali dijadikan isu dipergunakan, politikkan oleh Barisan Nasional UMNO Barisan Nasional untuk menyerang Kerajaan Negeri soal air ini. Jadi kita dimaklumkan bahawa sekarang ini mutakhir ini apabila perbincangan terakhir sedang dilakukan dengan syarikat *express* dengan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri ada orang di luar saya dengar mereka tuduh macam-macam termasuk pembangkang ini dia tuduh macam-macam fitnah jahat apa yang difitnah itu. Dia kata Kerajaan Negeri dah muktamad dah, dah *sign* dah bagi *surpress* 29.7 bilion macam-macam tapi saya dah tanya EXCO dah, dah tanya Menteri Besar dah, perbincangan masih berjalan tak adapun *sign* tapi orang tuduh cara macam ini, ini fitnah yang sangat keterlaluan termasuk Pelabuhan Klang selalu tuit dan sebagainya. 29.7 bilion ini Kerajaan Negeri yang dulu yang beliau jadi Menteri Besar pun, beliau yang janji yang *sign* soal persetujuan dengan SPLASH ini tapi sekarang beliau cuba nak jadi jaguh untuk menyalahkan Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa. Saya minta Pelabuhan Klang dia dah tidak datang hari ini, kalau datang tolong tidak perlulah bangkit isu air lagilah. Jangan memalukan diri sendiri. Ini perkara penting dan pembangkang soal isu air kita dah berbincang dan penilaian bebas Kerajaan Negeri minta daripada dulu. Daripada dulu kita minta pendirian tidak berubah kena ada penilai bebas supaya nak tahu berapa harga sepatutnya tidak boleh saya cakap. Tidak bolehlah Pusat yang cakap ataupun pihak syarikat yang cakap itu kena ada satu badan penilai bebas dan sekarang bukan sahaja Kerajaan Negeri kita soal penilai bebas ini soal telus, terbuka. Kerajaan Pusat saya difahamkan Kerajaan Pusat juga dah ikut jejak langkah Kerajaan Negeri nak lantik penilai bebas.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sedikit.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Dia Ini Kerajaan Negeri Selangor caranya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang minta penjelasan.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Ya Permatang nak minta soal air ya. Permatang ini juga minta air.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Permatang

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Sekinchan saya pun hairan patut Kerajaan Negeri kena menjawab kenapa dalam isu masa kita mengambil alih Puncak Niaga tiada penilai bebas. Kenapa waktu mengambil alih ABASS tiada penilaian bebas, mengapa waktu ambil Puncak Niaga tiada penilaian bebas tiba-tiba waktu SPLASH ada penilaian bebas, apa di sebaliknya. Saya ingat boleh dijelaskan nanti oleh pihak kerajaan. Sekinchan jangan kata kita nak main isu puncanya mestilah ada sebab kenapa pengambilan yang dahulu dibayar oleh melalui PAB tiba-tiba yang ini pula Kerajaan Negeri boleh pula bermurah hati untuk mengambil sebahagian daripada kos mesti ada sebab dia kenapa apabila dilantik terpaksa mengambil masa, mengambil belanja sudah tentu ada pertikaian. Ada perkara-perkara yang menimbulkan syak dan juga perkara-perkara yang sepatutnya dijelaskan. Pada saya Sekinchan jangan buat rumusan tapi tanpa ada pengetahuan mengenai perkara-perkara cuba jelaskan kepada saya kenapa waktu mengambil Puncak Niaga tiada penilai bebas, boleh diselesaikan, waktu mengambil SYABAS tiada penilai bebas boleh diselesaikan. Waktu mengambil ABASS boleh diambil tanpa penilai bebas dan dibayar dan telah pun dibayar melalui pinjaman dan melalui PAB tetapi bila sampai SPLASH kenapa ada. Itu Sekinchan patut jelaskan kepada dewan ini kalau tidak boleh minta tolong pihak kerajaan untuk bantu jelaskan. Saya ingat jelaskan semula.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sekinchan.

**Y.B TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya, boleh saya..

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, minta tolong Seri Andalas sabar sebentar, sabar Seri Andalas 15 minit. Soal apa yang dibangkitkan oleh Permatang ini dari dululah dia jurucakap tapi tak apalah. Saya hanya menyatakan bahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia menyentuh soal air tapi perkara yang pokok Kerajaan Negeri saya yakin akan jawab untuk Permatang tapi saya tiada maklumat yang begitu menyeluruh untuk jawapan, tiada masalah kita boleh jawab.

**28 MAC 2017 (SELASA)**

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tidaklah Sekinchan tadi menyerang Pembangkang kononnya.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Saya menyerang sebab.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tetapi tidak boleh mempertahankan fakta.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Pembangkang banyak mempolitikkan isu ini tapi kalau untuk maklumat seterusnya saya kena ambil dari kerajaan. Saya tidak bekalkan semua.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sepatutnya kalau Sekinchan tidak boleh beri penjelasan, jangan beri hujah.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Saya beritahu serangan Pelabuhan Klang, serangan daripada pembangkang memang macam itu dulu memang bertujuan untuk menyerang Kerajaan Negeri itu betul hakikatnya tidak dapat dinafikan. Permatang cukup saya nak bagi Seri Andalas, ia begitu *handsome* hari ini. Andalas ada, Andalas pun tidak ada tidak perlulah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan sambung.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak bagi pun tidak perlu.

**Y.B TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Nanti saya nak bincang.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Oh nak bincang dulu, Andalas ini dia ada ilmu-ilmu yang tertentulah saya ucapkan tahniah. Ini Andalas kalau rambut putih lain macam sedikit. Terima kasih, dah rambut hitam. Ok Tuan Timbalan Speaker saya juga ingin bangkitkan isu air lah saya minta Kerajaan Negeri kita ada profesional. Kita tahu syarikat air di Negeri Selangor sekarang ini belanja Kerajaan Negeri jangka panjang kita peruntukan RM400 juta untuk ganti paip air yang uzur, yang lama sekarang ini Kerajaan Negeri tengah buat, kerja ini perlu dipercepatkan kerana gangguan-gangguan air NRW dan *Non Revenew Water* ini sering kali berlaku saya harap dalam tempoh masa 5 tahun ini kita akan beransur-ansur dipertingkatkan perkhidmatan dan kurangkan NRW. Saya harapkan Kerajaan Negeri akan terus meneruskan perjuangan ini demi untuk rakyat dan seterusnya saya ingin menyentuh isu mesra OKU, orang kelainan upaya bukan orang UMNO. Di dalam Dewan yang mulia ini saya nak isu OKU ini kadang-kadang

kita terlepas pandang, kita kurang memberi perhatian yang fokus mereka. Ini sangat memerlukan pemeliharaan perhatian khusus daripada Kerajaan Negeri. Jadi saya juga terpanggil dalam perbahasan kali ini untuk bincang sedikit tentang OKU, kalau boleh saya cadangkan satu peratus OKU prigitikal sebagai pembuat keputusan di setiap daerah dan setiap peringkat negerilah. Seperti sebelum ini kita pernah lantik OKU sebagai Ahli Majlis ini Kerajaan Negeri buat di Klang sampai hari ini pun ada saya ucapkan tahniah tapi ada banyak tempat lagi. Kalau boleh kita perluaskan pelantikan sedemikian supaya mereka juga diberi peranan bersama masyarakat dan kita bagi peranan mereka dan peranan juga peranan yang mereka lakukan. Pada masa yang sama melantik pegawai khas kalau boleh MB pejabat Menteri Besar di kalangan anak jati OKU kalau boleh lantik satu dua boleh lantik Kerajaan Negeri mungkin mereka ada idea yang kreatif juga boleh bantu Kerajaan Negeri. Ini juga cadangan yang saya nak sampaikan pada masa yang sama kalau boleh kita adakan *event* OKU-OKU yang fizikal ini. Kita adakan bantuan tahunan sekali *one off* RM200 atau RM300 kita kumpulkan berapa yang ada di Selangor. Dapatkan inventori dulu kemudian kita *study* dan kita buat kajian bagaimana kita boleh bantu mungkin setahun kita bagi RM300 atau RM200. *One off* bantu untuk sara hidup dan sebagainya. Ini penghargaan dan prihatin peduli rakyat daripada Kerajaan Negeri ini juga saya nak sarankan supaya OKU-OKU ini mendapat perhatian yang lebih khusus pada masa yang sama. Pada graduan OKU diberi pekerjaan tetap mengikut bidang di dalam Kerajaan Negeri di setiap perjawatanlah. Kalau mereka ada permohonan di PBT dan ada permohonan di SUK, ada permohonan di anak syarikat, ada permohonan di Pejabat Tanah khususnya mereka daripada kalangan siswazah graduan daripada OKU kita lebih fokus sedikit perhatian kepada mereka. Mana mereka boleh kerja, kalau boleh supaya kita ada kita tidak banyak mungkin boleh satu peratus dan sebagainya. Ini adalah lain daripada lainlah supaya Kerajaan Negeri lebih ke depan dari soal kita mesra OKU. Ini yang saya nak cadangkan kemudian juga *parking* OKU diberi percuma di setiap PBT dengan stiker khas yang bersesuaian. Saya rasa mungkin sesetengah tempat dah sudah lakukan, ada setengah tempat perlu bayaran sebagai dominion tapi seboleh-bolehnya semua 12 PBT sebab apa kita nampak Kampung Baru, Kampung Tradisi, Bagan cukai tafsiran dah dua tahun Kerajaan Negeri di bagi percuma untuk meringankan bebanan rakyat. Satu tahun kutipan kita dianggarkan RM60 juta kerajaan tidak kutip nak bagi nak menolong semua Kampung-kampung Tradisi di Kampung Baru dan Kampung Bagan 60 juta. Tapi tahun yang ini satu lagi tahun RM60 juta lagi dua tahun dah RM120 juta kita mampu, kita prihatin Kerajaan Negeri lakukan dan dari soal OKU ini orang kelainan upaya *parking* ini saya rasa kita kena bagi *free sticker-sticker* nya kepada semua wakil-wakil mereka yang berhak mendapatkan. Jadi saya minta juga ada enakmen diwujudkan rang undang-undang kesalahan yang melibatkan OKU di Negeri Selangor. Kadang-kadang kita tahulah kita sendiri juga terlanjur melakukan di tempat-tempat *parking* OKU sepatutnya OKU yang *parking* tapi orang bukan OKU yang *parking*.



Mereka menggunakan tempat itu tapi tidak di saman dengan undang-undang yang setimpal. Kita mahu kalau orang-orang yang melakukan kesalahan yang sedemikian kita ada satu enakmen yang khusus undang-undang kecil supaya semua kesalahan-kesalahan untuk OKU ini melanggar orang OKU ini semua di penalti tindakan yang lebih keras. Ini juga cadangan daripada saya supaya OKU di Negeri Selangor kita lebih prihatin kita dapat raikan satu persatu. Saya minta EXCO tolong realisasikan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya minta.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Oh Kampung Tunku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Sekinchan adakah benar kita juga menetapkan dan mendesak Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu sistem pelekat OKU yang uniform, yang standard, yang boleh digunakan di seluruh Selangor yang ketat supaya kemudahan-kemudahan OKU ini tidak akan disalahgunakan oleh mereka yang mencipta ataupun menciplak *sticker* OKU mereka sendiri untuk menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang harus di peruntukan untuk golongan OKU, mohon pendapat.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Ya terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku, ya saya juga ingin tegaskan di sini saya sangat setujulah dengan cadangan daripada Yang Berhormat Kampung Tunku yang bijaksana soal masa OKU ini kita janganlah ada golongan-golongan yang anggota semua sempurna kita nak tipu dengan soal OKU. Ya tidak boleh ini kesalahan dosa yang cukup besar. Saya bukan orang Islam tetapi saya tahu ini dosa cukup besar kita tidak boleh menafikan hak orang OKU cuba cipta stiker palsu pun ada. Ini satu kerja-kerja yang tidak munasabah amat terkutuk saya mintalah pihak Kerajaan Negeri PBT khususnya mengadakan penguatkuasaan undang-undang yang ketat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama minta.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Supaya mereka dapat. Oh Kota Damansara terima kasih.

**Y.B PUAN YEO BEE YIN:** Damansara Utama.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama

**28 MAC 2017 (SELASA)**

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Damansara Utama sebab dah fokus di sana dah tersasul sedikit.

**Y.B PUAN YEO BEE YIN:** Saya amat tertarik dengan Enakmen OKU ini, adakah, apakah pandangan YB Sekinchan bahawa kita juga dari segi bangunan-bangunan yang tidak mesra OKU. Apakah pandangan dan kita nak masukkan dalam enakmen ini juga?

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama yang begitu berminat dan prihatin di dalam soal orang kelainan upaya ini ya kalau boleh kita rangkalah kalau Kerajaan Negeri setuju akan datang mengkaji dengan teliti setuju buat satu enakmen khas untuk orang kelainan upaya supaya saya sudah pasti saya yakin Kerajaan Negeri akan masukkan soal bangunan, kemudahan dan sebagainya. Kita mesti ada kemudahan-kemudahan sedemikian termasuk dengan tandas-tandas yang ada di Malaysia khas untuk OKU supaya orang kelainan upaya di Negeri Selangor sentiasa merasakan Kerajaan Negeri yang ada sekarang ini prihatin memperjuangkan hak mereka. Mereka tidak tersisih daripada masyarakat. Kita tidak mahu mana-mana rakyat di Negeri Selangor Melayu, Cina, India dan lain-lain termasuk orang yang kelainan upaya, orang tidak bernasib baik kita nak tolong semua. Ini Kerajaan Negeri yang bantu rakyat, tolong rakyat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan 1 petang saya tangguhkan sidang hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Assalamualaikum* dan Selamat Petang, Dewan disambung semula saya persilakan Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Timbalan Speaker Sekinchan, ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang Sekinchan untuk meneruskan usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku saya ingin tegas dalam sidang dewan yang mulia ini bahawa satu isu yang saya kira penting juga seperti jawapan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjang tentang Kempen Bebas Plastik, saya ingin saya nyatakan di sini bahawa kempen untuk mengurangkan penggunaan polisterin dan juga plastik ini sangat baik dan mulia dia perlu kempen-kempen hebahan yang berterusan yang konsisten yang tidak boleh dilakukan dengan sebulan dua atau pun masa yang singkat dia perlu nampak keberkesanannya dia perlu mungkin berapa tahun kerana dia perlu didikan daripada kepada rakyat ini begitu penting dan saya nampak sekarang ini isu di rakyat di bawah mereka sambut tentang larangan untuk menggunakan beg plastik bebas plastik dan sebagainya cuma isu dikenakan 20 sen ini juga kadang-kadang jadi isu bukan soal mereka tak nak bayar soal 20 sen ini pengurusan 20 sen siapa yang uruskan. Ini kadang-kadang kita nampak ada kelemahan di sini dia ada kelemahan di sini di mana 20 sen yang dikutip oleh setiap pasar raya mana premis-premis yang diizinkan mereka kutip kalau kita minta plastik dia kutip 20 sen dan siapa yang audit siapa yang audit akaun mereka kalau mereka kutip mungkin satu bulan RM20,000 kutip untuk beg plastik kerana cawangan mereka besar cawangan mereka banyak dia kutip RM20,000 mana RM20,000 itu. Mungkin setahun dia akan buat CSR kononnya.

Sebagai contoh mungkin dia buat RM100,000 tapi kalau kutip RM20,000 satu tahun kita boleh dapat RM240,000 Tuan Timbalan Speaker, tadi mungkin dia buat CSR baru RM100,000 jadi yang RM100,000 lebih lagi di mana jadi saya nampak lagi soal ketelusan ini *transparent* ini telus ini ada sedikit masalah jadi saya mahu Yang Berhormat EXCO dan juga Kerajaan Negeri kita kena kaji lebih *detail* saya tak ada masalah kita menyokong dasar ini tetapi kutipan itu kena ada satu tabung saya cadangkan ada satu tabung. Tabung seluruh Negeri Selangor siapa-siapa mana-mana premis yang kutip kena buat rekod satu bulan berapa dia kutip kena bagi kepada tabung pusat ini satu tabung yang khusus untuk bebas plastik ini dan kemudian kita dapat kutip tabung seluruh Negeri Selangor dan kita salurkan duit-duit ini bukan untuk kegunaan diri sendiri duit ini untuk kebajikan di setiap DUN atas nama Kerajaan Negeri dan juga kerjasama daripada pihak swasta. Dengan cara sedemikian ada audit akaun saya rasa rakyat sanggup bayar sekarang ada orang pertikaikan dan UMNO Barisan

**28 MAC 2017 (SELASA)**

Nasional mereka cucuk seolah-olah kita curi duit RM0.20 sen walhal kita tidak buat begitu. Jadi hasrat murni kita kadang-kadang diselewengkan disalah tafsirkan oleh orang-orang tertentu jadi untuk perbetulkan saya cadangkan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila, Sungai Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya Sungai Burong, pun dia bersetuju dengan Sekinchan sebenarnya tentang soal pelaksanaan kempen dengan menggunakan RM0.20 sen yang menganiaya rakyat terutama golongan berpendapatan rendah ini saya ingat setuju tak Sekinchan bawa dasarnya ini niatnya baik Kerajaan Negeri baik sebab kempen mengurangkan plastik dan polistirena tapi caranya tak betul dan menyebabkan bahawa kita lihat ini kegagalan Kerajaan ini membuat satu perancangan yang betul-betul sebenarnya mengapa kita nak penalti pula nak *finalized* dengan izin, golongan orang yang terutamanya untuk membeli memerlukan barang-barang ini kedua yang saya sebut tadi saya pun nak minta penjelasan bahawa Sekinchan setuju dari segi cara dia kita tak tahu ke mana wang ini dan ini tak selaras dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa ketulusan dan transparensi itu sangat penting dan masuk saya nak minta penjelasan apa pula ini saya tak ikut *oder* tak ikut peraturan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Timbalan Speaker, saya...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kata beri laluan...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya sudah faham

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dah... dah.. cukup...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya jawab....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dia masih Sungai Burong, Sungai Burong saya jawab Tuan Timbalan Speaker, ya sesi sebelah petang nampak Sungai Burong kembali bertenaga.

Pagi tadi dah lesu kerana takut ada kecelakaan berlaku sebab suara M1DB tapi sekarang mulut besar lebar. Saya beritahu tadi saya tak setuju satu perkara tapi soal pengurusan yang telus kita setuju tapi satu perkara penganiayaan kepada rakyat tinds soal 20sen itu tidak betul itu bukan tinds yang tinds rakyat yang betul-betul tinds rakyat adalah cukai GST Gasak Sampai Tumbang 6 persen saya bagi angka saya bagi

**28 MAC 2017 (SELASA)**

angkat tahun 2016 seluruh Malaysia Melayu, Cina India Kadazan Singh semua seluruhnya kutip GST berapa ( *Pero Bahasa Jawa* ) Sungai Burong berapa 41.2billion dan saya bahagikan seluruh rakyat Malaysia satu kepala yang baru dilahirkan yang anak kecil di buaian satu kepala yang tua satu kepala yang muda isteri tiga empat pun satu kepala juga dua tiga kepala ( *endas bahasa jawa* ) satu kepala satu tahun kita kena GST RM100,333.000 nampak tak RM100,000,333.00 ini yang kita tindas rakyat yang kutip 20sen kita nak memikir supaya kita kena ubah jadi ayat tadi saya tidak setuju

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Minta penjelasan GST tuduh kerajaan kita nampak

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tindas cukai dan ...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Boleh

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong, minta Sekinchan bagi, Sila Sungai Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya kalau sekurang-kurangnya kalau GST dia mengenakan kesannya perbelanjaan rakyat RM1300.00 sekurang-kurangnya melalui bantuan BRIM sahaja kerajaan telah beri RM1200.00 jadi adalah usaha daripada Kerajaan kutip duit bagi balik kepada rakyat yang ini Kerajaan Negeri kutip 20sen tah ke mana perginya kita tak tahu tak bagi rakyat, bersetuju tak.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong, saya tak berapa setuju apa yang dinyatakan CSR dibuat tapi caranya tak kena sangat jadi sekarang ini kita katakan BRIM yang kita terima katakan terima BRIM saya nak tanya Bangi dapat BRIM ke? Yang Berhormat Timbalan Speaker, bukan ke ramai yang dapat BRIM itu hanya orang-orang yang tertentu tapi GST dikenakan semua orang yang kena GST ini yang dikatakan zalim dan saya tidak boleh terima bagaimana asnaf yang kita bantu mereka bagaimana OKU yang kita bantu mereka dikenakan GST

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya boleh minta penjelasan,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ini zalim saya kata

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Minta penjelasan, sekurang-kurang GST jika kita lihat dia bagi dia salurkan semula dalam bentuk kutipan kepada lebih adil orang yang berpendapatan rendah RM4000 ke bawah RM3000 ke bawah ini diberikan keutamaan jadi diberikan orang yang kaya raya macam Sekinchan ini tak apalah dia

**28 MAC 2017 (SELASA)**

mampu tak payah lah bagi BRIM atau pun orang yang senang la macam Sekinchan ini tak peru dapat BRIM

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, sila.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Seri Andalas

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Sekinchan ya, ada tengok video tak yang *viral* tu orang-orang yang diberi BRIM oleh UMNO di Pahang ada ikrar. Ada tengok tak Ikrar apa yang mereka katakan bila dapat BRIM

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Sungai Burong, Terima kasih Seri Andalan memang saya dapat *whatsapp* aplikasi, orang dapat BRIM disuruh buat ikrar kena sokong UMNO Barisan Nasional ini salah BRIM ini duit siapa duit Kerajaan dia nak sokong siapa, itu terpulang tapi kena buat ikrar ini saya rasa kena mohon maaf kepada rakyat Malaysia, UMNO kena bertaubat dalam konteks ini lah saya minta bertaubat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih, Sekinchan saya ingat Sekinchan Matematik lemah sebab membahagi soal GST kutipan bagi semua rakyat itu tak betul yang banyak bayar GST Syarikat-syarikat besar, yang peniaga-peniaga besar kena faham kalau nak buat kiraan macam bagi semua orang memang semua akan kena mengikut perbelanjaan siapa belanja besar dia kena bayar lebih siapa belanja kecil dia bayar kecil. Saya nak beritahu soal menganiaya orang miskin orang asnaf Yang Berhormat kena tahu semua berapa ribu barangan yang tidak kena GST barang yang kena GST yang tak kena makan, minum barang beras, gula, yang digunakan harian semua tak kena. Yang Berhormat tak ambil kira yang itu jadi yang kena tengok yang itu, yang kedua soal yang menerima BRIM, orang yang menerima BRIM kata yang menerima

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat sepatutnya satu sahaja Yang Berhormat, satu dulu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Fasal BRIM tadi berapa orang yang menerima, saya nak beritahu yang menerima hampir 6juta lebih seluruh negara bukan sorang

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya ucapkan terima kasih kepada Permatang yang tetap dengan pendirian permatang belum cukup matang sampai hari ini, sebab bayar GST ini bukan soal tauke besar peniaga besar semua setiap suri rumah tangga yang (*belonjo bahasa jawa*) menukar masuk bayar itu belanja harian tiap hari kena kalau kira timbunan itu lah angka nya purata tetapi Permatang tak faham lagi perkara ini, tapi kita tidak mahu memburukkan tentang perkara ini cuma saya kata soal bebas plastik kempenya bagus tapi cuma penambah baik perlu dilakukan satu tabung saya kembalikan kepada isu yang sama satu tabung yang dijaga yang dijaga dengan orang-orang yang tertentu dan duit itu kita pulangkan kepada rakyat mengikut DUN orang miskin setiap bulan kita sumbangkan macam *food stamp* dan sebagainya.

Kita tambah seratus lagi *food stamp* melalui 20sen ini boleh juga kita buat rakyat miskin boleh dapat rakyat sanggup sebab kita tolong orang miskin kita Peduli Rakyat bukan Tindas Rakyat macam UMNO Barisan Nasional ini yang saya nyatakan di sini jadi saya teruskan isu yang seterusnya yang ingin bangkitkan dalam dewan yang mulia ini berkaitan dengan premium tanah di khususnya di kampung-kampung baru yang ada 44 di seluruh Negeri Selangor di mana mereka punya identiti punya sejarah yang tersendiri kampung-kampung baru ini dan sekarang di Sekinchan pun sebagai contoh saya dan sebagainya mereka dah sampai masa lanjutan pajakan harus dibuat dan sebagainya. Cuma isu sekarang premium yang dinilai premium untuk lanjutan 99 tahun yang dinilai oleh Jabatan Penilaian Hartanah ini terlalu tinggi nampak tinggi sikit dan sekarang MCA dan UMNO mereka di sana mereka mengambil kesempatan menyerang Kerajaan Negeri kononnya tidak prihatin dan sebagainya mengenakan premium agak tinggi. Jadi saya minta dalam konteks ini Kerajaan Negeri kena duduk balik walaupun banyak pekeliling saya baca di sini macam-macam pekeliling yang ada pekeliling yang dulu 4/1999 yang sudah dibatalkan dulu kita nampak RM0.50 sen satu kaki persegi untuk 60 tahun dan juga RM2.00 untuk 99 tahun mungkin itu tidak sesuai pada masa ini tetapi kalau kita nak ikut kadar semasa dan JPPH yang nilai saya rasa agak berat sikit. Mungkin kita boleh buat satu kadar tetap sikit walaupun ada diskaun 30 peratus daripada 99 tahun Kerajaan Negeri ada buat saya tahu dan kemudian ada premium nominal untuk 1000 bagi mereka yang tak berupaya untuk bayar boleh duduk di situ cuma ramai daripada mereka oleh kerana ini adalah harta mereka duduk puluhan tahun di situ jadi mereka kalau boleh nak bayar tak mahu bayar seribu jadi perasaan sedemikian lah menghantui mereka jadi meminta jasa baik Kerajaan Negeri agar kaji semula sebagai satu kadar di situ jangan bulan ini lain setengah tahun lagi lain di kawasan yang bersama ini lah yang membelenggu mereka saya harap Kerajaan Negeri di sini mungkin tidak boleh kekal seperti dulu dua ringgit mungkin boleh lah empat ringgit, lima ringgit tapi tak sampai lah sepuluh ringgit ini yang kita harapkan Kerajaan

Negeri dapat betul mengambil maklum perkara sedemikian pada masa yang sama saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khususnya YAB Dato' Menteri Besar kerana sebelum ini atas permintaan Sekinchan telah membuat satu penyesuaian dan meminda Pekeliling Bilangan 3/2016 PTG atas kedai-kedai lama di luar bandar yang duduk puluhan tahun sekarang lanjutan pajakan mereka sambung inilah yang saya bangkitkan dan ini dijadikan dalam PRK Sungai Besar, pihak Barisan Nasional pihak UMNO, MCA mereka gunakan isu ini untuk menyerang Kerajaan Negeri jadi saya nak minta walaupun ada 30 peratus tidak pernah mana-mana negeri di Malaysia, Tuan Timbalan Speaker buat dasar ini 30 peratus untuk 99 tahun diskaun kedai lama tak ada hanya lah Selangor yang lakukan ini saya ucapkan terima kasih dan ada lagi satu kebaikan kalau ada yang ingin tak boleh bayar langsung RM10,000 sahaja nominal kemudian bayar hari esok. Tapi cuma persoalannya ramai daripada mereka ada perasaan yang sama kalau boleh nak bayar tak tangguh-tangguh tapi cuma isunya masih balik kepada penilaian PTG bukan PTG tapi JPPH, punya penilaian yang berlainan 6 tahun penilaian yang lain. Jadi kedai saya di sini, lorong sana kedai lain tapi bulan ini saya bayar sedemikian angka, 6 bulan lagi penilaiannya naik RM100,000 lebih. Jadi inilah yang menimbulkan isu, saya bagi contoh, saya bagi contoh ya di sini ya, contoh yang pertama ialah contoh A untuk 319 meter persegi kedai lama, RM153,000.00 untuk 99 tahun. Nilai premium lanjutan panjakan, lulus pada bila 1.8.2015. 319 meter persegi itu contoh pertama pajakan 99 ya RM153,000.00. Kemudian si B datang pula si B, B pula dia datang Lim Swee B pula namanya dia lorong yang berlainan, kedai yang sama ya, satu kumpulan yang sama pajakan juga kedai lama. Dia buat selepas 8 bulan iaitu 17 September, dia dapat kelulusan. Tadi Januari, ini September makna 8 bulan, keluasannya berapa, saya bagi contoh ya Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri juga ambil maklum, 185 meter persegi. Tadi berapa, tadi 319 sekarang ini 185 lebih kecil hampir separuh dari keluasan yang tadi RM153,000.00. Ini berapa yang dia kena premium anggaran nilai daripada JPPH selepas 8 bulan, RM3,762.00. Tadi RM153,000.00 8 bulan nilai dia RM150,000.00 ini yang saya persoalkan. Ini yang saya pertikaikan saya tidak ada masalah diskaun dan sebagainya yang kerajaan berikan, itu saya cukup mengalukan tapi cuma nilai sedemikian.

Oleh yang demikian saya minta JPPH dapat minta duduk bersama dengan PTG dan sebagainya. Kita bukannya hendak bergaduh tetapi kita cari penyelesaian. Saya yakin kalau kita ikhlas tentu ada penyelesaiannya, *insya-Allah* mesti ada dengan izin. Dan perkara ini saya minta kedai-kedai nama ini nilainya jangan bulan ini, 6 bulan lain sangat, kalau boleh kita tetap seperti juga Kampung Baharu, satu angka di situ untuk 5 tahun ini. Semua lanjutan pajakan angka dia di sini hah, kalau diskaun 30% nampak angka dia, jadi kita nampaklah bagaimana rakyat di bawah nampak keikhlasan kita. Sebagai contoh kalau sayalah kedai ini kedai punya saya, saya terima daripada ayah dan datuk saya sebagainya, saya kena bayar RM300,000.00 tolak 30% RM210,000.00.



Saya *cash money* pun tak mampu di luar bandar seperti ini. Kalau dalam RM100,000.00 lebih sedikit ok lah, jadi saya mintalah Kerajaan Negeri dan isu ini yang RM300,000.00 dia dah minta mohon di Pejabat Tanah dapat 60 tahun, minta dia hendak kurangkan 60 tahun dapat RM180,000.00 berat juga. Kalau anggaran dalam RM100 lebih sikit ok tapi ini terlalu tinggi, saya mintalah jasa baik juga perhatian serius daripada Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan perkara ini. Dan saya tahu juga Kerajaan Negeri kita maju ke hadapan, isu tanah memang banyak. Pelaburan hartanah di Negeri Selangor yang paling ke depan. PTG setiap hari menerima macam-macam permohonan boleh kata 500, 300 *consent* macam-macam *consent* ada, penuh dengan pelanggan, inilah Selangor. Selain daripada negeri-negeri lain, tapi saya nampak banyak isu kritikal tanah-tanah ini kita perlu ada penyelesaian, kita perlu ada 1 pasukan yang khas dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah tubuhkan satu pasukan iaitu pasukan *task force*, tanah Negeri Selangor. Pasukan inilah dia dapat membantu kes-kes yang kritikal. Mereka turun padang, siasat apa yang berlaku dan buat laporan dan sebagainya. Inilah yang kita hendak, tapi dalam usaha kita memantapkan pasukan *task force* ini kita juga harus menjaga kebajikan mereka. Saya nampak apa pengamatan saya sampai hari ini ada 5 ahli pasukan *task force* ini, 5 ahli sahaja ya. Yang diketuai oleh L48, J44 ada 2, W44 ada 1, NT29 ada 1, ada 5 ahli. Mereka ini semua berstatus apa, berstatus kontrak bukan pekerja tetap, kontrak. Jadi saya rasa sebab sudah sampai masa kita kaji semulalah. Dah beberapa tahun dekat 5 tahun *task force* ini berperanan, bantu Selangor, bekerja kuat tapi masih dalam peringkat kontrak. Saya mintalah kerajaan kalau boleh betul-betul perhalusi bagi mereka jadi serap sebagai 5 orang ini sebagai kakitangan tetap kerana kebajikan mereka banyak ada, mereka boleh menikmati kalau kontrak mereka tidak boleh nikmati. Saya harap perkara ini dapat diambil maklum oleh Kerajaan Negeri demi kesejahteraan ya dan kepentingan semua pihak. Dan seterusnya ingin saya ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, sebelum masuk tajuk baru saya hendak tentukan masa Sekinchan untuk 15 minit sahaja lagi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** 15 minit, terima kasih kalau boleh lebih sikit kerana saya ada banyak isu yang ingin saya utarakan. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam juga menekan soal beri nasihat dan sebagainya sentiasa kita harus kesatuan, perpaduan sentiasa hormat-menghormati di antara satu sama lain baik dari segi agama dan adat resam hidup dengan cara aman damai. Ini satu yang harus kita sokong 100% prinsip kesederhanaan meraikan perbezaan, kalau boleh segala kekusutan dapat dirungkai demi kepentingan rakyat dan kesejahteraan negeri yang seterusnya kita dapat beramai, apa salahnya ya. Kita sebagai keluarga besar yang seterusnya semua batir-batir, kawan-kawan ya termasuk pembangkang kalau dia bersama kita pun tak ada masalah.

Kita raikan juga ya, inilah semangat di Negeri Selangor adil, saksama, sederhana inilah Selangor ya. Dan kita ketepikan politik sempit, ketepikan kebencian, kemarahan, fitnah jahat, perkauman sempit dan di sini ingin saya tegaskan satu isu. Baru-baru ini kita di Selangor nampak ada perkara-perkara yang pelik dan ganjil yang berlaku di Selangor. Yang pelik dan ganjil berlaku di Selangor ya, ada orang-orang tertentu, orang-orang tertentu mereka memainkan peranan kononnya NGO tapi hakikatnya mereka bukan NGO tapi mereka ini menyerang Kerajaan Negeri tanpa fakta. Mereka menyerang sembarangan dan kadang-kadang kita tengok pelik orang-orang seperti ini. Mereka dengan geng-gengnya ada kalanya mereka, saya masih ingat ya, waktu isu air ada masalah air sedikit di Selangor, mereka datang ke pintu depan SUK. Ada pakai tuala, orang ini nama dia siapa, Ketua UMNO Sungai Besar, Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, pakai tuala mandi, tengah panas pakai tuala mandi. Apa isu yang dia bawa, apa isu yang dia bawa dia kata Selangor gagal urus air. Jadi dia ada (bahasa jawa) dengan izin, tak ada air nak mandi, pelik pula apabila saya siasat ketika itu Kerajaan Negeri melalui EXCO ada permintaan daripada TNB. TNB minta kerajaan kena buat air berhenti sekejap kerana apa, bukan isu tak ada air, sebab mereka hendak naik taraf pencawang ya di Semenyih dan sebagainya perlu berhenti sementara beberapa hari, kalau tidak esok apabila berlaku *black out* dan sebagainya mungkin akan memakan berbulan-bulan. Jadi Kerajaan Negeri yang responsif yang bertanggungjawab, Kerajaan Negeri akur, patuh pada permintaan TNB. Inilah cara Kerajaan Negeri Selangor, inilah Selangor. Akhirnya dia datang serang Negeri Selangor kononnya tak ada air ....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Lanjan hendak beri penjelasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, bukan saya ada soalan untuk Sekinchan. Hendak semak masa itu, bukankah pada hari yang sama kita baca dalam berita ada seorang ahli NGO namanya Rani Kulup. Dia ada satu video dia buat satu video dia mandi dalam bilik airnya. So, macam tak kenalah satu kata tak ada air, satu mandi, seronok, nampak tak video itu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Sekinchan, sambung, sambung...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** .....Yang Meru ini memang sahabat dulu kini dan selamanya. Sahabat sayalah kawan tetap kawan jadi kita beritahulah dan dalam isu ini saya hendak beritahu, Rani Kulup kalau Rani Kulup yang jadi raja, buat laporan polis tak ada satu insan di Malaysia buat laporan Polis paling banyak melainkan dia bukan Rani Kulup pakai cermin mata macam S. Jibeng. Hah, dialah raja yang paling banyak buat laporan polis. Dialah yang buat, kalau dia ada air mandi maknanya tak ada masalah air tapi kenapa Ketua UMNO Sungai Besar ini pakai kain datang ke SUK. Dia

hendak malukan Kerajaan Negeri dengan tujuan kepentingan politik. Saya hendak beritahu Tuan Timbalan Speaker di Sekinchan di kawasan saya kadang-kadang kita nampak 2 atau 3 orang yang ada kurang siuman, sakit mental sikit mereka berjalan sendirian di tengah jalan, ambil kayu cakap-cakap sendirian, omong-omong sendirian ya tapi orang seperti ini, mereka tidak pakai tuala dan kain di tengah hari panas dekat SUK tak ada. Maknanya si Ketua UMNO Sungai Besar ini lebih teruk daripada (cakap jawa) di Sekinchan. Saya hendak beritahu inilah perkara yang berlakulah. Hakikatnya dan kemudiannya saya hendak beritahu belum cukup dengan kepelikan itu tak lama kemudian, berlaku pula episod baru, mereka politikkan gunakan masjid dan surau bawa van jenazah datang ke SUK lagi. Van jenazah bawa keranda datang ke SUK ini fakta bukan auta. Saya tak tuduh sembarangan kononnya apa kita sapu duit rakyatlah, kita curi duit rakyatlah macam-macam. Saya hendak beritahulah saya bukan Islam, bukan Islam tapi kita faham soal van jenazah ini dia untuk urus jenazah ya, saya bukan Islam tapi saya tahu van untuk urus jenazah bukan untuk politik, bukan untuk demo dan keranda ini isi orang mati bukan isi orang hidup. Jadi ini satu perkara yang dangkal yang dibuat oleh UMNO, Barisan Nasional inilah sampai ke tahap ya, jahilnya sampai ke tahap begitulah. Ini yang berlaku di SUK. Jadi saya nampak perkara-perkara kekusutan yang sedemikian, kita minta hentikanlah orang-orang seperti ini. Dan ada laporan polis daripada MK dan Pemuda Pakatan Harapan, tapi sampai hari ini tak ada tindakan polis, tak ada tindakan yang diambil terhadap orang ini terlalu kebal orang yang sedemikian. Kenapa benda-benda ini berlaku kepelikan-kepelikan yang berlaku dan saya nampak seolah-olah orang ini bermaharajalela punya kekebalan. Kenapa jadi begitu harus kita ingat pesanan nasihat daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, kita jangan ada politik kebencian sedemikian, salah guna masjid, salah guna surau, van jenazahnya. Ini pertahankan kononnya agama bangsa dan negara, saya rasa malu dan saya sebagai wakil rakyat di Sekinchan saya hendak memohon maaf kepada semua rakyat di Negeri Selangor khasnya dan rakyat di seluruh Malaysia amnya kerana di kawasan saya ada seorang insan Ketua UMNO Sungai Besar yang tidak bertamadun tidak budaya macam itu. Dia duduk di Sekinchan, orang Sekinchan jadi saya mohon maaf, minta maaf, ada orang macam itu. Saya bukan hendak tapi kebetulan ada macam itu, saya mohon maaf ya kepada Dewan yang mulia inilah.

Jadi untuk perkara yang sedemikian, saya hendak beritahulah, UMNO jangan berbangga dengan episod-episod sedemikian dengan mengadakan demonstrasi. Ini menimbulkan kemarahan rakyat, rakyat tahu apa yang mereka buat. Sekarang Selangor dah tak ada isu dah. Macam hari ini ya, orang yang saya sebutkan tadi Ketua UMNO Sungai Besar pergi ke balai polis Sekinchan buat apa, buat laporan polis, agen saya kononnya saya sapu berjuta ringgit daripada 2008 sampai hari ini saya sapu, duit siapa, duit TAWAS duit TAWAS, Skim Mesra Usia Emas. Saya hendak beritahulah tak perlulah berpolitik murahan, publisiti murahan seperti ini, hendak fitnah jahat seperti ini,

hendak rosakkan nama kerajaan dan juga nama saya sebagainya. Ini siri pembongkaran yang tak ada fakta daripada UMNO Barisan Nasional mula-mulanya kenakan Teresa Kok, mantan EXCO kemudiannya Damansara Utama sekarang saya. Isu apa, isu TAWAS sebab mereka dah tak ada isu. Hah, bagi kat Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Sekinchan, Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Sekinchan, hari ini pun Selat Klang pun ada juga dapat laporan polis bukan Sekinchan saja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Selat Klang beri info. Selat Klang pun jadi mangsa kononnya curi duit pecah amanah. Kalaulah saya hendak beritahu SPRM ini ada, polis ada kalau dua-dua ini kita dah curi berjuta-juta, berjuta-juta dah kena tangkap dah malam itu juga. Ya Malaysia ini apa-apa perkara pelik berlaku mati kena bom pun ada, C4 pun ada, mati dalam tong pun ada, mati kena simen pun ada macam-macam berlaku kecelakaan. Ini Malaysia, Malaysiaku yang tercinta, Malaysia boleh. Korea Utara pun mati di sini juga. Jadi inilah Malaysiaku yang tercinta, Tuan Timbalan Speaker, jadi saya nampak kerja-kerja membuat laporan polis yang dibuat oleh Ketua UMNO Sungai Besar ini berniat apa, dendam kesumat, dendam kesumat kepada Kerajaan Negeri dan kepada saya juga sebab apa, baru-baru ini saya sudah bongkarkan satu isu, bongkarkan kerja jahat, kerja kotor Dato' Seri Jamal dia bawa pengundi-pengundi hantu dari luar masuk ke Sekinchan. Berapa ramai 1,200 masuk untuk suku, suku yang ke-empat. Pelan Induk suku yang keempat 2016 bulan 10, bulan 11, bulan 12, 3 bulan, dia bawa berapa ramai? 1,200, semua keseluruhan pendaftaran 1,600. Ada 1,200 semuanya dari Sabah, Sarawak, Terengganu, daripada Kelantan yang i.c nya 12, 13, semua ada. Orang Asli pun ada masuk Sekinchan sekarang. Hebat Sekinchan ada Orang Asli. Orang Asli masuk Sekinchan, saya nak jejak Orang Asli ni dan saya bagi contoh Tuan Timbalan Speaker, ada satu jalan di Parit 7 belakang rumah Jamal Jamban yang saya beritahu tadi. Sebab dia koyak surat *lawyer* ni masuk jamban. Belakang rumah dia rizab, jalan rizab sara bini, di situ ada 9 rumah. Dari satu rumah saya dah pergi jumpa. 9 rumah ini semua dah jadi pemilik pengundi pun, semua dah jadi pengundi tetapi dalam suku yang ke-4 berapa orang masuk situ tukar alamat? 452, 452 dan lagi pelik lagi seluruh dunia yang saya hairan kepelikannya sebab di Parit 7 Sekinchan, kawasan Melayu tak pernah ada Cina duduk situ, paling pakat India duduk situ, tak pernah walaupun satu orang Cina pergi sana jual barang ada. Pergi sana hari kenduri macam saya menghadiri kenduri ada, tapi duduk di kawasan situ tak ada. Tapi dalam senarai ada 41 Cina di situ, ada 49 India di situ, Ini hantu dari mana, hantu raya? Jadi ini lah masalahnya yang Jamal buat, dan saya bongkar kan, saya bongkar kan dan

beliau tahu perkara ini dan beliau dalam satu serangan di *facebook* dia kata saya ini tak faham demokrasi. Saya tak faham demokrasi, ini kah yang dinamakan demokrasi dan dia kata dia buat ini tujuan kenapa dia nak kalahkan saya pada Pilihan Raya akan datang. Tak apa nak lawan saya Sekinchan, saya alu-alukan siapa nak lawan, datang tapi pra syarat nya gunalah cara yang baik. Jangan lah ambil pengundi luar, pengundi hantu masuk ke situ, biarlah rakyat Sekinchan yang memilih wakil rakyatnya. Jangan menafikan hak rakyat Sekinchan daripada memilih wakil rakyat mereka. Nak pilih siapa tak ada masalah tetapi gunakan cara yang jijik, cara yang kotor ini, ini lah muka-muka yang dibuat oleh bos Sungai Panjang iaitu Ketua UMNO Sungai Besar. Jadi sekarang dia dendam kesumat dengan saya, apakah kerja jahat mereka sudah dibongkarkan? Mereka bayar RM50.00 untuk tukar *ic*.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sikit Sekinchan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang minta. Teruskan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sekinchan, dalam Peraturan Pilihan Raya SPR siapa-siapa pun boleh daftar kepada SPR kemudian hak Yang Berhormat untuk buat bantahan. Berapa banyak Yang Berhormat telah buat bantahan yang kata beribu-ribu tu? Di SPR saya nak tanya, ada tak Yang Berhormat membuat Usul untuk bantah? Kalau betul benda tu dibuat ataupun ada Usul dibuat begitu, jangan cakap je dalam Dewan ni bukti tak ada, usaha tak buat. Saya nak tanya berapa banyak Yang Berhormat bantah di SPR?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ok. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ya saya dah buat bantahan kerana kita telah mengenal pasti ada insan hamba Allah telefon saya baru saya tahu kalau tidak saya tak tahu mereka buat kerja curi-curi bayar RM50.00 untuk tukar alamat. Di mana mereka buat tau, di UTC Sentul, UTC Sentul.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Berapa bantahan Yang Berhormat buat?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nanti sekejap, saya belum jawab. Belum habis la saya jawab.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Jangan nak politikkan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya akan jawab, sabar dahulu. Sabar dulu saya akan jawab kemudian orang-orang yang tukar *ic* masuk ke Sekinchan ini dijanjikan besok kalau pilihan raya datang ke Sekinchan undi bagi RM 200.00 – RM 300.00 undi Barisan Nasional pra syaratnya seperti apa yang beri BR1M itu kena ambil ikrar itu semua

RM200 hingga RM300. Saya ada bukti baru saya cakap. Seperti di PRK Sungai Besar di pejabat Menteri Undang, Menteri KPKT, beratur orang pergi sana ambil duit. Ini semua orang tau la jangan nak menafikan satu dunia dah tahu perkara ini berlaku jadi saya jawab Permatang, jawab saya bantah 1,200 semua kita bantah. Tapi persoalannya, isunya kenapa kita buat kerja macam tu, jijik, kotor, tak bersih, kotor banget. Dengan izin.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang 40 ribu dari Bangladesh tu apa cerita dia? Minta penjelasan sedikit lagi. Yang dari Bangladesh tu apa cerita dia?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Nanti-nanti. Sekinchan, masa Sekinchan sangat terhad lepas Permatang saya cadangkan terus kepada Penggulungan. Sila Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok. Yang kisah 40 ribu pengundi Bangladesh yang kononnya dibawa oleh UMNO itu apa cerita dia. Itu ada di Sekinchan ke tidak?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ok, ok, saya nak jawab, saya nak jawab. Saya nak jawab la ni. Terima kasih Yang Berhormat....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sekinchan, tambah lagi sikit yang Seputeh pindah ke Gelang Patah jawab juga. Seputeh pindah Gelang Patah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang sebab yang itu saya tak bagi laluan saya tak perlu jawab, saya jawab yang ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan jawab yang sesuai sahaja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi saya nak bagi tahu telah sampai masa, tadi tanya apa saya dah lupa, jangan kacau saya. Bukan dia, Permatang cakap apa tadi? Ingat balik. Ok, ok.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** 40 ribu Bangladesh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sekarang saya jawab. Dengkil duduk saya tak bagi laluan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Seputeh pindah Gelang Patah beribu-ribu tu. Tolong jawab. Kalau *gentleman*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak jawab, saya ada masa. Jangan ganggu saya. Kamu pergi buat bantahan dan sebagainya. Jangan ganggu saya. Pergi kamu buat bantahan dan sebagainya. Saya nak bagi tahu Permatang isu....

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Jawab la Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya bawa soal Jamal yang lain tidak relevan. Tidak relevan kepada saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Sekinchan jawab.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak bagi tahu Permatang, isu Bangladesh saya bawa soal Jamal tidak relevan, tidak relevan kepada saya, pada saat dan ketika ini. Ok.

Buat titi hingga ke tepi,  
Isi batu dalam baldi,  
Di hati nak jadi YB,  
Sanggup hantu-hantu di jadi pengundi.

Kemudian, yang terakhir isu, isu yang terakhir saya tak mahu cakap panjang ya, isu yang terakhir menyentuh sebab pelancongan. Sekinchan tak sebut pelancongan tak jadi. Pelancongan mesti saya sebut. Sekinchan menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya Kerajaan Negeri meningkatkan usaha mempelbagaikan sumber pendapatan negeri termasuk mencari sumber air sumber baru dan tidak hanya bergantung pada hasil tanah. Saya yakin dan percaya kepimpinan YAB Menteri Besar akan menggarap dan menerajui usaha ini melalui kegiatan ekonomi yang holistik. Ini kerana Kerajaan Negeri juga mahu memperdaya sektor ekonomi lain termasuk melalui sektor pelancongan. YAB Dato' Menteri Besar telah awal-awal lagi menyatakan bahawa sektor pelancongan adalah salah satu sumber yang akan memaju ekonomi dan pertumbuhan ekonomi negeri. Jumlah pelancong ke Negeri Selangor semakin hari semakin meningkat. Keindahan alam semula jadi menjadi potensi besar dalam sektor pelancongan. Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri dalam beberapa hari yang lalu turun telah berangkat untuk menikmati keindahan dan semula jadi alam flora dan fauna di Taman Alam Kuala Selangor di samping menanam pokok bakau sempena menyambut Hari Hutan Sedunia. Namun begitu tidak jauh dari tanah Taman Alam Kuala Selangor terdapat sebuah lagi kawasan yang begitu indah dan damai dengan keindahan alam semula jadi, sawah dan bendang yang terbentang luas dan menghijau, sungai dan laut yang tenang, industri pesat membangun ini lah Sekinchan. Inilah Sekinchan, bumi Sekinchan hari ini telah menempa nama sebagai destinasi ekopelancongan yang terkemuka di Negeri Selangor dan seluruh Malaysia. Pertanian dan hasil padi yang subur, perairan pantai yang kaya dengan khazanah laut, berbagai-bagai aneka makanan laut yang enak, murah dan segar, *fresh* serta perpaduan rakyat berbilang kaum adalah kunci kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di Sekinchan. Nama Sekinchan dalam bahasa Cina memberi maksud kampung yang sesuai bercucuk tanam. Kampung yang sesuai, (Bahasa Cina) dengan izin ya. Kampung yang sesuai bagi bercucuk tanam, Sekinchan bukan sahaja sesuai penanam padi, buah-buahan dan juga sayur-sayuran dan juga merupakan lokasi penting hasil laut di Negeri Selangor. Sekinchan juga digelar (Bahasa Cina), jelapang padi dan perkampungan nelayan.

Keindahan Sekinchan diterjemahkan di alam semula jadi desa dan lautan yang membiru. Selain sawah, makan laut dan sebagainya saya akan tumpukan kepada semua pelancong-pelancong termasuk domestik dan juga luar negeri kita tarik untuk lebih ramai ke sini.

Oleh yang demikian, kita jana ekonomi melalui transformasi Sekinchan daripada dulu Sekinchan orang tak kenal Sekinchan sekarang ini mana pelancongan, sektor pelancongan menjadikan Sekinchan terkenal dan ramai yang datang pada hujung minggu kelepasan umum, hari cuti dan sebagainya termasuk lah pelancong-pelancong dari negeri Cina dan Singapura yang ramai datang ke sini. Jadi saya ingin tegaskan di sini saya dan pasukan saya telah mempromosi industri pelancongan ini melalui Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan dan dibantu oleh Tourism Selangor dan juga Yang Berhormat Bukit Lanjan selaku EXCO Pelancongan memberi khidmat nasihat bagi bantuan kewangan dan sebagainya menjayakan berbagai-bagai termasuk kita buat aplikasi *Apps*, Sekinchan *Travel Apps* boleh di *download* di *Apps Store* dan juga *Google Player* untuk *Sekinchan Travel Apps*. Banyak informasi di dalam dan kemudiannya ada *facebook travel Sekinchan* dan juga ada *magazine*, majalah yang tersendiri yang mempromosikan Sekinchan iaitu *Sekinchan Go*. Ini lah antara kerja-kerja tidak sampai 10 tahun kita lakukan di Sekinchan sekarang, syukur alhamdulillah dengan izin Sekinchan telah menjadi antara destinasi yang menjadi tumpuan daripada rakyat di seluruh Malaysia dan juga di Negeri Selangor. Maka dengan itu saya ingin berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan pembangunan sebuah pusat maklumat pelancongan di Sekinchan untuk membantu merancang lagi industri ini rakyat di Sekinchan ini dan saya minta Pusat Maklumat Pelancongan ini boleh disegerakan, disegerakan supaya bukan sahaja kita dapat cadangkan dan boleh dibuat, boleh dalam tahun ini Pusat Maklumat Pelancongan ini dibuat untuk kegunaan untuk bantuan untuk mempergiatkan lagi bilangan pelancong-pelancong yang masuk ke DUN Sekinchan.

Justeru itu saya memohon agar proses membangunkan ini dipercepatkan di Dewan yang mulia ini saya mahu hal ini direkodkan, hal ini direkodkan bahawa saya mewakili rakyat Sekinchan menjunjung kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk berangkat ke Sekinchan pada 22 Mei 2017 akan datang untuk melihat potensi Sekinchan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor melalui industri pertanian, perikanan, pelancongan yang berteraskan ekopelancongan. Bagi pihak rakyat Sekinchan kami tidak sabar menanti keberangkatan Tuanku dan pastinya keberangkatan Tuanku memberi makna yang besar bukan hanya buat saya tetapi buat rakyat Sekinchan seluruhnya. Jadi saya harap Kerajaan Negeri dapat bantu lebih banyak peruntukan sampaikan ke Sekinchan untuk kita jana kan ekonomi di DUN Sekinchan ini. Jadi saya untuk pengakhir, saya nak sampaikan satu perkara yang saya fikirkan cukup penting untuk direnungi oleh kita semua dalam konteks kita menjana



ekonomi di Sekinchan dan sebagai *branding* untuk kesimpulan pada perbahasan kali ini *bocah nom podoh pacaran, wong uek oco perasan, konco-konco neng kerajaan ojo lah cakaran, ayuh bareng-bareng kito lawan Barisan*. Dengan ini saya mohon mencadangkan Usul menjunjung kasih ini. Sekian , terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sukar juga untuk pencatat minit untuk mencatatkan ucapan Sekinchan yang hujung tu. Dia akan ditulis secara *verbatim*. Terima kasih Sekinchan telah membuat Usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Saya nak mencari penyokong dahulu untuk menyempurnakan Usul ini. Saya persilakan Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker. Salam hormat dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker terima kasih kerana membenarkan Seri Andalas menyertai pembahasan Usul Menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung ke atas titah ucapan pembukaan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Ke 5 Dewan Negeri Selangor. Titah Tuanku menyentuh banyak perkara yang dapat meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan rakyat khususnya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Andalas, saya faham Seri Andalas akan bawa banyak isu. Oleh sebab banyak saya akan bagi 25 minit, 25 minit. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ini ambil masa banyak la ini Sekinchan. Baginda Tuanku juga berkenan menitahkan Ahli-ahli Dewan Negeri dapat menggunakan perbahasan di Dewan yang mulia ini bagi mengangkat isu dan agenda rakyat agar rakyat Negeri Selangor maju seiring pesat dengan ekonomi Negeri Selangor. Yang terhormat Speaker, saya nak ambil titah Tuanku yang katakan sebagai penyumbang utama kepada KDNK Malaysia Selangor merupakan negeri terpenting dalam memastikan mencapai status negara penempatan tinggi menjelang tahun 2020. Ekonomi Selangor menjadikan indikator utama prestasi ekonomi Malaysia di mana Selangor mendominasi sektor perkhidmatan pembuatan dan juga pembinaan. KDNK per kapita Selangor telah meningkat kepada RM42,611 dan melebihi paras nasional. Pendapatan isi rumah juga telah meningkat dan kini Selangor menduduki ranking ketiga selepas Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kalau kita tengok lagi fakta-fakta yang menunjukkan bahawa Selangor lah satu-satu negeri di dalam Malaysia yang muncul sebagai juara dalam perkhidmatan dan sebagainya. Kalau kita tengok *gross state product* dalam ringgit bilion tahun 2016, kita telah dapatkan RM672.338 bilion. Kalau banding dengan negeri-negeri lain, yang tu Wilayah Persekutuan, Sarawak, Johor, Pulau Pinang, Sabah, rendah sangat mereka yang dapat kalau tak de *there are no competition to Selangor*, dalam katanya. KDNK juga yang kita menyumbangkan kepada negeri, negara ialah Selangor tertinggi. Yang itu dekat 25% *plus minors one two %*. Yang paling dekat pun dengan Selangor ialah Sarawak yang

menyumbangkan 10% KDNK. Johor kurang dari 10%, 6.6% sahaja. Sarawak 10% dan Johor walaupun bangsa Johor dan sebagainya dan mewar-warkan, yang katakan dapat banyak yang, yang, yang apa tu, nak melabur di dalam Johor tetapi yang Johor memberi kepada negara ialah 9.3% sahaja. So, ini menunjukkan bahawa apa pun telah di, digambarkan oleh sekelompok di luar yang Sekinchan kata tadi dari Jamal gila Jamal ni dan juga yang buat polis *report*, kemurahan dari 2008 Tuan Speaker. Dewan ini telah dengar dari pembangkang bahawa isu-isu di dalam Negeri Selangor ini teruk. Kita, *measurement style* kita ialah teruk. Katakan kita tidaklah seimbang dengan rakyat dan sebagainya. Tetapi fakta-fakta yang menunjukkan tiap-tiap tahun meningkatkan pendapatan di dalam Negeri Selangor, KDNK kita meningkat. Ataupun *gross state product* pun meningkat. Kali ini EXCO Pelabuhan telah pun beritahu dengan kita bahawa yang bawa FDI termasuklah yang, yang ada pelabuhan dari dalaman juga, dekat dengan RM7 bilion lebih. Adakah kita gagal? Bolehkah siapa-siapa kata yang Negeri Selangor gagal dalam isu ini? Tak ada. Tetapi di luar sana hari-hari buat polis *report*. Media kata kita gagal. Sebaliknya ini menunjukkan bahawa rakyat Negeri Selangor telah mula terima Kerajaan Negeri Selangor sekarang untuk kemajuan pada masa depan yang akan datang. Dan saya ingat kita tak payahlah minta ataupun soal isu *governance* di dalam Negeri Selangor kalau kita nampak keadaan Dewan Undangan Negeri dan *sub committee-sub committee* di bawah Dewan Undangan Negeri, kalau kita berbanding dengan Parlimen pun, Parlimen tak dekat dengan negeri Selangor sekarang. Dalam ucapan Speaker, malam tadi dimakan malam ya, lagi 1 proses baru yang kita nak bagi kepada pembangkang tapi tak ada Ketua Pembangkang di dalam Dewan ini. Malangnya tidak boleh digunakan yang kita telah pun umumkan tadi untuk bagi peluang untuk Ketua Bangkang soalkan Menteri Besar Negeri Selangor, *one to one* sahaja di dalam Dewan ini. Dengan pertanyaan beliau dan jawapan dari Menteri Besar boleh didengar. Tapi malangnya di dalam Dewan yang mulia ini tidak ada Ketua Bangkang. Itu ialah satu kegagalan besar oleh kumpulan pembangkang yang ada sekarang.

Yang Tuan Speaker, Saya pun nak sentuh sedikit ni tentang isu penyelewengan menggunakan duit ataupun peruntukan dari Negeri yang telah kita berikan banyak program melalui MES di dalam Negeri Selangor, satu-satunya ialah SMUE. Dan baru-baru ini saya dapat ya, sedikit fakta dari, untuk SMUE ini yang tunjukkan bahawa dari 1 Januari 2008 sampai 28 Mac 2017 ini. Yang menerima bantuan SMUE di dalam Negeri Selangor sahaja, 56 DUN ni keseluruhannya ialah orang Melayu yang telah dapat bantuan ialah 31,199 orang, orang Tionghoa ialah 33,537, orang yang telah dapat bantuan, orang India ialah 13,558 orang. Keseluruhannya dan lain-lain pun ada juga. Lain-lain ni saya ingat dari negeri lain ke duduk di sini lama, 775 orang. Keseluruhannya sampai 79,069 orang yang dapat faedah SMUE. Saya pun tak faham macam mana seorang nama Jamal boleh dapatkan butiran-butiran yang katakan ini ialah yang boleh katakan ini OSA ni sebab orang-orang yang dapat ada *password* untuk

dapatkan butiran-butiran ini saja pegawai-pegawai di dalam semua Pejabat-pejabat ADN ataupun dari Pejabat MES sahaja. Tak ada orang lain yang boleh masuk di dalam *website* ini untuk dapatkan butiran ni. Saya pun tak tahu *password* itu sebab saya pun tak boleh masuk untuk dapatkan ini. Ini pegawai saya yang bagi saya tadi pagi saya minta dia bagi saya. Macam mana seorang nama Jamal ini boleh dapat butiran ni? Dan pameran di seluruh dunia. Ada beberapa ADN-ADN nampaknya nama-nama dia timbul dalam perkara ini. Kalaulah benar kita salah guna bantuan ataupun duit Kerajaan Negeri, buatlah MACC punya *report*. Saya, saya terima. MACC boleh masuk saya punya pejabat bila-bila masa untuk cek buku-buku yang saya ada. Tak ada masalah. Saya nampak sekarang taktik yang digunakan oleh pembangkang di Negeri Selangor ialah ikut model *Trump* di dalam Amerika Syarikat. Model *Trump* ini di Amerika Syarikat ialah untuk adakan *falls news*, untuk besarkan ya, berita-berita yang palsu melalui media-media yang dipegang oleh mereka untuk burukkan nama Negeri Selangor sekarang. Tak ada agenda lain sebab mereka tak ada faktor. Mereka tak ada idea. Mereka tak tahu macam mana mereka nak dapatkan kerusi di dalam Kerajaan Negeri Selangor. Tapi untuk, dengan caranya untuk burukkan nama Negeri Selangor dengan cara-cara yang palsu dan tak betul. *This is what they are doing* yang saya tengok, sebab tak ada orang nak buat. Ada 1 orang saja Jamal. Dia pun gila juga. Kalau tak ada air mandi jam, mandilah di sungai di Tanjung Karang, boleh? Dan inilah taktik yang mereka gunakan sekarang untuk cuba ni. Memang BRIM ada dan sebagainya. Tapi ikrar ni yang dibaca di dalam 1 program semua tengok saya ingat. Ini sudah *viral* ya. Ikrar dengan tangan diambil. Katakan saya akan undi Barisan Nasional UMNO lepas dapat duit Kerajaan Negeri Selangor. Adakah kita di dalam Negeri Selangor bila buat program di mana-mana program sebagai bantuan yang kita bagi kepada rakyat, adakah kita buat ikrar dengan orang-orang di bawah? Mereka sudah susah untuk cari makan. Mereka susah untuk hantar anak mereka ke sekolah. Mereka susah untuk dapat makanan di dalam Negeri Selangor. Adakah orang-orang bagi ini, kita nak bagi duit lepas tu, katakan *you* ambil, sumpah. Lepas ambil duit, *you* dengar sumpah tu? Paya Jaras ada dengar? Oh, saya kena hantar *viral* tu. Ada, ada. Lepas tu ada kalau *you* pecahkan sumpah itu, tuhan akan ambil tindakan atas *you*. Tak tahulah ini kena tanya pembangkang sahaja ya. So, saya minta ya, kita akan teruskan dengan program MES saya terima kasih kepada Menteri Besar dan EXCO di mana mereka telah bawa 1 program yang cukup-cukup bagus untuk Negeri Selangor yang tu peduli sihat. Dan ini telah diterima oleh rakyat dengan hati penuhnya. Dekat Seri Andalas saya sudah ada 1 ribu lebih sekarang yang pegang kad. Dan kita telah pun buat ya, untuk, untuk tunjukkan kepada rakyat kita ada buat *livelet* dan sebagainya untuk peduli sihat sahaja. Dan baru kelmarin malam dimakan malam ini saya dapat 1 *whassap* di mana menunjukkan bahawa Ahli Parlimen Tanjung Karang dapat tak? Ahli Parlimen Tanjung Karang ini katakan dia pun ada program sebagai kesihatan ni. Sihat BN. Tapi program ni pelik sikit sebab program ini di Tanjung Karang sahaja. Bukan di

kawasan-kawasan pembangkang yang lain. Dan dia peruntukkan kepada pengundi-pengundi di dalam Tanjung Karang sahaja. Nama 1 klinik sahaja yang digunakan. So, kesannya, atas program peduli sihat ni besar di dalam Negeri Selangor, itu menunjukkan. Sebab itu sekarang, ada Ahli-ahli Pembangkang ini tiap-tiap kawasan *you* kena belanja duit untuk ada beberapa klinik untuk dapatkan *primary healthcare* yang kita telah mula di dalam Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing minta mencelah. Sila Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Maklumat yang menarik Seri Andalas. Adakah Seri Andalas ada maklumat yang ini dibiayai oleh Barisan Nasional Tanjung Karang ataupun dibiayai melalui duit kerajaan?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ingat itu, itu kena tanya Noh Omar dululah ya. Sebab siapa yang biayai program ini? Saya ingat dia sendiri yang buat, bukan kerajaan yang buat ya. Dan ini, ini dia, dia culik saja. Dia, dia, dia, dia nak, nak tunjukkan bahawa program dia pun boleh jadi ada kesan tetapi paling yang penting ialah program peduli sihat kita *it has effected all this people in those areas*. Sebab itu *they are reacting to what we are doing now*, ya. Tuan Speaker,

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nak sentuh

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ijok mohon mencelah. Sila Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya nak tanya kepada Seri Andalas, Klinik 1 Malaysia tu, itu bagaimana komen Seri Andalas. Itu nak kelabukan rakyat klinik yang tak ada doktor? Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Ijok. Memang Klinik 1 Malaysia kita tahulah tak ada doktor, ada H.A dan sebagainya yang klinik dipanggil sebagai klinik panadol sebab kalau masuk sana bagi panadol, ya. Dan tak ada kesanlah dan orang pun sudah berhenti nak pergi ke Klinik 1 Malaysia. Saya nak masukkan kepada perkara yang dua, yang penting di dalam Negeri Selangor ialah untuk perkara *public transport*, pengangkutan. Saya nampak kalau pun Negeri

Selangor telah adakan 1 program di mana telah kita katakan 60%, 40% untuk dapatkan *connectivity* di antara 1 tempat dengan 1 tempat melalui *public transport* dan juga dengan *transport* perjalanan. Saya, saya minta ya untuk EXCO dengan Menteri Besar teliti apa yang akan laku di dalam Negeri Selangor dalam tempoh 5 tahun dari sekarang. Kalau kita biarkan program kita 60, 40 sahaja, saya terima ya bahawa sudah cukup masanya untuk kita adakan 1 pelan untuk mengadakan pengangkutan awam di seluruh Negeri Selangor terutamanya dengan penduduk kita sekarang sampai 5.6 bilion, milion ni dan kita akan ada masalah di jalanraya-jalanraya dengan kereta-kereta yang kita nampak sekarang. Saya nak bagi sedikit statistik kepada Dewan yang mulia ini. Baru-baru ini penjualan Honda telah umumkan bahawa tahun ini sahaja mereka akan jual dekat 100,000 buah kereta. Tahun ini sahaja. Itu satu model sahaja, iaitu Honda. Bandingkan kalau Toyota nak jual 100,000. Mestinya Perodua lebih daripada itu, dekat 200,000 atau pun lebih. Atau Proton yang sakit sekarang ini, tak ada orang nak beli. Dia pun nak jual banyak untuk *survival* mereka semua.

So, di Negeri Selangor ini dalam tempoh 5 tahun atau tempoh tahun ini sahaja, kita akan nampak dekat 200 lebih sampai 300 buah lebih kereta baru akan masuk dalam jalanraya. Ada masalah besar. *Plan* jangka panjang ialah untuk ada LRT, MRT 3, LRT 2, LRT 3 dan sebagainya. Kita terima, tiada masalah dengan LRT, MRT untuk adakan. Dengan *feeder system* dia, dengan *park and ride* nya dan sebagainya, bagus. Tetapi ini semua akan ambil masa dalam tempoh 5 tahun atau pun lepas itu, atau pun lebih jangka panjang yang lebih lama. Apa yang kita nak buat di dalam tempoh 5 tahun atau 2, 3 tahun ini dengan kereta-kereta yang akan masuk di dalam jalanraya yang ada. Sekarang siapa pun boleh beli sebuah kereta daripada Proton dengan bayaran RM 350.00. *You can drive the car out the showroom now.* Kalau tanya banyak kakitangan yang kerja di SUK, mereka pun ada kereta. Satu perempuan, satu pekerja ada satu kereta. So, saya cadangkan untuk buat satu kajian di dalam negeri Selangor di mana *connectivity* boleh dilakukan melalui jalanraya-jalanraya yang ada di dalam negeri Selangor. *We have to have both working together. We just cannot concentrate on public transport. Moving people from one area to another.* Tetapi masalah kesesakan di dalam jalan raya pun kita kena bagi tumpuan. Sebab itu, saya EXCO berkenaan dan sebagainya kena buat di mana cadangan-cadangan dari Pusat atau pun dari Putrajaya atau pun dari negeri di mana *connectivity* boleh dilakukan. Walaupun pendek atau pun melalui beberapa kawasan, ini kita kena lakukan di dalam masa terdekat. Kalau tidak macam dulu di Bangkok, orang hantar anak ke sekolah, dia kena makan di dalam kereta, mandi di dalam kereta dan dia berak pun di dalam kereta juga. Sebab tak boleh sampai ke satu tempat dengan masa yang mungkin cepat. *This is already happening.* Jangan kita katakan, *it's not happening. It's already happening in front of us now.* Di jalan raya mana tidak sesak? *You* keluar sekarang. Yang ada KESAS Highway, North South Highway, ada Federal Highway. Cubalah gunakan

*highway-highway* ini dari pukul 4.00 sampai pukul 8.00 atau paginya dari pukul 6.00 sampai pukul 9.00 atau 10.00 pagi. Kalau dari kawasan saya untuk sampai ke Dewan, saya kena bagi 45 minit. Dekat sahaja, bukan jauh. Ini masalah besar di dalam negeri Selangor dan saya minta Kerajaan Negeri Selangor untuk teliti isu ini untuk kita adakan ya? Jangan tolak sahaja, dalam kawasan saya tak boleh, kawasan ini tak boleh, belakang rumah saya tak boleh. Memang ada ramai orang yang akan kena kalau katakan, belakang rumah saya tak boleh, depan rumah saya tak boleh. Tapi, *we have to look at the overall effect* dan macam mana kita nak atasi masalah.

Nombor satu, saya nak bagi contoh. Sungai Klang di antara PJ dengan Puchong tak ada jambatan. *To make connectivity faster, I think we should plan a few bridges across that area. If not, people are going all away round dalam terrific traffic jammed, if you asked those people who living down there.* Itu cadangan-cadangan yang kita boleh tengok dan macam mana kita nak atasi masalah-masalah itu.

Tuan Timbalan Speaker, saya nak sentuh sedikit tentang air di dalam negeri Selangor. Tadi sahabat saya dari pembangkang telah tanya soalan tentang SPLASH dan juga apa yang kita akan buat dalam jangka masa cepat ini. Saya nak mulakan dengan satu *master agreement* yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri di mana dalam *master agreement* itu telah pun dipersetujui bahawa Kerajaan Pusat akan bayar penuh kepada semua-syarikat air di dalam negeri Selangor dan selepas itu, syarikat-syarikat ini akan di *list* kepada Negeri Selangor. Di dalam proses itulah, SYABAS telah diambil alih dan *list* kepada negeri Selangor melalui Syarikat Air Selangor dan beberapa syarikat yang lain. SPLASH sahaja satu-satu syarikat ini tak setuju pada waktu itu dengan apa yang telah dikemukakan kepada mereka dan mereka telah sedia masuk Mahkamah atau pun melalui *arbitration*, mereka kata kita nak buat penilaian semula lagi. Di dalam itulah, Kerajaan Negeri telah mula *arbitration* dan dapatkan satu angka yang telah ditunjukkan kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat sudah terima anggaran itu melalui RHB Bank dan sebagainya. Tetapi malangnya Kerajaan Pusat lah yang tolak *arbitration amount* itu dan katakan mereka nak buat *arbitration* mereka sendiri. *The deadline is 7 of April.* Kita akan tengok *arbitration* itu sudah sampai tamatnya dan apa yang akan jadi. Tetapi di dalam proses itu, saya tahu Kerajaan Pusat ini dah tak ada duit dah. *They are financially constrained.* Sebab itu, dia cuba katakan untuk kita bayar separuh dan dia bayar separuh di mana saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Besar dan EXCO di mana mereka telah menolak *suggestion* ini dari Pusat dan katakan *we would stick to the master agreement* yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak di mana Pusat akan beli balik ekuiti dari SPLASH dan lepas itu *list* kepada kita. Kita tunggu sahaja. Ini ada masalah sikit untuk kita sebab sebelum penyelesaian SPLASH, Air Selangor sekarang tidak boleh buat satu *consolidation* keseluruhan akaun mereka sebab hutang yang

dihadapi oleh kita ialah beban besar kepada Air Selangor. Saya harap Pusat akan kembali balik sebelum 7 April ini untuk selesaikan isu ini dengan pembelian SPLASH. Apa harga dia pun, saya tak payah tahulah. Mereka bersetuju dengan harga yang dikemukakan oleh *arbitration committee* ini dan selepas kita berunding dengan SPLASH, kita boleh selesaikan masalah air, Konsortium Air di dalam negeri Selangor ini.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Tanjung Sepat minta. Sila, Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Sedikit teguran daripada saya untuk Seri Andalas. Sebenarnya bukan *arbitration*, *arbitration is* bukan lagi dilakukan. Cumanya penilaian bebas yang sedang dalam proses untuk pengambilalihan SPLASH ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Memang *arbitration* ini sudah jalan ya. Sebab Pusat telah adakan *arbitration* mereka sendiri. Kita ada penilaian kita yang buat melalui Bank dan sebagainya. Kita ada satu nilai yang kita sudah terima. Tapi itu kena terima oleh Pusat untuk selesaikan masalah. Itu sahaja. Kita tunggu itu sahaja.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Minta maaf. Ia bukannya *arbitration*. Ia adalah merupakan penilaian oleh kedua-dua belah pihak.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Kita boleh *argue* tentang macam mana mereka akan datang dalam satu angkalah. Itu adakah *arbitration* atau penilaian bersama dan sebagainya, sudah ada mekanismenya untuk kita dapatkan satu anggaran yang saya harap kita boleh selesai dalam masa depan yang akan datang. So, sebab itulah kita nampak sampai sekarang tidak ada penyelesaian masalah konsortium air atau pun industri air di dalam negeri Selangor. Saya harap ini boleh dilakukan dalam masa depan yang akan datang. Tak payahlah orang-orang mengura-urakan tentang isu ini dan pembayaran kepada SPLASH tinggi sangat dan sebagainya. Sebab ini semua diketahui oleh orang-orang berkenaan yang telah suara-suarkan katakan isu ini terlibat Menteri Besar dan sebagainya. Itu semua ialah satu berita yang palsu. Lagi dalam sistem air ini kita telah peruntukkan dekat RM400 juta dari perbelanjaan Negeri Selangor untuk atasi masalah NRW di dalam Negeri Selangor. Kita ada 86 *hotspot* yang telah kita kenali dan kita sudah mula untuk bagi kontrak-

kontrak melalui Air Selangor untuk perbaiki kawasan-kawasan ini. Malangnya sekarang ada sedikit masalah. Ini pembangkang kena tahu. Katakan rizab air tak cukup di dalam negeri Selangor tetapi kita belanja banyak dan kita nak atasi masalah. Soalannya, adakah pembangkang nak bekerjasama dengan kita dalam isu ini di dalam menyelesaikan masalah air di dalam Negeri Selangor atau pun melalui agensi-agensi kerajaan. *You* akan cari macam mana nak berhentikan kita, nak selesaikan masalah itu. Contohnya, baru-baru ini JKR. Bila kita ada kontrak-kontrak yang diberi untuk *pipe renewal* kebocoran ini. Baru-baru ini JKR telah dapat satu arahan dari Pusat yang mana mereka kata tiap-tiap meter jalan raya yang digunakan untuk *pipe replacement* ini, kontraktor atau Air Selangor kena bayar RM8,000.00 satu meter. Ini deposit, kalau 1 kilometer RM8 juta. Kalau 10 kilometer, RM80 juta. Mana kontraktor boleh ambil deposit macam ini. Air Selangor pun tak boleh, kita pun tak cukup duit. *What do we do?* Sebab itu saya diberitahu bahawa semua kontrak sekarang diberhentikan buat sementara waktu sampai ada perundingan dengan JKR untuk atasi masalah ini. Saya minta JKR macam ini sahaja. Saya tahu *you* nak ikut peraturan dan sebagainya. Ini *G to G. This is Government to Government. From Selangor Government to Government* di Putrajaya. Apa masalahnya kalau Kerajaan Negeri bagi Bon sahaja? *We guarantee you* yang jalan raya yang akan dikorek dan digunakan itu kita akan bertanggungjawablah. Kita bagi dia satu Bon sahaja, *Bank Guarantee* untuk kita *guarantee* kan bahawa apa-apa pun kita akan *responsible* untuk kerja itu. Tetapi yang penting itu, kerja-kerja ini kena diteruskan. Tidak boleh diberhentikan. Masalah di Seksyen 16 atau Seksyen 14 di PJ. Satu hari, 3 tempat paip pecah saya dengar. Saya tahu sebab keluarga saya duduk sana, saya dengar tiap-tiap kali telefon saya masalah air. Kalau kita nak atasi masalah ini, *we have no other choice but to change the water pipe*. Sebab ini sudah lama dah. Tapi kalaulah JKR datang dia kata *you* kena bayar RM8 juta, RM80 juta. *I don't think there is no any contractor in that category*, dia boleh bayar macam itu dan buat kerja.

So, saya mintalah kerjasama dari EXCO berkenaan yang *in charge on public utilities* kena ada perbincangan dengan JKR untuk atasi masalah ini secepat mungkin. *Make it as soon as possible*. So, kerja-kerja ini boleh dilakukan, di bawah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Yang Berhormat, lampu merah lama juga dah tu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** 20 minit lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKAR:** Yang Berhormat, saya bagi 5 minit lagi Yang Berhormat.



**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker. Saya sedikit nak sentuh tentang JPS. Terima kasih kepada Jabatan Pengairan Selangor telah cuba mengatasi masalah banjir dan sebagainya. Saya ingat beberapa tender dan kontrak telah dibagi dan sekarang ada *balance* nya sebab kontrak itu bukan 100% ya. *Your contract saving is about 30%* dan sebagainya. Saya mintalah gunakan *saving* itu untuk baiki lagi, ada kawasan-kawasan yang boleh gunakan *saving* itu dari tender itu untuk digunakan untuk kerja-kerja lagi di dalam kawasan. Klang ini memang saya nak katakan kawasan Klang ini di bawah paras air laut dan baru-baru ini juga hujan. Masalah besar di dalam Klang, di Sementa, di Andalas, di Port Klang, di Selat Klang, semua Klang juga ada masalah banjir besar. *So, we have to concentrate* untuk mengatasi masalah ini di dalam kawasan, saya terima kasih lah baru-baru ini kita telah belanja dekat RM40 juta lebih untuk atasi kan masalah-masalah di dalam kawasan-kawasan tertentu. Saya tunggu saja untuk Menteri Besar untuk bagi tarikh untuk datang kepada Seri Andalas untuk rasmikan beberapa kerja-kerja yang telah dilakukan di dalam kawasan dan ada kesannya ya, untuk baiki kawasan. *So, saya minta tender saving* itu, yang ada itu boleh digunakan lagi untuk kawasan-kawasan yang lain yang perlukan bantuan ini untuk adakan mengatasi masalah dengan kerja infrastruktur di dalam kawasan. Saya nak sentuh sedikit ya, saya sudah akhirlah sedikit lagi saja. Saya baru-baru ini nak beritahu kepada EXCO yang jaga tempat ibadat dan sebagainya. Malangnya apa yang kita dengar di luar ini, ini ialah bulan yang ketiga di dalam tahun 2017. Bila kita ada ramai yang datang ke pejabat minta untuk bantuan kuil dan sebagainya, apa yang saya diberitahu ialah bahawa peruntukan sudah habis. Ini bulan tiga. Bukan bulan enam, bulan lapan atau bulan sembilan. *So, saya mintalah ya, EXCO berkenaan untuk tengok apa masalahnya, macam mana kita boleh habiskan peruntukan dalam bulan tiga tahun 2017?* Malangnya kita ada lagi tujuh bulan lagi untuk akhir tahun ini dan *I think we have to also advise EXCO* semua ada *management style* yang boleh katakan digunakan di dalam Negeri Selangor. Dan, ini satu-satu yang saya minta ya, EXCO-EXCO berkenaan untuk teliti ya, *management plan* dan sebagainya. Kalau nak baca buku-buku *management* ada juga *Steven Cohan* dan juga *Blue Ocean Strategy* yang boleh dibaca ya untuk *management style* yang akan diguna tapi saya tak boleh terima bila EXCO kata dalam bulan tiga tak ada duit lagi dah. *There's something wrong, to be very frank and that has to be managed by the EXCO* ataupun saya minta Pejabat Menteri Besar untuk teliti penuh dan apa yang telah jadi. Akhir sekali Speaker, saya nak sentuh sikit dengan *National Security* ataupun Sekuriti Tempatan di mana Selangor ni saya katakan KDNK kita 25%. Saya baru-baru baca satu artikel di dalam *Edge* pada bulan Januari yang depan. *The title of this article reads China's Debt Trap Diplomacy* yang telah dibawakan oleh seorang yang bernama *Brama Chellani* dan artikel ini memang bagus, *its quite serious*, saya ingat semua orang dipihak pembangkang kena baca artikel ini tentang *China's Debt Trap Diplomacy* walaupun dapat 144 billion FDI yang telah masuk bagus, cantik tetapi jangan kita jatuh

kepada satu *trap* yang dikatakan melalui *economic trap* ini untuk kita jadi *debt country*. Ataupun ada contohnya sebagai Sri Lanka yang telah pun dikatakan di sini telah jatuhkan di dalam *debt trap* ini di dalam. Di Malaysia sekarang 11 IPP dipegang oleh syarikat asing. *These are all security assets* negara yang telah kita jual *and these has to be checked*. Kalau tidak ada kita akan ada masalah pada masa depan. Kalau katakan ekonomi kita merosot lagi di mana jangkaan ekonomi kita akan merosot lagi juga dan nilai Ringgit kita akan jatuh lagi dengan butiran yang telah dibagi oleh Bloomberg dan sebagai agensi-agensi yang lain, saya harap kita boleh ketatkan perbelanjaan kita dengan adakan satu cara yang baik untuk menyelamatkan negara kita. Kalau Selangor, katakan dalam Bahasa Inggeris *'If Selangor sneezes Putrajaya will catch fever'*. Begitu besarnya penyumbang Selangor kepada negara. Dan, sekarang Sarawak, Sabah cakap tentang autonomi negeri masing-masing tapi penyumbang daripada mereka semua *is negliable* kepada *the whole state*. Sabah, katakan dia nak autonomi, Sarawak katakan dia nak autonomi. Johor pun adakan Bangsa Johor dan sebagainya. Sebab itu saya ingat Selangor pun boleh minta untuk autonomi lah dari Kerajaan Pusat sebab kita boleh jadi satu, pulang balik KL kepada Negeri Selangor dan kita boleh jadi dapatkan autonomi yang lebih sebab sekarang saya nampak dari kutipan hasil yang dikeluarkan dari Negeri Selangor yang kita dapat balik dari Putrajaya *is meaningless*, ya. Dan, ini tidak boleh teruskan dan sebab itu *its better that Selangor has autonomy on certain issues*. Kita pun boleh kutip hasil juga. Dalam, kalau ada program yang baik kita boleh kutip, tak ada masalah dan kita boleh gunakan contoh di Canada dan juga di Amerika Syarikat, di India, di mana negeri-negerinya autonomi mereka lebih luas dari apa yang kita nampak di dalam Negeri Selangor bandingkan dengan kerajaan berparlimen demokrasi Malaysia. Tuan Speaker, saya ucapkan ribuan terima kasih atas pemberian saya masa yang lebih panjang dan saya mengakhiri dengan ucapan sokong ataupun kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Seri Andalas. Usul telah disokong. Saya buka untuk perbahasan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mulakan dengan Kuang. Masa yang sama Kuang, 25 minit.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Boleh sambung dengan Sekinchan?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pendek pun tak apa.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada Speaker kerana memberikan peluang kepada Kuang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ingin mengambil kesempatan menjunjung kasih dan

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas titah ucapan baginda yang membina, terbuka dan mengambil berat pelbagai aspek kehidupan rakyat dengan meletakkan institusi raja sebagai tonggak utama rakyat khususnya Negeri Selangor ini. Kami menyambut dan menerima teguran dan pandangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan sesungguhnya rakyat Selangor sangat bertuah kerana mempunyai seorang sultan yang prihatin, berjiwa rakyat dan penuh tanggungjawab dalam memberi pandangan serta nasihat-nasihat yang membina kepada Kerajaan Selangor dan juga rakyat jelata.

Saya juga mengikuti dengan penuh minat hasrat Kerajaan Negeri membangunkan bangsa dan memakmurkan negeri. Melalui Agenda *Smart* Selangor, Kerajaan Negeri Selangor sering ingin muncul sebagai sebuah negeri yang telus, *good government* serta integriti dalam memerintah mereka di Selangor. Memetik kata-kata Dato' Menteri Besar Selangor dalam Selangor Kini, edisi 24-31 Mac 2017 bertajuk 'Jangan Gadai Integriti'. Y.A.B. berkata "Kejayaan tidak boleh berlaku jika eksekutif atau pentadbir bergelumang dengan rasuah. Mahu berjaya hari ini, esok atau akan datang kita mesti pertahankan integriti dan amalan urus tadbir yang baik". Namun realitinya, Kerajaan Negeri tak ubah seperti 'mengetuk tin kosong' yang bunyinya kuat tetapi isinya kosong. Dalam pengurusan pentadbiran, saya hanya nak menyentuh mengenai YAWAS. Menggambarkan apa yang MB nyatakan YAWAS sendiri bergelumang dengan isu integriti yang tidak berkesudahan dan merugikan rakyat. Selain itu, YAWAS juga membuktikan bahawa Kerajaan Negeri gagal dalam urus tadbir yang cekap dan efisien. Kita ambil sedikit pengajaran yang berlaku di Pulau Pinang bila mana sebuah kerajaan yang diagung-agungkan sebagai paling terbuka, paling bersih, paling hebat, rupanya masih mengamalkan suatu yang kononnya mereka benci dan tidak suka. Apa yang berlaku di Pulau Pinang adalah salah satu pengajaran yang paling bermakna bahawa jangan sombong dan angkuh dengan budaya, akauntabiliti dan bersih sedangkan diri dan parti sendiri bergelumang dengan kekotoran.

Dalam sidang ini, saya ingin ketengahkan beberapa isu berkaitan Yayasan Warisan Anak Selangor atau lebih dikenali sebagai YAWAS. Pertama, objektif asas asal penubuhan YAWAS. Penubuhan adalah untuk mewujudkan, menganjurkan, mentadbir dan menyelenggarakan suatu dana untuk digunakan semata-mata bagi faedah dan kebajikan rakyat Selangor yang lahir dan didaftarkan pada 1 Januari 2008. Kerajaan Negeri Selangor difahamkan telah menyimpang daripada objektif penubuhan YAWAS dengan kita difahamkan Kerajaan Negeri Selangor membuka sama dengan Am Bank bagi SME.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta pencerahan sikit Kuang.

**28 MAC 2017 (SELASA)**

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ya, boleh. Saya bagi Sekinchan. Silakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Kuang. Saya nak minta penjelasan apa yang Kerajaan Negeri menyimpang? Sedangkan rakyat di bawah begitu selesa, suka dengan Skim Mesra Usia Emas. Apabila Khairat Kematian mereka dapat RM2,500.00 ya. Inilah yang Barisan Nasional cemburu tak boleh buat. Jadi, cuba nak rosakkan nama baik YAWAS ini. Terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih Sekinchan. Kita benda baik kita kata baik. Penubuhannya baik tapi Sekinchan pun keluar duit suka hati je. Mati enam orang keluar RM10,000.00. Apa guna simpan RM4,000.00 *cash* Sekinchan? Saya ada bukti Sekinchan. Itu sebab saya cakap.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta sedikit penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kalau mati enam...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta sedikit penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Keluar RM6,000.00 sudahlah. Sekinchan dalam satu masa ada RM10,000.00.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak perbetulkan sebab..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dahlah Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ini tak betul.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Cukuplah sekali.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sebab kita sekali keluar maksimumnya sebelum dikutip hanya RM5,000.00. Dia memesongkan Dewan. Mana boleh RM10,000.00. Ini Kuang...

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya ada bukti.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kuang, Kuang hanya budak suruhan 'Menteri Undang' saja suruh buat. Kawan Jamal.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Menteri mana? 'Menteri Undang' Sekinchan?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sekinchan, biar saya jawab Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, semua duduk. Kuang teruskan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sekinchan, di tangan Sekinchan ada RM5,000.00. Kematian ada enam. Kenapa Sekinchan tak keluar RM1,000.00? Dan, Sekinchan keluar RM5,000.00 pada hari itu. Untuk apa simpan RM4,000.00? Haa...jangan saya ada bukti Sekinchan, ok. Cukup tu Sekinchan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya nak minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya nak bertanyalah ya. Ha, ini Damansara Utama.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Boleh, boleh.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya. Saya nak minta penjelasan. Kuang berkata bahawa ada bukti. Apakah bukti itu? Tahu tak Kuang bahawa apa yang guna dokumen yang digunakan oleh Jamal itu adalah dokumen yang tak betul untuk tunjukkan. Yang betul dokumen itu boleh tunjukkan bukti yang kita ada *submit* dokumen, hantar dokumen ke Pejabat Tanah. Adakah manakah bukti itu, boleh tak tunjukkan bukti itu?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Kalau tidak tahu macam mana baca akaun kita boleh tunjuk ajar di luar Dewan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih kerana Damansara Utama pun ada pegang *cash* RM35,000.00. Itu sebab dia jawab.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Oooo...Ini sangkaan jahat.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kalau kita tak salah apa kita takut.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Itu, bukan. Kalau *you* ada bukti *you* tunjukkan. Hari itu mereka bagi akaun itu hantar pergi MACC, saya sudah tunjukkan macam mana nak baca akaun.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta tarik balik sangkaan jahat.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Boleh tak kita tunjukkan bukti dulu?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ada bukti.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Barulah kita terang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ada bukti, ada bukti.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Yang ini nanti kerajaan jawablah.

**TUAN SPEAKER:** Kuang, tolong duduk dulu. Ya, Sungai Pinang Peraturan Tetap mana satu?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap 36(6). Tadi ada satu tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kuang bahawa Damansara Utama ada menyimpan RM35,000. Jadi, saya ingin mengingatkan supaya ditarik balik ataupun dia boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Had dan Kebebasan kerana membuat tuduhan yang melulu. Ini Tuan Speaker, ini perkara yang serius saya meminta satu petua dan satu perintah daripada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Kuang tolong duduk dulu. Sungai Pinang telah membangkitkan Peraturan Tetap 36 (6) dan Sangkaan Jahat ini dituduh, ditujukan kepada Ahli Dewan Negeri spesifik di dalam dewan ini. Jadi, melainkan ada bukti Kuang, saya cadangkan kalau ada bukti terus pergi ke SPRM kerana dewan ini bukan SPRM. Kuang boleh terus pergi ke SPRM dan terus buat laporan, saya rasa ada Ahli-ahli UMNO telah pun pergi ke sana dan membuat laporan jadi, kalau tak ada perkara lain, kerana kalau Kuang cakap sembarangan di sini pun tak guna kerana sini bukan SPRM.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih. Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kuang, Kuang, tarik balik tadi tuduhan terhadap Damansara Utama.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ok, begini lah. Tarik tidak. Begini, ada dakwaan. Ada dakwaan. Ada dakwaan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, ini sangkaan jahat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Bukan sangkaan, bukan dakwaan..

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya telah tunjukkan semua fail 2 kali kepada UMNO Selangor masih tak baca dokumen tu tapi nak tuduh.

**TUAN SPEAKER:** Kuang, Kuang..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Macam ni lah..

**28 MAC 2017 (SELASA)**

**TUAN SPEAKER:** Kuang..Kuang..Kuang..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kalau kita tak salah, apa kita takut.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kuang..

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Kalau tak salah kena tarik balik dan *apologize*.

**TUAN SPEAKER:** Kuang, ini bukan masalah.. ya.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Baiklah, saya tarik balik. Saya teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Teruskan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tapi, ada dakwaan..ya. Ok, saya juga nak tanya kepada kerajaan. Apakah dana ini juga boleh diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang berada di Wilayah Persekutuan? Itu soalan saya. Dan, kalau betul boleh beri kerana ada dakwaan bahawa anak-anak yang lahir di KL, di Kuala Lumpur sebelum 1, bulan 2 1974, juga mempunyai hak. Tapi, mengapakah tak bagi Parlimen Titiwangsa dan Setia wangsa sama? Ada juga anak kita yang lahir di situ.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Boleh, boleh, boleh.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Speaker dulu..speaker dulu.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Boleh, boleh, boleh..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Speaker dulu.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Saya ada fakta itu. *You* tanya tadi..

**TUAN SPEAKER:** Kuang, benarkan..

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Titiwangsa

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya benarkan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya lambai orang Kuang. Yang Berhormat Kuang, saya ingin bertanya di mana Yang Berhormat Kuang ada membaca bahawa pendaftaran Skim Mesra Usia Emas yang dikendalikan oleh Yayasan Anak Negeri Selangor ini tidak boleh didaftarkan kepada anak-anak ataupun mereka yang asal daripada Parlimen Titiwangsa? Di manakah Yang Berhormat ada membaca peruntukan ataupun syarat itu? Sebutkan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ya lah, saya dimaklumkan bahawa (Ahli Dewan ketawa) Ahli-ahli Parlimen ini tidak diberi kepada Ahli Parlimen. Kalau di lain, diberi kepada Ahli Parlimen, mengapakah tidak diberi kepada Ahli Parlimen Titiwangsa dan Setia Wangsa? Kalau .. Ahli Parlimen Setia Wangsa..

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, Kampung Tunku duduk dulu. Kuang, saya nak bagi sedikit panduan ya. Ini adalah bukan kali pertama Kuang masuk dalam Dewan Negeri. Kuang sudah menjadi ADN 2 penggal dan Program Skim Mesra Usia Emas ini bukan program yang baru. Sudah 2 penggal. Jadi, saya sebagai Speaker.. saya hairan mengapa perkara ini sekarang dibawa masuk bila penggal akhir dah nak habis, baru perkara ini dibangkitkan. Sama ada perkara ini tidak mendapat perhatian pada penggal pertama ataupun apa sebenarnya..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih Puan Speaker, saya melihat beberapa dakwaan berlaku. Sebagai contohnya, sebagai contoh, ya..Ahli Parlimen Wangsa Maju mengeluarkan wang melalui mesin ATM di Klang, di Pulau Pinang, Sentul, Setapak, Wangsa Maju, Kajang, dan Kota Kinabalu.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Hai kalau orang Sabah mati pun kita bayar ke? Ini soalnya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Anak Selangor.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kalau anak Selangor, Wilayah..saya terima lagi. Kota Kinabalu! *Sonang Ba itu..* Orang Sabah pun terima juga?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Nak tanya.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kuang boleh minta laluan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya bagi laluan kepada saya punya sahabat.



**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih. Saya ingin nak minta penjelasan daripada Kuang ini sama ada program Usia Emas ini dari segi prinsip asas dasarnya adalah untuk rakyat negeri Selangor. Jadi, apa pun program, hasrat, cita-cita murni ini mesti yang mendapat nikmatnya adalah rakyat Selangor bukan rakyat luar Selangor. Kalau sampailah, kalau betul lah itu ceritanya, sampai di Sabah, apa ni? Apa yang kerajaan buat di sini. Ini untuk siapa? Kata duit rakyat Selangor untuk rakyat Selangor? Kalau itu benarlah, ya, saya ingin minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih Sungai Burong.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kerana perkara ini lah saya bercakap. Saya pun dah lama tak bercakap dalam Dewan ini, tapi oleh sebab perkara ini lah saya bercakap.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Tuan Speaker, Tuan Speaker..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan, minta penjelasan. Boleh saya mencelah sedikit?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya ingat kerajaan jawablah.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Saya cuma nak tanya sahaja. Saya bagi soalan sahaja. Saya nak tanya soalan sahaja.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kita boleh jawab, kita menjadi mangsa. Nak jawab?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Nak jawab mana?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Boleh tanya soalan?

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Kuang saya ada soalan sahaja. Soalan sahaja.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya ada bukti.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Saya nak soalan sahaja.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bagi laluan sekejap.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya ada 15 minit sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku dan Sri Andalas tolong duduk. Betul juga, Kuang dah lama tak berbahas. Jadi, kita nak dengar Kuang berbahas. Teruskan Kuang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kalau berbahas kena ada ..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan boleh?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Minta Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Okey, Tuan Speaker saya minta laluan.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Saya bagi bukan tuduhan yang dibuat oleh sesiapa..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih sahabat saya Kuang. Saya nak tanya tadi Kuang kata benda..duit itu dikeluarkan di beberapa tempat oleh Parlimen Setia Wangsa. Betul ya? Sampai di Kota Kinabalu. Apakah ini boleh berlaku kerana *ATM machine* ataupun *ATM card* yang diberikan oleh Ahli-ahli Parlimen ini macam kepunyaan diri sendiri. Boleh keluar di mana-mana. Itu memudahkan barangkali untuk pengeluaran yang dibuat. Apa itu jadi sebabnya?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih Permatang. Saya kira memang ini macam hak mereka sendiri. Mereka boleh keluar di mana-mana mereka suka dengan jumlahnya juga yang berbeza-beza.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Kuang, Kuang saya ada soalan boleh? Soalan sahaja..soalan sahaja.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tak ada. Saya teruskan..saya ada

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Sebab tuduhan ini, tuduhan ini serius. Ada satu soalan sahaja saya nak minta Kuang jawab. Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Lagi 5 minit.

**28 MAC 2017 (SELASA)**

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dengar, dengar, tadi saya dengar. Apa lah cakap, entah apa-apa entah.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Saya tahu tapi saya tak buat tuduhan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Orang tak bagi duduklah.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Saya tak buat tuduhan yang palsu atas

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ya, saya tak perlu dengar. Duduk lah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker tak benarkan, Kuang teruskan. Tak payahlah Andalas kacau.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Andalas cakap merepek, cakap apa saya biar je. Dengar saya cakap. Lagi satu Ahli Parlimen Pandan, tapi guna nama orang lain. Rafizi guna nama Mohamad Firdaus Hashim. Dakwaan. Dakwaan. Kerajaan jawab nantilah. Saya nak tanya macam mana kerajaan Selangor boleh biarkan? Orang yang tidak ada kena mengena. Bukan Ahli Parlimen, bukan ADUN, bukan akaun. Ok, satu. Kemudian, saya nak cerita sikit.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Peraturan Tetap. Peraturan Tetap. Tuan Speaker Peraturan Tetap 36 (6)

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Haa, Peraturan Tetap tak apa.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Sangkaan Jahat. Tuan Speaker, saya rasa Yang Berhormat Kuang telah memanipulasikan perkataan-perkataan dakwaan, dan sekian untuk mendakwa ahli-ahli bukan sahaja Damansara Utama tadi, Sekinchan dia pun mendakwa dengan menggunakan perkataan dakwaan kini pula mendakwa Ahli Parlimen Pandan dengan memanipulasikan perkataan dakwaan.. difahamkan dengan siapa ni?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ni peraturan berapa ni?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Perkataan yang dimanipulasikan oleh Kuang, saya rasa

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Teratai masalah apa ni? Pandan bukan ada dalam dewan ni. Teratai masalah apa ni?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya rasa Kuang harus tarik balik perkataan-perkataan yang menimbulkan sangkaan jahat terhadap Sekinchan dan juga Ahli Parlimen Pandan terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Speaker, saya tinggal hanya 2 – 3 minit sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Kuang saya cadangkan kalau nak habiskan perbahasan, baik cepat. Jangan asyik isu yang sama.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tau, tau. Baik Tuan Speaker. Kemudian Speaker, saya ada juga menerima, ini minit mesyuarat ni. Saya tak tau macam mana dapat minit mesyuarat pada saya ni. Orang pos dalam peti surat di rumah saya. (Ahli dewan buat bising) SMUE di Parlimen Kepong melantik pegawai yang bertugas Tan See Chong, tidak dapat dihubungi serta tidak dapat dikesan. Sedangkan telah mengeluarkan beberapa kali duit di ATM pada 15.12.15, 1.3.16, 22.3.16, RM5000.00, RM5000.00, RM5000.00. Yang Berhormat Tan See Chong telah membuat laporan polis berhubung perkara ini. Ini macam mana kita punya Ahli Parlimen ni? Dia biarkan pegawai dia merata keluar duit sesuka hati. Dan satu lagi perkara saya nak cerita. Ini tuan-tuan, tapi Sekinchan dah tegur saya, saya kena.. oleh kerana cerita Sekinchan pun ada kat sini ni. Saya nak usik Sekinchan sikit. Dah lama tak usik Sekinchan. Sekinchan ada duit di tangan RM5000.00. Kematian 6 orang. Patut Sekinchan keluarkan RM1000 sahaja. Yang keluarkan sampai RM5000.00, RM4000.00, buat apa? Haa, ini baru soalan pada Sekinchan. Jadi Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta pencerahan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Jangan tuduh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta pencerahan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak faham sistem jangan tuduh.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ia hanya cerita keluar duit tapi ia tidak tampilkan berapa kematian, bila masa ia tidak tampilkan?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dipersoalkan. Sekinchan buat apa dengan RM4000?

**28 MAC 2017 (SELASA)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi cakap separuh-separuh, cuba nak mengelirukan Dewan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ini Sekinchan kalau cakap dalam Dewan ini, berintegriti, bersih..RM4000 buat apa Sekinchan?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ini hasad niat jahat Kuang. Kita tahu. Dia tidak menggunakan fakta.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Peraturan mana tu Sekinchan, duduk Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Bincang bab keluar duit, bab wang mati dan sebagainya dia tidak cakap.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sekinchan, jangan cakap integriti Sekinchan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang penting je lah. Wang itu, akaun siapa? Tunggu cek Buku Tunai hantar kepada kerajaan ..

**Y.B. TUAN SHAH RUM BIN MOHD SHARIF:** Jangan bagi can orang bercakap. Duduk lah Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Speaker Peraturan Tetap

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Sekadar ambil beberapa wang tetapi akhirnya ia perlu ada bukti. Ada dokumen, ada buku tunai

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ada dokumen, minit mesyuarat!

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Jadi, hakikatnya sekarang adakah wang yang dikeluarkan itu setara dengan dokumen yang hendak dihantar...

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Sangkaan jahat...

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku duduk dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak tanya itu minit mesyuarat UMNO ke apa?

**28 MAC 2017 (SELASA)**

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Minit mesyuarat SMUE.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan dan Teratai duduk dulu. Kuang, ucapan Kuang berapa panjang lagi? Semua berkenaan SMUE?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Lampu masih hijau lagi.

**TUAN SPEAKER:** Saya tahu, saya nak tanya saja. Kuang, ada tak perkara lain yang nak dibahaskan untuk penduduk Kuang?

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Baiklah saya berhentilah SMUE ni tapi kerajaan jawablah. Saya masih lagi menunggulah..

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Speaker Peraturan Tetap Tuan Speaker..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Oleh sebab...

**TUAN SPEAKER:** Sebab ini kali kedua tuduhan terhadap Sekinchan...

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Kerajaan yang peduli rakyat ...

**TUAN SPEAKER:** Kuang..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ini kisah Kuang, ini kisah Kuang....

**TUAN SPEAKER:** Kisah Kuang, boleh diteruskan...

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Oleh sebab kerajaan yang peduli rakyat, saya masih menunggu-nunggu lagi sampai bila persimpangan jalan negeri di simpang Kuang tu nak dibesarkan? Lama saya tunggu. Dan jambatan di Kundang, dah lama saya tunggu. Kata banyak duit, duit banyak. Kata Sekinchan cakap tadi waah, peduli rakyat, jaga rakyat! Sampai sekarang macam menyeksa rakyat Kuang. Rakyat Kuang pun bayar cukai pintu dan juga bayar cukai tanah. Maka itu saya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya tak pernah dengar pun Kuang minta duit kat Dewan ini. Tak adapun.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Apa Sekinchan ni. Sekinchan ni macam pasar malam lah. Saya cakap dia cakap. Tak minta izin dengan Speaker, tak ada

hormat Speaker. Ini DAP punya budaya. DAP punya budaya ni lah dia, samseng. Nasib baik DAP ada seekor sahaja samseng begini. Kalau ada

**TUAN SPEAKER:** Kuang, teruskan..teruskan..teruskan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dah sudahlah, saya nak tutup dah ni.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Akhir penggal nak tunjuk kerja pada Noh Omar. Kalau tidak tak dicalonkan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tuan Speaker, saya nak tutup dah.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Kuang, tutup..tutup perbahasan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sebelum saya gulung, saya nak tegur sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa. Lantik Pengurus Besar YAWAS tu kena tengok betul-betul ya. *Bankruptcy*. Kenapa lantik orang *bankruptcy*? Ini lah yang menjadi masalah. Maka itu saya mengingatkan kepada Yang Amat Berhormat supaya *check* dulu integriti orang nak lantik sebagai Pengurus Besar YAWAS ini maka itu kita dapat menjaga dana rakyat. Ini bukan duit kita, duit rakyat. Puan Speaker, Kuang menutup. (Ahli Dewan ketawa)

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya turut terpanggil untuk membahaskan dalam ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku dalam Perasmian pada hari semalam. Ada beberapa isu yang saya akan cuba bangkitkan dalam kesempatan yang ringkas pada petang ini dan saya harap akan bersambung pada esok hari. Ya, itulah isu yang berkaitan, pertama isu yang berkaitan dengan keunikan Negeri Selangor yang mendapat tumpuan dan juga sanjungan daripada Titah Ucapan Tuanku pada hari semalam. Saya percaya negeri-negeri lain juga kerajaan-kerajaan lain akan cuba belajar dengan Kerajaan Negeri Selangor terutama sekali apabila Tuanku menyebut bahawa politik bukanlah satu tempat untuk mencari pangkat dan kedudukan tetapi yang paling penting ialah untuk melaksanakan satu masalah rakyat dalam urus tadbir sebuah kerajaan. Saya percaya dalam membangunkan masalah rakyat ini lah kita boleh bersama-sama dalam membina kekuatan sebuah Kerajaan Negeri Selangor. Kita boleh bersama untuk bekerjasama walaupun boleh jadi di luar daripada ruang Kerajaan Negeri kita mempunyai parti-parti yang pelbagai dan parti-parti membawa pembawaan pada prinsip dan juga matlamat masing-masing. Sering kita tidak setuju kadang-kadang

antara satu parti antara parti yang lain. Sering kita berselisih dalam perkara-perkara politik di luar tetapi yang uniknya bagi Kerajaan Negeri Selangor ialah kita dapat bersatu melupakan semua itu demi untuk membangunkan masalah ummah dalam konteks sebuah kerajaan. Yang ini yang tidak banyak berlaku dalam mana-mana kerajaan. Kita bekerja atas kesepakatan sebagaimana yang pernah diungkap oleh Tokoh-tokoh Ilmuwan terdahulu (Bahasa Arab) Kita bekerja pada perkara-perkara yang kita sepakati dan kita dapat berlapang dada pada perkara-perkara yang kita perselisihkan. Menyingkap inilah kita perlu mengambil pengajaran untuk membina sebuah kerajaan yang baik yang utuh melihat bagaimana sejarah-sejarah silam kejatuhan Kerajaan Abbasiyah ditulis oleh Ibnu Kathir dalam kitabnya Al-Bidaya wa'l-nihaya asas yang paling besar sehingga meruntuhkan Kerajaan Abbasiyah dikalahkan oleh Tentera Tatar ialah kerana melampaunya dalam soal hiburan. Begitu juga kejatuhan sebuah Khilafah Utsmaniyah di Turki pada ketika itu satu gerakan yang dilakukan oleh Theodore Herzl Pengasas Zionis Antarabangsa yang menggunakan yang menyusup dari belia-belia dan melalui kesatuan Pemimpin Persatuan Belia iaitu Kamal Artartuk dengan kelekaan dan kelalaian di kalangan golongan-golongan muda ketika itu sehingga mereka dibeli dengan wang ringgit dan akhirnya khilafah ini jatuh di tambah pula pada ketika itu kerajaan menanggung hutang yang banyak dan semakin hari semakin banyak semakin hari semakin banyak yang membebankan rakyat dan waktu yang sama di terbuka kepada tawaran-tawaran kewangan daripada luar yang tinggi asal sahaja kerajaan yang dipimpin jatuh dan diganti dengan yang lain. Maka menyedari itu tuan-tuan, Tuan Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian betapa pentingnya kita melihat masalah rakyat lebih diutamakan dalam konteks kita membangunkan. Kerajaan Selangor selama ini telah menggalas tanggungjawab atas empat prinsip yang penting yang pertama dan empat prinsip yang disebut sebagai asas untuk memperkukuhkan sebuah urus tadbir sebagaimana dengan izin hadis nabi menyebut (Bahasa Arab) pembangun lurus nya sebuah kerajaan dengan empat asas yang paling penting (Bahasa Arab) Pertama sekali ialah di mana kita meletakkan ulama, orang-orang ilmuwan, bijak pandai pada kedudukan yang penting dalam sebuah negeri, yang kedua ialah (Bahasa Arab) integriti, keadilan yang mesti dimiliki pemimpin-pemimpin, yang ketiga (Bahasa Arab) membangunkan sikap pemurah di kalangan orang kaya-kaya dan yang keempat (Bahasa Arab) dengan permintaan jangan melupakan permintaan orang yang fakir-fakir atau orang yang susah dan saya percaya kita telah melaksanakan tanggungjawab melangkaui kepentingan politik. Kita melupakan perbalahan politik bagi mengurus masalah rakyat, kita jangan lagi mengundang masalah-masalah lalu apabila hasil negeri hanya di peruntukan kepada golongan-golongan politik tertentu dan melupakan orang lain sedangkan mereka itu adalah orang yang perlu disampaikan hak kepada mereka dalam penyampaian. Kita menyedari bahawa kemungkinan ada kelemahan-kelemahan tetapi jangan sampai hak rakyat bagi orang-orang yang perlu untuk disampaikan maka mereka terhalang hanya



semata–mata kepentingan politik. Kerajaan Negeri telah melaksanakan tanggungjawab dengan melihat bahawa masalah rakyat itu jauh lebih penting dan sebab itu lah kita boleh bekerjasama walaupun boleh jadi di luar ada kelainan–kelainan pandangan–pandangan politik masing-masing tetapi dalam urus tadbir kita melupakan semua itu kerana kita melihat bahawa masalah rakyat itu jauh lebih pentingkan dan jauh diutamakan. Ini sekali gus untuk kita melihat bahawa asas yang paling penting pemimpin-pemimpin sebuah negeri mahupun semua wakil-wakil rakyat melihat bahawa kepayahan rakyat adalah kepayahan pemimpin dan kesenangan rakyat juga di kongsi bersama oleh pemimpin. Kita tidak membiarkan rakyat dalam keadaan kepayahan sedangkan pemimpin dalam keadaan senang sebagaimana yang disebut dengan izin sabda Nabi S.A.W. (Bahasa Arab) apabila datang waktu lapar di kalangan rakyat ku percayalah aku lah orang pertama yang akan lapar terlebih dahulu dan sampai waktu kenyang nabi kata dan percayalah aku lah yang terakhir sekali yang akan kenyang. Inilah asas kalau kita nak menyebut barulah betul bila kita meletakkan prinsip rakyat didahulukan dan pemimpin mesti melihat bahawa masalah rakyat itu jauh lebih penting daripada melayan kerenah politik persekitaran. Tuan Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam isu yang kedua apa yang di titahkan oleh Tuanku pada hari semalam sangat menitik beratkan soal kemurnian akidah terutama sekali kepada umat ilam di Negeri Selangor ini. Kebimbangan ini boleh jadi kerana mutakhir ini semacam telah ada sedikit sebanyak gangguan-gangguan terhadap masuknya ajaran–ajaran yang pelbagai fahaman-fahaman yang pelbagai sehingga sedikit sebanyak ada kesan terhadap pengamalan akidah terhadap akidah Ahli Sunah Waljamaah. Bila menyebut tentang konsep untuk kita memantapkan akidah pegangan akidah Ahli Sunah Waljamaah saya percaya asas ini mestilah bermula daripada ilmu yang dimiliki menggerakkan ilmu, memahami terhadap tauhid adalah perkara yang paling asas di dalam kehidupan. Kejahilan merupakan musuh yang paling besar yang menjerumuskan rakyat, umat Islam dalam negeri ini kepada suatu fahaman yang akhirnya berkecamuk dalam soal akidah dan pegangan tauhid. Maka sebab itu memantapkan akidah Ahli Sunah Waljamaah ini dia tidak lari daripada juga melahirkan persediaan orang-orang yang mempunyai kepakaran yang boleh memberikan contoh tunjuk ajar yang baik dalam memantapkan akidah Ahli Sunah Waljamaah. Di sini lah yang saya nak kongsi terhadap beberapa isu yang sering dibangkitkan oleh masyarakat, alhamdulillah kita Kerajaan Negeri pada satu sudut sebagaimana yang saya sebut di awal tadi kita telah menggarap bahawa orang-orang yang kaya dalam sejarah kita mengurus tadbir telah menjadi golongan-golongan yang pemurah daripada permulaan umpamanya bila saya menyebut tentang kutipan zakat akhir kita mempunyai kutipan zakat paling tinggi di negara kita iaitu lah sebanyak RM697 juta hampir RM700 juta kutipan kita pada tahun 2016. Peningkatan sebanyak 3.2% berbanding dengan kutipan zakat pada tahun 2015. Peningkatan demi peningkatan sejak daripada kita mengurus tadbir sejak daripada 2008 kita tidak ada penurunan melainkan peningkatan

demikian peningkatan dan satu sudut kita telah dapat membina di kalangan kesedaran di kalangan orang yang kaya-kaya bahawa mereka ada tanggungjawab bersama dalam membantu mengangkat atau menyelesaikan masalah-masalah golongan-golongan yang memerlukan bantuan. Namun sedikit apa yang perlu untuk kita yang perlu saya bangkitkan dalam kesempatan ini ialah bahawasanya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mohon mencelah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Sabak yang begitu prihatin dengan perkara tentang masalah rakyat. Saya nak tanya dalam Dewan yang mulia ini perbahasan yang Sabak sertai sejak empat tahun ini berapa kali telah perbahasan telah di sertai sedangkan Kuang baru sekali sahaja. Saya nak tahu berapa kali Yang Berhormat setelah empat kali ini.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Sekinchan. Saya dalam dewan ini bukan sekadar mengambil perbahasan sewaktu kita berada dalam kerajaan. Saya juga mengambil bahagian bersama dengan Bukit Antarabangsa sejak daripada kita belum ada dalam kerajaan kita duduk di barisan sini lagi kita sering membangkitkan soal-soal masalah rakyat masalah ummah pada ketika itu kita memperjuangkan masalah dan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak tahu dalam tempoh empat tahun bagi satu angka agak berapa kali kita perbahasan sebab Kuang baru pertama kali empat tahun saya nak tahu sedikit.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Empat tahun ini saya dah tidak boleh nak kira banyaknya. Terima kasih Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Maknanya dia tidak kerja lah ya maknanya Kuang tidak kerja.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Baiklah, ialah kadang-kadang boleh jadi kita ada orang yang terkesan dengan satu dua masalah boleh jadi itu kemungkinan ataupun dakwaan tapi kita banyak lagi kebaikan yang boleh kita paparkan kepada rakyat yang rakyat boleh menilai terhadap kebaikan apa yang penting saya percaya bahawa kerajaan kita bukan sekadar nak daripada rakyat tapi yang lebih penting ialah Allah dan tuhan menyaksikan kebaikan yang kita lakukan. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menyinggung perkara isu yang kedua ini ialah apabila ada rungutan dan juga ada laporan daripada ibu bapa yang ramai berjumpa dengan saya dan juga saya percaya apa tah lagi berjumpa dengan EXCO dan sebagainya tentang pemberhentian sumbangan ataupun bantuan ataupun tajaan kepada pelajar-pelajar kita yang melanjutkan pelajaran di Mesir dan juga di Jordan. Ini memaparkan kepada kita bahawa kita telah berulang kita telah semacam berundur pada zaman pelajar-pelajar kita dahulu tidak ada tajaan kemudian ada tajaan kita kembali dengan tidak ada tajaan.

## 28 MAC 2017 (SELASA)

Saya baru berjumpa lebih kurang dengan seratus lebih pelajar kita yang akan melanjutkan pengajian ke Mesir yang mereka semua tidak mendapat tajaan mereka terpaksa ke Mesir dengan perbelanjaan peribadi oleh ibu bapa mereka sedangkan mereka perlu mengaji di sana untuk belajar ilmu yang saya percaya golongan inilah yang akhirnya nanti golongan yang penting yang menjadi angker untuk menunjukkan tentang memperbetulkan tentang salah akidah.

**TUAN SPEAKER:** Sabak boleh duduk dulu dan sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan 4.30 petang maka Dewan ditangguhkan sehingga esok 29 Mac 2017 bermula jam 10.00 pagi, Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**